

**Bil. 25**

**Khamis  
16 Ogos 2001**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KESEPULUH  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
– Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2001	(Halaman 18)
– Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2001	(Halaman 58)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.  
(Dilantik)

" Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)

" Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.  
(Dilantik)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)

" Menteri Pendidikan,  
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,  
D.P.C.M. (Dilantik)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin  
(Dilantik)

" Timbalan Menteri Pendidikan,  
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.  
(Dilantik)

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan,  
Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan,  
Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)

" Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

" Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)

" Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

" Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)

" Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

" Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun  
(Dilantik)

" Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,  
B.K.M. (Kedah)

" Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)

" Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

" Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)

" Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)

" Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)

## Yang Berhormat Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)

- " Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- " Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)
- " Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
- " Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- " Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- " Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- " Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- " Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- " Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- " Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- " Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- " Tuan Haji Karim bin Salleh (Pertis)
- " Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- " Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- " Dato' Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- " Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- " Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- " Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae (Dilantik)
- " Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- " Dato' Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- " Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- " Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
- " Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- " Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- " Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
- " Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- " Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- " Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- " Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat	Tuan M. Ratnam (Dilantik)
"	Tuan M. Saravanan (Dilantik)
"	Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
"	Tuan R. Sinniah (Dilantik)
"	Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
"	Puan See Too Mee (Johor)
"	Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
"	To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
"	Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
"	Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)
"	Tuan Yew Teong Look (Dilantik)
"	Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
"	Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
"	Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Negara**

Dato' Abdullah Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha**

Roosme binti Hamzah  
Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Selamat  
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**JURUBAHASA SERENTAK**

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed  
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Khamis, 16 Ogos 2001****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA  
PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN**

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Khamisyah binti Yeop]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

Bahawa, walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Abdillah bin Abdul Rahim** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan, perancangan dan kemajuan setakat ini dalam industri pulpa dan kertas khususnya bagi negeri-negeri yang mempunyai banyak sumber kayu seperti Sarawak, Sabah dan Pahang.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia kini mempunyai 21 kilang pengeluar kertas iaitu 4 kilang di Pulau Pinang dan Selangor, 3 di Pahang, 2 di Perak, Melaka, Johor dan Sarawak, 1 di Kedah dan satu kilang bersepadu kertas dan pulpa di Sabah.

Kilang kertas di Malaysia adalah kecil daripada segi saiz dan juga kapasiti pengeluaran. Pada tahun 2000, 6 daripada kilang kertas mengeluarkan kurang daripada 10,000 tan metrik setahun, sementara 9 kilang lagi mengeluarkan di antara 19,000 hingga 80,000 tan metrik setahun. Hanya 6 buah kilang mempunyai kapasiti pengeluaran di antara 100,000 hingga 300,000 tan metrik setahun.

Daripada segi kapasiti pengeluaran kertas di Malaysia ianya telah bertambah dari tahun ke tahun. Pada tahun 1998 pengeluaran berjumlah 836,000 tan metrik dan meningkat kepada 1,018,000, tan metrik pada tahun 1999. Dengan peningkatan pengeluaran kepada 1,078,400 pada tahun 2000, Malaysia telah dapat meningkatkan kadar penggunaan sendiri ataupun *self sufficiency rate*, dari 43% dalam tahun 1999 ke 50% pada tahun 2000. Malaysia mengimport kertas sebanyak 1,335,000 tan metrik bernilai RM2.36 bilion pada 1999 dan sebanyak 1,189,000 juta tan metrik bernilai RM2.7 juta pada tahun 2000. Angka ini menunjukkan penurunan import sebanyak 11% daripada segi isi padu. Walau bagaimanapun, daripada segi nilai import, meningkat sebanyak 14%.

Di Pahang terdapat tiga syarikat yang mengeluarkan kraf dan *corrugated medium paper*, dengan izin, kertas tisu muka, tisu tandas dan kertas *newsprint*. Kapasiti pengeluaran tahunan adalah sebanyak 391,000 tan metrik di Sabah dan 4 buah kilang bersepadu yang mengeluarkan pulpa sebanyak 150,000 tan metrik setahun.

Satu lagi kilang kertas dan pulpa yang bernilai RM4.5 bilion akan dibina di Sabah. Ianya merupakan projek usaha sama di antara Kerajaan Negeri Sabah dan Republic of China. Di Sarawak terdapat 2 kilang kertas mempunyai kapasiti pengeluaran 13,800 tan metrik setahun dan mengeluarkan tisu muka, tisu tandas, napkin, sampul surat, krat dan *corrugated medium paper* dan *newsprint*. Kerajaan Negeri Sarawak telah menubuhkan Borneo Pulp & Papers Sdn. Bhd. yang bernilai USD900 juta untuk membina satu kilang kertas yang terbesar di Sarawak di Ulu Tatau, Bintulu. Kerajaan Malaysia sentiasa membantu dalam membangun dan mempromosikan industri kertas dan pulpa.

Penekanan utama adalah untuk mencapai tahap kadar kemampuan pengguna sendiri atau *self-sufficiency* dan mengurangkan import. Adalah diharapkan dengan terlaksananya cadangan pembinaan kilang kertas dan pulpa terutama di Sabah dan Sarawak, sasaran untuk mencapai tahap kadar kemampuan penggunaan sendiri *self-sufficiency* dapat realisasikan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kita masih lagi mengimport kertas begitu banyak, saya ingin bertanya sama ada pihak kementerian telah membuat kajian ke atas sumber-sumber kayu pulpa dan jenis kayu yang lain untuk memperbanyakkan sumber kita, sementara menanti sumber daripada tanaman semula kayu untuk tujuan membuat pulpa. Sebagai contoh, apakah kajian setakat ini yang telah dibuat dalam keupayaan pelepah ataupun batang kelapa sawit dan juga *branches*, dengan izin, yang terdapat daripada kayu-kayu getah yang begitu banyak di negara kita sekarang untuk tujuan palpa dan kertas? Sekian, terima kasih.

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang sedar bahawa kita masih lagi mengimport yang sedemikian banyak. dan kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Utama telah menggalakkan supaya pengusaha-pengusaha terutama sekali daripada sektor swasta supaya menubuhkan ladang-ladang hutan di mana supaya kita dapat sumber yang berterusan. Cadangan Yang Berhormat bahawa kajian dijalankan atas kegunaan pulpa daripada kelapa sawit memang telah pun dijalankan dan ada beberapa syarikat yang sedang mengusahakan untuk menubuhkan satu kilang dan di antaranya yang telah pun dibina ialah kilang medium density fiber board yang telah pun ditubuhkan di Johor.

Walau bagaimanapun, dari masa ke semasa kita mengkaji supaya bukan sahaja daripada tandan kelapa sawit dan lain-lainnya juga getah dan inilah sebab di mana terutama sekali Kerajaan Negeri Sabah telah pun mengadakan satu bahagian tanah yang besar kepada 27 syarikat untuk mengadakan ladang perhutanan supaya sumber kita ini dapat berterusan untuk terutama sekali industri-industri seperti yang telah saya sebutkan tadi. Terima kasih.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kriteria mewujudkan sebuah kilang kertas dan adakah kerana satu-satu negeri itu mempunyai kawasan kayu maka kilang kertas boleh diwujudkan ataupun permintaan pasaran begitu besar dan harga import tinggi, maka dengan adanya kawasan kayu kita boleh mewujudkan kilang kertas.

Sabah kini mempunyai sebuah kilang kertas yang besar di Sipitang. Adakah kilang kertas ini tidak dapat memenuhi permintaan tempatan ataupun tidak mampu bersaing untuk mengeksport hasil keluaran mereka sedangkan pelaburannya menelan belanja lebih daripada RM1 bilion.

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang satu daripada punca ataupun satu daripada *ingredient* untuk kita menubuhkan satu industri itu ialah keadaan ataupun sumber yang sedia ada. Ini akan mengurangkan kos. Dan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, di Sipitang keluaran tahunan sebanyak RM190,000 tan metrik setahun dan import yang masih juga begitu banyak yang saya katakan tadi, maka ada pentingnya kita menubuhkan kilang-kilang seumpama itu. Dan paling sesuai di negara kita ialah tiga kawasan atau tiga buah negeri yang mempunyai sumber yang begitu besar iaitu Sabah, Sarawak dan juga Pahang. Maka oleh itu,

kerajaan telah pun bersetuju di mana Kerajaan Negeri Sabah dan People's Republic of China yang mengadakan usaha sama, menubuhkan satu kilang pulpa yang bersepadu di negeri Sabah.

2. **Tuan Yew Tuan Chiew** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, tindakan yang diambil terhadap operasi penghapusan pil-pil *ecstasy* sebab difahamkan ia masih diedarkan secara berleluasa terutamanya di kelab-kelab malam dan tempat hiburan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Yew Tuan Chiew pertama sekali saya ingin menyatakan bahawa kenyataan yang menyatakan pil-pil *ecstasy* masih diedarkan secara berleluasa adalah kurang tepat walaupun kita tidak boleh menafikan adanya dijual secara *illicit*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Usaha-usaha pemantauan sentiasa dijalankan untuk menangani masalah penyalahgunaan pil ini. Sebagai contoh, berbagai-bagai usaha telah diambil untuk menangani masalah penyalahgunaan pil-pil ini. Pertama, operasi-operasi di pusat hiburan kerap dijalankan seterusnya untuk mengesan dan menangkap penyalahgunaan pil *ecstasy* melalui pertama ujian air kencing mereka. Di samping itu juga, pemantauan secara berterusan juga dibuat di semua sempadan melalui laut, udara serta meningkatkan kawalan ketat di Lapangan Terbang Antarabangsa bagi membendung kemasukan dadah pil *ecstasy* ke dalam negara kita. Manakala tindakan undang-undang juga telah dibuat bagi pengedar di bawah Seksyen 39B, (a) (d) (b) 1952 yang membawa hukuman mati mandatori.

Pihak kerajaan memohon jasa baik masyarakat dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat dan ahli-ahli politik agar dapat mengesan dan membantu kerajaan dalam usaha-usaha tersebut. Usaha kerajaan dalam usaha kita untuk menangani masalah ini kita sentiasa berbuat. Saya harap semua mestilah mengambil bahagian.

Selain daripada itu juga, saya ingin menyeru kepada pengedar-pengedar insafilah perbuatan yang terkutuk ini kerana kita mesti ingat, hari ini anak orang lain yang terlibat, satu hari kemungkinan anaknya sendiri akan terlibat dalam penggunaan atau penyalahgunaan dadah ini. Saya mengharapkan juga institusi keluarga yang berinteraksi dan penyayang dan juga yang sentiasa mengawasi anak-anak mereka perlulah diterapkan kepada setiap orang. Terima kasih.

**Tuan Yew Tuan Chiew:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana mengambil berat atas operasi penghapusan pil-pil *ecstasy* di negara ini. Soalan tambahan saya, berapa kerapnya siasatan polis ke tempat-tempat yang berkenaan?

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bilang kerap, berapa kalikah itu kita tak dapatlah sebab tindakan ini kita ambil menyeluruh daripada Perlis sampai ke Johor, sampai ke Sabah, sampai ke Sarawak. Bermakna tindakan ini kita ambil berterusan. Kalau hendak kirakan ribu kali tak tahulah, puluh atau ratus kali kemungkinan adalah kebenarannya. Sebab kita tidak sekali-kali memberi peluang kepada pengedar-pengedar ini mengembangkan aktiviti-aktiviti mereka dalam soal pengedaran pil *ecstasy*, begitu juga dadah.

**Dato' Charern Intachat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah pihak kementerian menyatakan dari negara manakah pil-pil *ecstasy* ini berasal. Adakah pil-pil ini dibuat di negara kita sendiri memandangkan tidak ada berita tentang tangkapan dan rampasan yang dilakukan oleh agensi-agensi kerajaan seperti kastam dan polis di pintu-pintu masuk sempadan kita.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa sempadan negara kita ini adalah terlalu luas untuk kita pastikan daripada manakah. Tetapi pada asasnya *ecstasy* ini adalah didatangkan daripada luar melalui tempat-tempat yang saya sudah katakan tadi iaitu *illicit*, tempat yang kadang-kadang sukar untuk kita memberikan perhatian. Walau macam manapun, kita akan sentiasa memantau. Kadangkala pil *ecstasy* ini didatangkan daripada luar dan ada masanya didapati juga ada campuran-campuran yang dibuat daripada dalam kerana untuk memurahkan harga. Inilah masalah yang saya katakan tadi kita hadapi bersama dan berharap pihak-pihak yang melakukan kerja-kerja yang terkutuk ini dapat menginsafi perbuatan mereka ini. Terima kasih.

3. Tuan Zainal bin Rampak minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah kementerian telah melantik atau menubuhkan jawatankuasa penyiasat bagi menyiasat kejadian kebakaran kapal tangki di Pelabuhan Pasir Gudang, Johor pada 20 Jun 2001 yang mengorbankan 9 orang pekerja. Apakah tindakan yang diambil oleh kementerian bagi mempertingkatkan taraf keselamatan dan kesihatan pekerjaan di pelabuhan-pelabuhan di negara ini dan seterusnya mengelakkan kejadian sedemikian berulang lagi pada masa hadapan. Apakah tindakan ke atas pemilik kapal tangki berkenaan.

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini menerusi Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menjalankan siasatan terhadap kemalangan tersebut pada 20 dan 21 Jun 2001. Pada masa kini kementerian sedang mengumpulkan maklumat lanjut bagi melengkapkan serta menimbangkan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang terlibat mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Kilang dan Jentera 1967. Kementerian Sumber Manusia mengklasifikasikan kejadian tersebut sebagai kemalangan maut yang melibatkan pekerja yang bekerja di ruang terkurung atau *confined space*.

Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia telah mengambil tindakan pencegahan daripada berulangnya kejadian tersebut menerusi JKKP telah mengenal pasti strategi berikut bagi memastikan kemalangan yang melibatkan pekerja yang bekerja di ruang terkurung dapat dibendung:

- (a) Mengadakan seminar keselamatan dan kesihatan pekerjaan mengenai bekerja yang bekerja di ruang terkurung dengan bertujuan memberi penerangan kepada pihak pengurusan yang terlibat dengan kerja berkenaan bahayanya mereka yang berada di ruang terkurung serta cara mengawalinya. Seminar ini akan diadakan di Kuala Lumpur pada September, Johor Bahru pada Oktober dan lain-lain tempat pada tahun 2002.
- (b) Mengadakan modul kursus pengujian gas diiktiraf. Modul ini adalah bagi menyediakan kursus di Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NOIS) kepada pekerja yang akan diberi tugas oleh majikan dengan melakukan pengujian gas dalam *confined space* bagi memastikan keadaan adalah selamat untuk pekerja lain untuk masuk ke tempat tersebut.
- (c) Menjadikan garis panduan *confined space* sebagai kod amalan industri yang diiktiraf dengan menjadikan garis panduan yang sedia ada perlu dipatuhi oleh majikan mengikut kehendak perundangan.
- (d) Mengadakan keperluan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan terutamanya peruntukan kerja di *confined space* dalam 'B & Q' Tender *Document* untuk memberitahu pihak yang terlibat dengan kerja di *confined space* tentang pentingnya memasukkan keperluan tersebut dalam tender dokumen supaya masalah kemalangan di *confined space* ini dapat ditangani dengan peruntukan sumber yang mencukupi.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih atas jawapan dan penjelasan serta tindakan-tindakan yang diambil oleh kementerian bagi menangani perkara sedemikian tidak berlaku lagi.

Saya ingin untuk mengemukakan soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum, Yang Berhormat juga sedia maklum beberapa tindakan telah pun dijalankan oleh kementerian ke arah memastikan keselamatan pekerjaan terjamin dalam negara kita, tetapi malangnya kita tahu sesetengah majikan kementerian terpaksa bertindak dengan tegas barulah majikan tersebut mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya mengikut kehendak undang-undang yang ada.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, oleh kerana pelabuhan-pelabuhan di negara kita ini begitu maju dan begitu canggih dan keselamatan begitu

penting, seperti mana yang berlaku di West Port, Pelabuhan Barat baru-baru ini dua kali kemalangan, banyak pekerja yang meninggal dunia jatuh ke dalam laut dan sebagainya. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat bolehkah kementerian menubuhkan sebuah *task force* untuk mengawasi perkara-perkara sedemikian supaya jangan berlaku dan supaya *task force* ini dapat melihat secara lebih dekat dan mengenal pasti isu-isu ini dan menasihatkan secara lebih dekat kepada pihak majikan yang mengendalikan Port ini supaya mengikut perundangan yang ada. Terima kasih.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak atas cadangan itu, memang tujuan Kementerian Sumber Manusia bukan sahaja ingin mengurangkan kejadian kemalangan di tempat kerja, bahkan kita hendak mencapai *zero defect*, jadi dengan itu kita juga perlu bekerjasama bukan sahaja dari pihak majikan tetapi juga dari pihak pekerja supaya kita boleh serapkan budaya keselamatan dan kesihatan sebagai satu cara kehidupan mereka. Saya ingin juga mengucapkan terima kasih juga kepada MTUC yang selalu memberi kerjasama kepada Kementerian Sumber Manusia.

Cadangan Ahli Yang Berhormat tentang perwujudan sebuah *task force* untuk mengawal dan mengkaji masalah ini khususnya kemalangan yang terjadi di *confined space* ini merupakan satu cadangan yang amat wajar, saya akan menimbang dan harapkan mendapat persetujuan di semua pihak khususnya pihak majikan dan pihak pekerja seluruhnya supaya *task force* itu dapat menjalankan tugasnya dengan lincin dan berkesan.

**Datuk William Lau Kung Hui:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, memandangkan pelabuhan-pelabuhan di Malaysia di negara kita seperti West Port, Pasir Gudang, Tanjong Pelepas dan lain-lain, merupakan satu sumber perolehan duit asing yang besar, dengan izin, *is a big source of foreign exchange earner*, dan lagi pelabuhan-pelabuhan pun merupakan suatu kemudahan infrastruktur yang penting untuk menyokong dan melibatkan pertumbuhan ekonomi kita.

Saya ingin tahu daripada pihak kementerian adakah koordinasi atau adakah apa-apa koordinasi di antara Kementerian Sumber Manusia dengan kementerian khususnya Kementerian Pengangkutan tentang *confined space* dan lain-lain soal keselamatan di negara ini. Mungkin Menteri akan bercakap berucap soalan tambahan saya terkeluar skop soalan asal, tetapi soalan saya berdasarkan satu prinsip bahawa bertindak dan bekerja bersama di antara kementerian-kementerian di bawah satu Kerajaan Pusat adalah yang penting untuk tujuan Vision 2020. Terima kasih.

**Datuk Dr. Gong Chan Onn:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kerjasama dengan kementerian lain, Kementerian Sumber Manusia sebagai satu bahagian kerajaan, memang selalunya dapat kerjasama dengan kementerian-kementerian lain contohnya untuk mengawal selia keadaan keselamatan dan kesihatan di kapal-kapal dan sebagainya di pelabuhan dan sebagainya, memang Kementerian Pengangkutan selalunya memberi kerjasama kepada Kementerian Sumber Manusia, tetapi saya ingin menegaskan bahawa di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Kilang dan Jentera 1967 memang Kementerian Sumber Manusia mempunyai kuasa yang cukup untuk mengawal keadaan tersebut. Ertinya kementerian mempunyai kuasa dan dengan kerjasama kementerian-kementerian lain adalah satu program untuk menjadikan tempat kerja di negara kita sebagai tempat yang sihat, tempat yang selamat, itu menjadi punca untuk Malaysia terus tumbuh dari segi keadaan ekonomi.

Namun demikian, saya akan terus tentukan bahawa kerjasama yang lebih rapi dengan kementerian yang lain akan terus didapati supaya kita boleh terus menjadikan Malaysia sebagai satu tempat yang sihat dan selamat untuk semua pekerja kita.

4. Puan Jamilah binti Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan berapakah dan apakah jabatan-jabatan yang akan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sejauh manakah ianya dilihat bertindih dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop]:** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya terdapat 33 buah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri dan termasuk dua buah badan berkanun Persekutuan dan dua buah pihak berkuasa tempatan.

Setakat ini belum ada cadangan untuk meletakkan mana-mana jabatan lain di bawah JPM. Juga tidak berlaku pertindihan fungsi di antara JPM dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

**Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, 4,836 guru Kelas Fardu Ain Selangor menikmati kadar baru elaun dengan kenaikan 10% atau RM43. Sebelum ini KAFA Selangor menerima elaun kira-kira RM476 sebulan merupakan kadar tertinggi berbanding dengan negeri lain. Dengan kenaikan tersebut bermakna guru KAFA Selangor akan menikmati RM500 sebulan, memandangkan jasa dan penghargaan terhadap sumbangan guru KAFA kepada pembangunan negara.

Soalan saya, mengapakah negeri Selangor sahaja yang prihatin kepada guru KAFA, mengapa tidak diselaraskan dengan negeri-negeri dan mengapakah elaun selalu ditangguhkan pembayarannya. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan Yang Berhormat tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan Yang Berhormat tidak ada kaitan dengan soalan asal, minta maaf dan terima kasih.

**5. Puan Hajah Azizah binti Datuk Haji Mohd. Dun** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk memperkenalkan sistem pendaftaran pengundi secara automatik, iaitu sebaik sahaja seseorang warganegara mencapai umur 21 tahun.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 1971, seorang yang layak perlu membuat permohonan untuk didaftarkan sebagai pemilih dengan mengisi borang dan mengemukakan borang tersebut kepada pegawai pendaftaran bagi kawasan pendaftaran berkenaan. Oleh kerana sistem pendaftaran yang sedia ada sekarang telah berjalan lancar, maka kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan sistem pendaftaran pengundi secara automatik.

Walau bagaimanapun, mulai tahun hadapan, SPR akan mengadakan sistem pendaftaran pemilih sepanjang tahun, di mana ianya akan memberi peluang yang lebih luas kepada rakyat Malaysia yang layak untuk mendaftar sebagai pemilih pada bila-bila masa sebaik sahaja seseorang itu mencapai umur 21 tahun. Terima kasih.

**Puan Hajah Azizah binti Datuk Haji Mohd. Dun:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana akan mengadakan sistem pendaftaran sepanjang tahun ini, namun walaupun demikian, kita dapati orang-orang Malaysia ini dia malas sedikit untuk datang ke pejabat untuk mendaftar, jadi saya ingin bertanya kepada kerajaan, kalau sewaktu saya belajar di United Kingdom dahulu, borang-borang ini dihantar ke rumah-rumah supaya mereka yang sudah mencapai umur bolehlah mengisikan borang dan mengembalikannya, jadi ini akan memudahkan lagi, jadi yang malas pun boleh mengisi borang. Bolehkah ini dilakukan di Malaysia?

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Mengenai pengalaman Yang Berhormat di United Kingdom yang mengatakan borang dihantar ke rumah-rumah, itu mungkin inisiatif yang dilakukan oleh orang-orang individu, mungkin, tetapi kerajaan tidaklah berbuat sampai hendak beri borang itu ke rumah-rumah, tetapi apa yang kerajaan akan buat seperti tahun hadapan, iaitu melalui sistem pendaftaran pemilih sepanjang tahun, di mana SPR akan membuka kaunter-kaunter pendaftaran di ibu pejabat SPR, pejabat-pejabat pilihan raya negeri, pasukan pendaftaran bergerak dan mungkin di beberapa agensi kerajaan yang sering dikunjungi oleh orang ramai seperti Pos Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara dan sebagainya.

Warganegara yang layak boleh mendaftar pada bila-bila masa. Jadi, dengan adanya kaunter-kaunter yang lebih banyak dan dengan sistem yang baru ini, kerajaan yakin bahawa warganegara yang telah mencapai 21 tahun dan juga dengan bantuan dari kempen-kempen yang dibuat oleh parti-parti politik, maka mereka yang berumur 21 tahun kita yakin akan terpenggil untuk mendaftar sebagai pengundi. Terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, disebabkan pendaftaran sepanjang tahun baru hendak

diperkenalkan, saya hendak tahu sebelum ini berapa lamakah tempoh pendaftaran untuk melayakkan seseorang itu dapat mengundi, sebab kita dapat melihat dalam pilihan raya yang lalu, lebih daripada 6,000 pengundi baru tidak dapat mengundi.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, setiap pemilih yang mendaftar seperti yang kita sedia maklum ada masa-masa tertentu dan nama-nama ini akan dihantar kepada SPR dan SPR akan mempamerkan nama-nama tersebut. Jadi sepatutnya mereka yang mendaftar, mereka kena menyemak nama mereka waktu pameran dibuat dan apabila nama mereka tidak ada di dalam pameran dibuat iaitu waktu bantahan, maka sepatutnya mereka yang namanya terkeluar itu mereka boleh membuat aduan kepada pihak SPR tetapi kalau pada waktu pagi pilihan raya itu baru hendak semak, sudah tentu sudah terlambat kerana tidak ada masa lagi untuk dia membuat pembedaan jika nama tercicir.

Oleh itu kita harap semua rakyat yang layak mengundi kena sentiasa peka dan hari ini kita ada pula *online* untuk kita memastikan nama kita didaftarkan sebagai pengundi dan jangan tunggu di saat akhir baru kita sibuk untuk menyemak nama kita dan apabila terutamanya di waktu pagi mengundi sudah tentu agak terlambat untuk kita membetulkan nama yang tercicir. Terima kasih.

6. **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kementerian Pertahanan telah membuat cadangan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menaikkan kadar pencen bagi mereka yang menerima pencen di bawah paras kadar kemiskinan iaitu RM400 sebulan bagi bekas-bekas tentera.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam ucapan Belanjawan tahun 2001 pada 27 Oktober 2000 Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memaklumkan bahawa kerajaan telah bersetuju menaikkan amaun pencen terendah bagi kakitangan awam yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 25 tahun daripada RM180 kepada RM280 sebulan. Susulan daripada itu, mesyuarat MAT ke 393 yang bersidang pada 20 Februari 2001 telah membincangkan keputusan kerajaan ini dan bersetuju agar kenaikan pencen terendah daripada RM180 sebulan kepada RM280 sebulan juga dipanjangkan kepada Anggota Tentera Malaysia (ATM) berdasarkan perkhidmatan diakui selama tidak kurang daripada 25 tahun bagi pegawai-pegawai dan 21 tahun bagi askar-askar.

Tarikh kuat kuasa kenaikan pencen terendah ini adalah pada 1 Januari tahun 2001 iaitu bersamaan dengan tarikh kuat kuasa kenaikan pencen terendah bagi kakitangan awam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kementerian pada masa ini tidak bercadang untuk menaikkan kadar pencen minimum kepada RM400 bagi pesara-pesara ATM dan apa-apa keputusan untuk menaikkan pencen bagi kakitangan awam di masa hadapan akan juga dipanjangkan kepada anggota-anggota ATM. Oleh yang demikian, kementerian berpendapat bahawa buat masa sekarang tiada terdapat keperluan untuk mengkaji kadar pencen bagi bekas tentera agar melebihi RM400 sebulan, ini kerana selain daripada wang pencen bulanan bekas-bekas tentera dan keluarga masih boleh mendapat pelbagai bantuan daripada kerajaan.

Seyogianya, dimaklumkan bahawa tidak terdapat pesara ATM yang menerima pencen perkhidmatan atau pencen terbitan atau sekadar minimum baru sebanyak RM280 sebulan. Namun demikian, kenaikan pencen terendah ini telah dibuat bagi melaksanakan keputusan kerajaan tersebut dan kerajaan sentiasa bersedia untuk memberi peluang kepada bekas-bekas tentera yang berminat untuk menyertai kemudahan-kemudahan latihan bagi meningkatkan kemahiran yang sedia ada.

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM sedang merangka program-program untuk meningkatkan taraf sosioekonomi bekas-bekas tentera.

**Puan See Too Mee:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, hingga hari ini, adakah balu-balu atau janda anggota polis pada tahun 50-an masih menerima pencen yang telah diselaraskan dan berapalah peratusannya yang masih menerima pencen yang berkenaan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Polis atau askar?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, polis, saya ingat polis ini, Yang Berhormat soal tentang polis, saya ingat wakil dari Kementerian Dalam

Negeri boleh menjawab dan seperti yang saya sebutkan bersabit dengan tentera sudah pun saya sebutkan tadi dalam jawapan saya iaitu dalam kadar kita selaraskan apa yang kerajaan telah putuskan untuk dinaikkan kadar RM280 sebulan maka dengan itu pihak tentera juga akan mendapat kadar sedemikian rupa.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan tadi tidak ramai yang bangun, jadi saya bangunlah. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, ramai yang komen di peringkat pelbagai sudut berkenaan dengan tentera khususnya apabila mereka berada dalam uniform mereka dilihat segar, tetapi apabila mereka pencen, mereka dilihat sebagai semalam kita membicarakan masalah dilihat sebagai kumpulan orang miskin yang bekerja sebagai buruh, jaga dan sebagainya. Kita hendak tahu daripada pendirian kerajaan, supaya satu penyelesaian yang menyeluruh, iaitu piawai PPRT di negara kita mengikut rancangan kita yang baru, kalau tidak silap saya RM800, jadi apakah dengan pencen minimum yang ada di peringkat tentera ini akan meletakkan secara automatik golongan-golongan ini di bawah golongan yang akan mendapat kemudahan dalam bantuan PPRT. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Tuan Haji Rosli mempersoalkan tentang kadar PPRT. Sememangnya kalau mengikut tafsiran yang telah dimaklumkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar kadar PPRT bagi contohnya Semenanjung ialah RM510; di Sabah RM685, maknanya gaji tentera yang berpencen kurang daripada RM280 itu adalah tergolong daripada golongan-golongan PPRT, maka mereka layak untuk mendapat bantuan.

7. **Tuan Zakaria bin Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan terkini mengenai sambutan orang ramai terhadap usaha kerajaan untuk mewujudkan usahawan dalam bidang perniagaan runcit/francais melalui program PROSPER yang dilancarkan sedikit masa dahulu. Berapakah jumlah wang bantuan yang telah terlibat setakat ini.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, projek Usahawan Bumiputera dalam bidang peruncitan ataupun PROSPER telah mula diumumkan pada 2 Ogos 2000 merupakan satu skim khas untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor perniagaan runcit. Skim ini mengintegrasikan dan menyelaraskan pelbagai aspek perniagaan dengan objektif untuk membantu dan memudahkan bumiputera yang berminat untuk menceburi perniagaan runcit. Kemudahan dan bantuan yang disediakan oleh kerajaan untuk menjadikan skim ini termasuklah kemudahan sokongan modal, kemudahan premis, kemudahan pinjaman, bantuan pengurusan perakaunan, peluang perniagaan dan latihan.

Untuk memastikan skim PROSPER ini berjaya dalam jangka panjang, penekanan diberikan kepada aspek latihan dan pengetahuan dalam bidang perakaunan dan urusan kewangan.

Justeru itu, PROSPER telah memperkenalkan Bengkel Penyediaan Rancangan Perniagaan dengan objektif untuk membantu bakal-bakal usahawan yang kurang berpengetahuan di dalam menyediakan rancangan perniagaan dan memberi pendedahan kepada bentuk-bentuk perniagaan runcit yang berdaya maju untuk dijalankan.

Setakat ini seramai 2,415 orang peserta telah menyertai bengkel tersebut. Melalui inisiatif ini kerajaan berharap peserta akan lebih proaktif dan dapat memenuhi ciri-ciri keusahawanan yang diperlukan sebelum diluluskan dalam skim PROSPER. Sehingga kini sebanyak 296 rancangan perniagaan telah diterima. Daripada jumlah tersebut sebanyak 204 rancangan perniagaan adalah di dalam bentuk bukan francais dan selebihnya 92 rancangan perniagaan dalam bentuk francais.

PROSPER setakat ini telah meluluskan sebanyak 50 permohonan perniagaan. Daripada jumlah tersebut, 19 telah beroperasi dan 31 pada peringkat pengubahan premis. Sehingga kini jumlah kos yang terlibat bagi membiayai perniagaan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM16,007,348. Daripada jumlah tersebut bantuan sokongan modal dalam bentuk ekuiti daripada Sekretariat PROSPER adalah berjumlah RM4,452,837.

Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kita pernah berpengalaman di dalam bidang dan usaha untuk meningkatkan rangkaian runcit dan terutama sekali bumiputera pertama kalinya selepas teretusnya tragedi 13 Mei 1969 di mana PERNAS Trading dan Kumpulan PERNAS diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan kalau sekiranya kita mewujudkan hanya *outlets* atau hanya unit-unit peruncitan dan tidak mengambil kira syarikat-syarikat pengeluar yang besar-besar untuk dirangkaikaitkan dengan runcitan, kita sekali lagi akan gagal.

Soalannya sekarang, berapa banyak syarikat pengeluar yang besar-besar yang menyertai program ini bagi menentukan hasil mahsul daripada syarikat-syarikat besar itu dapat diruncitkan menerusi rangkaian kedai-kedai runcit yang berpersatuan kuat untuk menentukan mereka ini tidak diabaikan oleh pengusaha-pengusaha besar.

Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Memang kita sedar bahawa tanpa sokongan daripada syarikat-syarikat besar memang sukar untuk kita menjalankan perniagaan runcit ini. Sebab itu saya sudah nyatakan tadi bahawa daripada projek yang kita buat ianya banyak meliputi rancangan perniagaan dalam bentuk *français* di mana 204 rancangan dalam bentuk *français* dan selebihnya 92 lagi dalam bentuk biasa.

Jadi, ini jelas menunjukkan bila kata kita mengadakan sistem *français* sudah tentu ada *giant company* yang ada di belakang perniagaan ini dan saya minta maaf kerana saya tidak ada senarai, tetapi saya hendak maklumkan memang ada beberapa syarikat besar bersama-sama dengan kerajaan untuk menjayakan projek PROSPER ini. Saya akan beri Yang Berhormat dengan secara bertulis senarai syarikat-syarikat besar yang membantu menjayakan projek PROSPER ini.

Terima kasih.

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyatakan bahawa program PROSPER ini adalah terhad kepada bumiputera. Saya ingin tahu, memandangkan bahawa bukan bumiputera pun khususnya kaum India memerlukan bantuan dalam perniagaan, bolehkah pihak kementerian menimbang dan menyemak semula mengenai program ini oleh kerana semua rakyat boleh prosper.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya telah nyatakan tadi PROSPER ini hanya untuk golongan bumiputera kerana kita dapati hari ini dalam bidang ekonomi terutamanya dalam bidang peruncitan kita lihat golongan bumiputera memang agak tertinggal jauh. Ia punya perangkaan kalau saya tidak silap bumiputera hanya lebih kurang 10% sahaja terlibat dalam perniagaan runcit ini. Kita lihat di bandar-bandar besar terutamanya bilangan bumiputera yang mempunyai kedai-kedai amat sedikit, sebab itu kerajaan memperkenalkan PROSPER.

Mengenai cadangan Yang Berhormat saya kira kerajaan kena menimbang skim lain jika kita fikirkan perlu untuk kaum India terutamanya tetapi PROSPER ini memang khas untuk golongan bumiputera.

Terima kasih.

8. **Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah pihaknya akan mewujudkan satu garis panduan kepada artis-artis khususnya dalam soal pakaian apabila muncul dalam media elektronik khususnya di RTM dan media cetak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Zainudin bin Maidin]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan sudah pun ada garis panduan siaran yang menjelaskan secara terperinci cara penampilan setiap artis termasuk dandanan, cara berpakaian, gerak geri dan tata kelakuan semasa membuat persembahan.

Para artis yang tidak menepati garis panduan ini tidak akan dipertimbangkan untuk mengambil bahagian dalam mana-mana siaran RTM. Mengenai tata cara keterampilan artis-artis di media cetak adalah tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Saya suka juga memaklumkan bahawa dari tahun 1996 hingga tahun 2001 seramai 15 orang artis termasuk top artistes dan satu kumpulan muzik telah menghadapi tindakan kerana terlibat dalam khalwat, membuat kenyataan lucah, mabuk dan juga menjadi penagih dadah dan mereka ini telah menghadapi tindakan daripada Jawatankuasa Penilaian Artis dan Lagu, Kementerian Penerangan, yang berupa tindakan untuk menyekat mereka daripada muncul dalam TV dan radio, tidak mempromosikan mereka dan juga digantung kontrak mereka.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana memberi penerangan yang jelas tentang garis panduan dan pakaian juga gerak laku. Yang saya ingin bertanya ialah masyarakat umum didedahkan juga dengan saluran lain seperti ASTRO, lebih khusus MTV dan sebagainya. Kadang-kadang agak terlalu amat menjolok sehinggakan seolah-olah kita mendapat video VCD yang haram.

Jadi, saya ingin bertanya apakah kawalan atau pengawasan Kementerian Penerangan dari segi saluran ini yang dalam akhbar baru-baru ini pun ditulis begitu teruk sekali. Saya tidak payah panjang ceritalah tetapi kalau kita baca artikel itu kita ingin bertanya kerajaan hendak mengawal ini bagaimana? Saya tahu tidak boleh sekat langsung. Jadi bagaimana? Adakah kawalan langsung perkara ini?

Terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan menyedari sepenuhnya hakikat ini dan kami juga merasa tidak senang dan saya sendiri merasa tidak senang dalam beberapa hal kadang-kadang penonjolan yang di luar tatasusila kesopanan bukan sahaja Melayu tetapi adat istiadat dan jati diri bangsa negara ini. Dalam hal ini kita amat memerlukan kesedaran daripada pihak yang telah diberikan tanggungjawab sebab kita adalah sebuah negara yang bebas, *multi-racial* dan mempunyai nilai-nilai yang agak berbeza. Apa yang telah dilakukan oleh Kementerian Penerangan ini malah dua hari sudah saya sendiri menegur tentang sebuah iklan di ntv7 sendiri yang begitu *suggestive*. Saya tidak tahu kenapa tidak ada kesedaran daripada pihak mereka yang telah diberikan lesen seumpama ini terhadap tanggungjawab, bangsa, agama dan masalah-masalah sosial di negara ini.

Hal ini kita tidak akan biarkan dan setakat ini kita hanya menasihatkan mereka.

**Seorang Ahli:** Batal, batal.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** ...menyedari tanggungjawab mereka bahawa tidak hanya untuk mencari makan, tidak hanya untuk mencari wang tetapi terhadap kesedaran sosial ini adalah diperlukan daripada pihak-pihak yang telah diberikan tanggungjawab sosial yang besar dan seharusnya mempunyai kesedaran yang besar terhadap masalah-masalah sosial yang semakin buruk, yang semakin mengancam negara ini.

Jadi, hanya apa yang kita buat setakat ini adalah menasihatkan mereka. Demikian juga pihak di Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia sendiri juga, saya kira telah memberikan perhatian terhadap perkara ini dan mereka di dalam juga perlu menegur sebab kuasa sekarang telah berpecah.

**Tuan K.R.A. Naidu:** Tuan Yang di-Pertua, keganasan yang didapati dari dalam filem-filem yang diimport dari luar negara merupakan salah satu punca mengapa gejala-gejala sosial serta kes-kes jenayah bertambah di negara ini.

Saya difahamkan bahawa Lembaga Penapisan Filem Negara kadangkala tidak mengikuti garis panduan-garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan. Adakah Kementerian Penerangan mempunyai apa-apa cara check and balance untuk menentukan bahawa Lembaga Penapisan Filem Negara mengikuti garis panduan-garis panduan yang ditetapkan?

Terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah meningkatkan dari masa ke semasa tentang tanggungjawab mereka terhadap menjalankan penapisan

yang rapi berasaskan kepada teguran yang diterima. Mungkin terdapat kadang-kadang kelalaian di pihak mereka tetapi kita telah, sedang dan akan mengambil langkah supaya Lembaga Penapis Filem ini juga betul-betul menjalankan tanggungjawab mereka dan tidak melalaikan tanggungjawab yang telah diberikan kepada mereka.

9. **Puan Safinah binti Jusoh** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah pihak kementerian bercadang untuk mengatasi masalah jurang perbezaan harga barangan yang cukup ketara di antara Malaysia Barat dan Malaysia Timur agar seluruh rakyat Malaysia dapat menikmati faedah yang sama daripada pembangunan negara.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia terdapat sistem harga dua tingkat atau two-tier pricing system di mana harga di Semenanjung Malaysia adalah berbeza dengan harga di Sabah dan Sarawak.

Ini secara umum disebabkan oleh margin yang berbeza untuk kos pengangkutan dan pengedaran. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah membuat satu tinjauan ataupun pemerhatian perbandingan harga barang-barang di antara Sabah dan Sarawak serta Semenanjung Malaysia.

Tinjauan ini telah menunjukkan bahawa ada beberapa sebab perkara ini berlaku antaranya ialah:

- (i) barang-barang pertanian atau barang-barang yang dibungkus dan diperdagangkan antara negeri, margin kos pengangkutan dan logistik menentukan harga terakhir dan ini akan mengimbangkan kepada perbezaan harga antara kawasan ataupun negeri;
- (ii) bagi barang-barang pengilangan yang dibungkus (*packaged and manufactured goods*) harga adalah berbeza oleh kerana *the economies of scale in distribution* di mana jumlah barang-barang yang diedarkan kepada Sabah dan Sarawak adalah kecil jika dibandingkan dengan Semenanjung; dan
- (iii) kos pengangkutan yang tinggi misalnya kos pengangkutan bagi kereta perodua kecil dari Semenanjung ke Sabah adalah sebanyak RM1,300 bagi satu unit kereta.

Setelah mengambil kira segala pecahan kos seperti cukai jalan, insurans, bayaran pendaftaran dan keuntungan syarikat dan pengedar, maka harga jualan yang ditetapkan di Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi berbanding dengan Semenanjung.

Bagi barang-barang yang dikawal selia oleh kerajaan seperti gula, tepung, susu pekat manis, minyak masak, harga di Sabah dan Sarawak adalah di antara 8% hingga 10% lebih tinggi daripada harga jualan di Semenanjung setelah mengambil kira kos-kos yang terlibat.

Namun begitu, bagi sebahagian barang-barang yang dikeluarkan di Sabah dan Sarawak didapati lebih murah harganya dari harga purata di Semenanjung. Contohnya, hasil laut seperti ikan, udang dan ketam manakala hasil pertanian pula seperti beberapa jenis sayuran seperti kangkung china, sawi, lobak merah dan halia basah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara yang dinyatakan di atas, daripada tinjauan yang telah dilakukan didapati kos pengangkutan adalah tinggi kerana kapal atau kontena yang mengangkut barang-barang ini biasanya tanpa muatan dalam perjalanan balik kerana komoditi dari Sabah dan Sarawak adalah terhad untuk dibawa ke Semenanjung. Memandangkan kos pengangkutan barangan dari Malaysia Barat ke Sabah dan Sarawak yang tinggi dan masalah *economies of scale and distribution* kerajaan cuba mengatasi masalah ini dengan beberapa cara. Antaranya:

- (i) kerajaan secara berterusan menggalakkan syarikat-syarikat pengeluar barangan pengguna untuk mendirikan kilang-kilang mereka di Sabah dan Sarawak; dan
- (ii) menggalakkan perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang lebih banyak dalam bidang pengeluaran barang-

barang makanan. Manakala dalam sektor pertanian pula kerajaan menggalakkan lebih banyak tanaman sayur-sayuran, buah-buahan serta ternakan lembu, kambing dan ayam di tanah terbiar di Sabah dan Sarawak dan ladang-ladang ternakan yang diwujudkan.

Langkah ini diharap dapat menambahkan bekalan barang-barang makanan di Sabah dan Sarawak dan menjadikannya self-sufficient di samping mengurangkan pergantungan kepada barangan yang diimport.

**Datuk William Lau Kung Hui:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya. Terima kasih kepada pihak yang bertanggungjawab yang memberi satu penjelasan yang *very clear*.

Soalan tambahan saya ialah sejauh manakah masalah yang dibangkitkan oleh rakan saya adalah disebabkan oleh apa yang dikenali *Cabotage Law* yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan?

**Tuan Yang di-Pertua:** *Cabotage law*.

**Datuk William Lau Kung Hui:** *Cabotage law*. Terima kasih.

**Dato' S. Subramaniam:** Saya tidak dengar perkataan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kata itu *Cabotage Law*. Di bawah *Cabotage Law* ada *protection*.

**Datuk William Lau Kung Hui:** Di mana satu polisi dijalankan oleh kesatuan kerajaan. Kapal-kapal asing yang membawa barang-barang pergi ke Sarawak dan Sabah adalah dilarang membawa barang-barang seperti makanan dari Sabah, Sarawak ke Semenanjung.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebutkan sebab-sebab perbezaan harga di antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung. Daripada tinjauan dan kajian yang telah dijalankan oleh pihak kementerian kita tidak dapati bahawa ada larangan bagi kapal-kapal asing untuk membawa makanan daripada Sabah-Sarawak ke Semenanjung.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih. Soalan tambahan saya, sekarang ini kita lihat bagaimana kenaikan harga barang-barang menjadi sungutan terutama kepada suri-suri rumah dan golongan keluarga yang berpendapatan rendah.

Jadi, saya hendak tahu apakah puncanya kenaikan harga setengah barang yang ada dalam pasaran sekarang ini dan apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh kerajaan untuk mengawal harga keperluan harian supaya tidak membebankan pengguna?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah soalan yang berlainan daripada soalan asal. Walau bagaimanapun, di Malaysia pada tahun 1999/2000 daripada kedua-dua tahun ini kadar inflasi adalah kurang daripada 3%. Ini bererti kenaikan barang-barang adalah tidak melebihi 3% dan pada amnya kita tidak boleh menentukan bahawa harga barang-barang tidak naik langsung.

Dengan penambahan kos-kos pengeluaran, maka harga barang-barang memang akan naik. Kerajaan memberi tumpuan khas terhadap barang-barang yang dikawal harga. Barang-barang perlu yang dikawal harga seperti saya sebutkan tadi beras, gula, tepung, susu pekat manis, minyak masak dan sebagainya.

Ini adalah barang-barang yang dianggap perlu, yang memerlukan tindakan oleh pihak kerajaan supaya golongan berpendapatan rendah dan rakyat pada keseluruhannya dapat memperoleh barang-barang dengan harga yang berpatutan. Lain-lain adalah khususnya barang-barang yang bukan perlu, kalau kenaikan itu ada beberapa sebab yang memerlukan kenaikan harga tetapi, kalau pihak-pihak syarikat cuba mengaut keuntungan yang keterlaluan atau *profiteering*, pihak kerajaan akan mengambil tindakan terhadap syarikat-syarikat itu.

10. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Pertahanan menyatakan, jumlah peruntukan dalam RMK8 bagi membangunkan sistem pemantauan secara elektronik dan fizikal untuk menjaga keselamatan peralatan serta anggota dan namakan 5 projek terbesar.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan sentiasa memberi perhatian utama dalam menyediakan dan membekalkan peralatan yang mencukupi, lengkap dan canggih untuk kegunaan anggota tentera kita bagi memastikan kesiapsediaan mereka berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, kementerian turut memastikan peralatan-peralatan yang sedia ada berada dalam keadaan memuaskan dan keadaan boleh guna yang tinggi iaitu mencapai paras sekurang-kurangnya 60% hingga 70%. Bagi mencapai hasrat tersebut, kementerian telah mengemukakan permohonan peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan yang telah diluluskan dalam persidangan Parlimen yang lalu. Peruntukan sebanyak RM6,650,000 akan digunakan untuk memperoleh peralatan dan kelengkapan ATM berbanding peruntukan untuk meningkatkan perbelanjaan kemudahan infrastruktur, hanya berjumlah RM2,100,000 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan ini, kementerian turut menyediakan peruntukan bagi membangunkan beberapa sistem pemantauan secara elektronik yang berkaitan dengan keselamatan peralatan dan anggota. Antara projek-projek yang dikenal pasti akan dilaksanakan di bawah tempoh Rancangan Malaysia Kelapan bagi ketiga-tiga perkhidmatan, ATM adalah seperti *integrated security system* untuk meningkatkan tahap keselamatan bangunan simpanan peluru tentera darat yang dijangka akan menelan belanja sebanyak RM10 juta. Pasukan Tentera Laut Diraja Malaysia akan melaksanakan projek sistem keselamatan dan pertahanan pangkalan yang akan dibangunkan di semua pangkalan TLDM dan peningkatan sistem keselamatan depot peluru dan letupan TLDM. Manakala Tentera Udara Malaysia (TUDM) akan pula melaksanakan projek *automatic cable parameter system* di pangkalan TUDM Butterworth dan Kuantan. TUDM akan juga menyelenggarakan projek Eagle Airport Recognition Vehicle System (ARV) di bawah tempoh Rancangan Malaysia Kelapan dan kos projek ini dianggarkan berjumlah RM48 juta.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan terkini daripada Biro Marin Antarabangsa, menyatakan kebanyakan kegiatan-kegiatan lanun berlaku yang paling besar dalam dunia ialah di sekitar kawasan Selat Melaka antara Malaysia, Sumatera, Indonesia dan juga Singapura. Begitu juga kita pernah mendengar cerita bagaimana pencerobohan berlaku daripada segi kegiatan-kegiatan lanun dan juga kidnapping daripada segi kawasan-kawasan persekitaran perairan antara Filipina dan Malaysia. Dengan begitu luasnya kawasan-kawasan perairan, saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan, adakah kita mempunyai sistem satelit yang boleh meninjau setiap kegiatan dan kelakuan-kelakuan yang dianggap boleh mengancam keselamatan negara seperti yang wujud di negara-negara lain?

Ianya seperti di Australia, saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Australia mungkin membatalkan pembelian SingTel terhadap syarikat cable dan wireless di Australia kerana syarikat itu mempunyai satelit yang digunakan oleh Australia dan Amerika untuk meninjau kawasan-kawasan sekitar. Jadi, kita ada atau tidak satelit untuk mengawasi bahawasanya kawasan kita juga terselamat daripada ancaman-ancaman?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz yang telah mempersoalkan sama ada kita mempunyai kelengkapan untuk memantau sama ada di perairan bersempadan negara kita khususnya di Selat Melaka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang kita mempunyai sistem yang sedia ada pada saat ini untuk memantau bilangan kapal yang melalui Selat Melaka walaupun Yang Berhormat sebutkan tadi bahawa mengikut laporan yang telah dibuat, persekitaran perairan Selat Melaka khususnya adalah merupakan satu tempat yang kerap berlaku insiden seperti rompakan, lanun dan pelbagai lagi.

Walaupun demikian, kita juga diakui sebagai sebuah negara yang mempunyai sistem yang cukup teratur untuk membanteras kegiatan-kegiatan seumpama ini seperti apa yang berlaku pada beberapa bulan yang lepas seperti kejadian-kejadian di sempadan, di Pulau Sipadan dan Pandanan. Telah diakui oleh pihak Barat bahawa sistem yang ada di negara Malaysia adalah satu sistem yang baik dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat seperti yang saya sebut, kita boleh memantau keadaan kegiatan

bukan hanya di lautan, bahkan juga di udara tentang kegiatan-kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara kita.

**Dato' Charern Intachat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Masihkah terdapat senjata-senjata yang didapati hilang daripada simpanan di kem-kem angkatan tentera kita? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bilakah kehilangan yang terkini berlaku? Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Charern. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang saya memaklumkan dalam persidangan Dewan se minggu yang sudah, kejadian yang saya dimaklumkan, difahamkan bahawa kehilangan pistol yang telah digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab baru-baru ini iaitu pistol digunakan untuk mencuri di sebuah bank dan setahu saya itu sahaja, selain daripada kejadian seperti apa yang berlaku di di Sauk untuk makluman Yang Berhormat.

11. **Puan Nosimah binti Hashim** minta Menteri Kewangan menyatakan, sejauh manakah kejayaan yang diperoleh negara di dalam menarik para pelabur asing terutamanya Foreign Direct Investment (FDI) untuk menceburi peluang-peluang pelaburan di negara kita. Nyatakan juga peranan yang telah dan akan dimainkan oleh pihaknya dalam menjayakan usaha-usaha tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk menarik pelaburan asing FDI bukan sahaja perlu diteruskan tetapi, harus dipertingkatkan lagi. Memandangkan pada masa ini, persaingan untuk menarik FDI sangat pesat sama ada di kalangan negara-negara sedang membangun ataupun daripada negara-negara maju. Melalui usaha mempromosikan negara sebagai destinasi pelaburan asing jangka panjang, kerajaan telah berjaya menarik pelabur asing untuk menceburi peluang-peluang pelaburan di negara kita. Bagi tempoh 1996 hingga Jun 2001, sejumlah 4,364 projek perkilangan telah diluluskan dengan jumlah pelaburan bernilai RM153.5 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM85.5 bilion atau 55.7% adalah merupakan pelaburan asing. Kerajaan juga telah berjaya meyakinkan pelabur-pelabur asing yang wujud di Malaysia untuk terus melabur di negara ini. Bagi tempoh yang sama, daripada 2,982 projek yang diluluskan dengan penyertaan asing, sejumlah 1,495 projek atau 50% adalah merupakan projek pembesaran dan kepelbagaian daripada pelabur-pelabur asing sedia ada.

Di samping itu, usaha kerajaan untuk menarik pelabur asing melabur dalam projek yang berkualiti termasuk projek-projek strategik dan berteknologi tinggi dan di dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan, telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelabur-pelabur asing. Bagi tempoh 1996 hingga Jun 2001, daripada 64 projek strategik yang diluluskan, 79.5% atau RM38.7 bilion adalah daripada sumber asing. Sementara itu, daripada 71 projek berteknologi tinggi yang diluluskan, 80.7% atau RM3.5 bilion adalah daripada pelaburan asing. Bagi projek R&D pula, sebanyak 52 projek telah diluluskan dengan sumbangan pelaburan asing sebanyak 64.6% atau RM0.6 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, MITI akan terus mempergiatkan lagi usaha untuk menarik pengaliran lebih banyak pelaburan asing ke Malaysia. Di antara usaha-usaha yang sedang dan akan dijalankan oleh MITI untuk terus menggalakkan pelabur asing ke negara ini adalah seperti berikut iaitu mempergiatkan lagi misi penggalakan perdagangan dan pelaburan terutama sekali ke negara-negara pengeksporth modal dan teknologi. Untuk tahun 2001, MITI telah menganjurkan empat misi penggalakan perdagangan dan pelaburan ke negara-negara maju iaitu ke Amerika Syarikat, negara-negara Eropah, Jepun, Hong Kong dan Australia. Satu lagi misi yang sama akan dianjurkan ke Amerika Syarikat pada bulan September ini.

Kerajaan juga telah memberi kelonggaran sementara pemegang ekuiti asing bagi sektor perkilangan berkuat kuasa daripada 31 Julai 1998 hingga 31 Disember 2003. Mengikut dasar ini, pelabur-pelabur tempatan dan asing dikecualikan daripada syarat ekuiti dan syarat eksport bagi semua projek baru termasuk projek-projek pembesaran dan kepelbagaian kecuai untuk keluaran atau aktiviti tertentu yang Malaysia mempunyai keupayaan dan kepakaran. Kerajaan sentiasa mengkaji semula dan menghalusi polisi dan insentif yang diberikan kepada sektor perkilangan supaya ianya sesuai dengan perubahan persekitaran perniagaan agar dapat terus meningkatkan aliran masuk pelaburan asing. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagi pelaburan asing yang sudah ada di Malaysia tetapi menghadapi masalah, apakah bantuan atau tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa pelabur ini tidak meninggalkan Malaysia. Oleh kerana kalau ia meninggalkan Malaysia, ramai pekerja yang akan menghadapi masalah. Terima kasih.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, kita perlu tahu apa masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur asing yang sedia wujud di Malaysia. Walau bagaimanapun, kementerian saya setiap tahun mengadakan dialog bersama dengan pihak swasta yang diwakili oleh pelbagai persatuan pemiagaan dan perindustrian. Ini termasuk persatuan daripada pengusaha-pengusaha, pelabur-pelabur luar negeri dan juga pelabur-pelabur tempatan dan pelbagai sektor supaya mereka dapat peluang mengemukakan masalah yang dihadapi oleh mereka dan kementerian akan menyelaraskan dengan lain-lain kementerian untuk menangani masalah yang dihadapi oleh mereka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menghargai usaha-usaha yang telah dibuat oleh MITI dalam menarik pelabur-pelabur asing melaburkan wang mereka ke negara kita dan dalam misi-misi perdagangan luar negeri. MTUC telah selalu dijemput dan kami berterima kasih kepada kementerian kerana telah mengikuti perkembangan tersebut untuk menjelaskan kedudukan Gerakan Persatuan Sekerja, Perhubungan Perusahaan dalam negara kita. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, oleh kerana kedapatan dalam masa kelembapan ekonomi ataupun selepas kelembapan ekonomi, di antara negara-negara ASEAN selalu kita lihat mereka ini pinching pengusaha asing ini untuk melabur ke negara kita. Seperti Unilever yang telah beroperasi begitu lama dalam negara kita telah berhijrah ke Thailand dan begitu juga berapa industri yang lain, tidak termasuk China. China tidak termasuk dalam negara ASEAN.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah usaha-usaha kerajaan dan juga MITI sendiri dalam kekeluargaan ASEAN, mewujudkan satu dasar persamaan yang tidak bercanggah di antara satu sama lain supaya membolehkan pelabur-pelabur asing kekal bila melabur modal dalam negara-negara ASEAN. Jadi, mereka tidak berpindah dan saya tahu sesetengah daripada mereka mendapatkan GSP daripada negara-negara maju tetapi usaha-usaha hendaklah dibuat daripada golongan kita untuk menyamakan dasar kita supaya tidak bercanggah di antara satu sama lain supaya FDI ini kekal. Kalau boleh yang hendak dilantik atau dijemput yang baru masuk, itu terpulang kepada mereka tetapi yang telah ada, kita memastikan mereka kekal melabur dalam negara ASEAN itu sendiri. Apa usaha kementerian ke arah ini bersama-sama rakan yang lain dalam negara ASEAN? Terima kasih.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, dalam kes Lever Brothers, sebenarnya Lever Brothers tidak memindahkan operasi mereka seratus peratus pada lain negara ASEAN. Apa yang berlaku ialah Lever Brothers mengadakan exercise konsoliditansi iaitu mereka memberi tumpuan pengeluaran sebahagian produk sesuatu negara ASEAN dan lain produk di lain negara. Ini adalah untuk strategi pasaran mereka dan ini adalah juga bergantung kepada kekuatan yang terwujud dalam sesuatu anggota ASEAN. Di bawah konsep AFTA ini sepatutnya ia tidak harus berlaku kes *pinching* seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Anggota negara-negara ASEAN ada kekuatan masing-masing dan pelabur asing akan mengadakan operasi mereka secara berstrategik dan juga secara bersenergi supaya mereka dapat memberi kekuatan tambah kepada operasi mereka yang di bawah AIA Concept atau Asean Investment Area Concept. Kawasan ASEAN ini sebagai satu kawasan yang mempunyai pasaran yang besar iaitu sebanyak bilangan penduduk 512 juta orang penduduk untuk menarik pelabur asing. Kalau kita kaji perkara ini sebagai satu kawasan bebas yang mempunyai potensi pasaran yang besar bahawa secara sebagai satu kumpulan negara bahawa ia lebih menarik kalau berbanding dengan satu negara sahaja. Sekian terima kasih.

**12. Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yussof** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) jumlah kes rogol dan bunuh yang melibatkan remaja bagi 2 kategori iaitu sebagai mangsa dan pemangsa sejak Jun 1995 sehingga Jun 2001; dan

- (b) apakah punca-puncanya dan apakah langka-langkah yang telah atau akan diambil oleh pihak Kerajaan dalam mengatasi masalah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Haji Isnin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang telah diketengahkan:

- (a) Sejak Jun 1995 hingga Jun 2001 jumlah kes rogol dan bunuh yang melibatkan remaja sebagai mangsa adalah 70 kes dan suspect ataupun tertuduh di kalangan remaja adalah 40 kes.
- (b) Punca-punca berlakunya:
- (i) perogol kurang memahami implikasi tindakan mereka terutamanya aspek-aspek perundangan;
  - (ii) kurang bimbingan tentang perubahan *psychological*;
  - (iii) tidak dapat mengawal nafsu setelah melihat VCD lucah yang terdapat di merata-rata sekarang ini yang cuba kita kawal;
  - (iv) pergaulan tanpa batas;
  - (v) kurang pengawasan atau pengawalan atau seliaan oleh ibu bapa iaitu seperti kurang interaksi antara isi keluarga terutama sekali antara ibu dan bapa dan lain-lain isi keluarga;
  - (vi) pengaruh kawan kerana kurangnya interaksi keluarga maka remaja mudah terpengaruh dengan kawan-kawan sebaya mereka;
  - (vii) kurang penekanan aspek seks dalam pendidikan agama, moral dan juga disiplin;
  - (viii) sistem sosial yang kurang menjurus kepada pembentukan nilai-nilai murni; dan
  - (ix) remaja cicir sekolah
- (c) Punca-punca berlakunya kes bunuh adalah:
- samun
  - pertengkaran
  - rogol
  - balas dendam
  - tidak siuman
  - penderaan kepada kanak-kanak
  - cemburu
  - culik
  - kongsi gelap dan lain-lain.
- (d) Langkah-langkah yang sedang dan juga akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah ini ialah:
- (i) satu kempen pencegahan jenayah diadakan dari semasa ke semasa;
  - (ii) risalah panduan pencegahan jenayah diedar kepada orang ramai;
  - (iii) ceramah atau syarahan-syarahan untuk mewujudkan kesedaran umum;

- (iv) mengkaji dan meminda, jika perlu, peruntukan-peruntukan undang-undang yang sedia ada supaya hukuman setimpal dengan kesalahan;
- (v) penguatkuasaan undang-undang yang lebih berkesan seperti perampasan video lucah dan sebagainya;
- (vi) mengadakan pengawalan perhubungan polis di setiap sekolah menengah;
- (vii) rondaan polis terutama di kawasan yang kadar indeks jenayahnya yang tinggi; dan
- (viii) khidmat telefon 24 jam di semua bilik gerakan ibu pejabat polis daerah-daerah.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Siti Zailah.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah Kementerian dapat mengenal pasti suasana bagaimanakah yang biasanya diambil kesempatan oleh perogol-perogol ini dan setakat ini apakah pembelaan-pembelaan terhadap mangsa-mangsa rogol dan adakah juga kerajaan mengenal pasti kes-kes ini yang telah digunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab melalui pasaran gelap, dalam kenderaan dan sebagainya.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Haji Isnin:** Tuan Yang di-Pertua, selalu berlaku perkara-perkara macam ini ialah tempat-tempat yang sunyi, kawasan-kawasan yang sepatutnya keliling rumah itu dibersihkan dipertanggungjawabkan oleh keluarga tetapi terbiar begitu dengan hutan-hutan, semak-semak yang membuatkan galakan untuk perogol-perogol bersedia untuk menunggu mangsa-mangsa masing-masing terutama sekali mungkin agaknya kerana atas balas dendam atau kekecewaan dalam pujuk rayu untuk bercinta. Selain daripada itu saya rasa tidak adalah dikatakan kita sedikit-sedikit yang kita fahamkan sehingga hari ini kerana segala perkara yang berlaku itu adalah secara spontan ataupun secara yang dirancang secara bersendirian ataupun tindakan-tindakan yang lain. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Poo Yew Choy.

**Dato' Poo Yew Choy:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu remaja yang terlibat di dalam kes-kes rogol dan bunuh mengikut kaum. Adakah benar fikiran remaja yang terlibat yang diracunkan oleh majalah-majalah, buku-buku atau wayang gambar yang kuning yang diimport dari negara asing. Jika benar apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasinya?

**Datuk Seri Abu Zahar bin Haji Isnin:** Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini saya tidak ada mempunyai statistik untuk kaum. Tetapi kita lihatlah daripada pendedahan dalam akhbar mana-mana kaum yang terlibat adalah kita dapat kenal pasti secara tersendiri. Selain daripada itu juga saranan Yang Berhormat berkaitan dengan pemikiran remaja yang diracuni oleh tayangan-tayangan gambar lucah. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi yang terawal tadi ialah ramai di antara remaja-remaja telah menonton VCD lucah ini akan melakukan atau ramai di antara mereka yang terlibat ataupun yang terpengaruh dengan apa yang dilihat. Selain daripada itu juga tentang remaja-remaja yang diracuni oleh wayang gambar saya rasa kemungkinan ini tidak dapat dipastikan kerana wayang gambar selalunya sebelum ditayang dipastikan ia telah disemak dengan sedalam-dalamnya untuk diedarkan kepada umum. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi jawab lisan sudah cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 40 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]**

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2001

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [15 Ogos 2001]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Datuk William Lau menyambung ucapannya.

11.26 pagi.

**Datuk William Lau Kung Hui:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk menyambung selanjutnya.

Beberapa kesalahan baru telah diperkenalkan dan hukuman kerana melanggar undang-undang telah juga ditambah dengan lebih berat. Saya memang mengalu-alukan pindaan yang dicadangkan ini memandangkan aktiviti lucah berhubung dengan seks semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat cadangan pindaan kepada Kanun Keseksaan ini mengandungi undang-undang yang pasti akan mendapat perhatian serius orang-orang yang terlibat dengan kegiatan lucah termasuklah pengusaha-pengusaha rumah pelacuran dan mereka yang bergiat mencari pelanggan bagi maksud pelacuran tidak kira sama ada kegiatan itu dilakukan di tempat-tempat awam ataupun persendirian. Saya berharap pihak kerajaan akan menguatkuasakan undang-undang ini tanpa mengira pihak-pihak yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, mula-mula ini saya ingin membahaskan pindaan dalam Fasal 6 iaitu tentang kemasukan seksyen baru 376A dan seksyen 376B mengenai kesalahan sumbang mahram ke dalam Kanun Keseksaan. Saya ingin mendapatkan penjelasan dari pihak yang bertanggungjawab sama ada peruntukan yang terkandung dalam seksyen baru 376A adalah mencukupi. Seksyen ini memperuntukkan, izinkan saya membaca:

*" A person is said to commit incest if he or she has sexual intercourse with another person whose relationship to him or her is such that he or she is not permitted under the law, under the religion, under the custom or usage applicable to him or her, to marry that other person."*

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham tentang implikasi peruntukan seksyen ini. Soal sama ada seseorang itu melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini adalah bergantung kepada undang-undang yang relevan, agamanya, adatnya dan apa-apa amalan yang terpakai kepadanya. Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini boleh mengakibatkan kekeliruan. Untuk mengatasi kekeliruan yang mungkin timbul mengapa pihak yang berkenaan tidak secara langsung menyatakan secara tepat perhubungan yang macam mana yang dikatakan sebagai sumbang mahram. Contohnya seperti perhubungan seksual di antara bapa dan anak, adik beradik dan lain-lain. Kesalahan adalah berdasarkan suatu prinsip iaitu dengan izin, *the two parties must be situated at a certain social distance in kinship terms*, dengan izin, atau mereka tidak boleh mempunyai hubungan darah daging. Mungkin pihak kementerian boleh memberi penjelasan terperinci rasional mengapa kesalahan tentang ini tidak dibuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya selanjutnya ingin menyentuh seksyen baru 376B(1) di mana sesiapa yang melakukan sumbang mahram apabila disabitkan hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada 6 tahun dan tidak lebih daripada 20 tahun dan boleh, saya ulang, dan boleh dikenakan sebatan.

Tuan Yang di-Pertua; saya perhatikan bahawa hukuman di bawah seksyen 376B ini adalah berbeza dengan hukuman di bawah fasal 2 sebagai satu seksyen 372 yang baru bagi menggantikan seksyen 372 yang lama di mana sesiapa yang melakukan kesalahan di bawahnya jika disabitkan akan dihukum penjara hingga selama 15 tahun dan, saya ulangi, dan sebatan dan boleh juga dikenakan denda. Perbezaan di antara kedua-dua seksyen ini adalah di bawah seksyen 376B, hukuman

sebatan tidak mandatori, manakala, di bawah seksyen 372, hukuman sebatan adalah mandatori.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kesalahan sumbang mahram kerap berlaku, ia juga merupakan suatu kesalahan yang serius dan sukar dikesan. Saya ingin bertanya, mengapa sebatan tidak dijadikan mandatori di bawah seksyen 376B yang baru? Ringkasnya, saya ingin mencadangkan bahawa tiap-tiap kesalahan sumbang mahram hendaklah dihukum dengan pemenjaraan dan sebatan sebagai hukuman tambahan. Dengan perkataan ini, dengan izin, *whipping should be made mandatory for incest offences*.

Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana yang saya tahu, di bawah Kanun Keseksaan terdapat 35 seksyen yang memperuntukkan sebatan sebagai hukuman, kebanyakannya sebagai hukuman tambahan kepada hukuman pemenjaraan dan sebagai ganti kepada hukuman denda. Di antara seksyennya termasuk seksyen 324 bagi kesalahan dengan sengaja menyebabkan cedera dengan menggunakan senjata atau benda-benda yang merbahaya. Seksyen 327 pun bagi kesalahan sengaja menyebabkan cedera, bagi memeras harta atau bagi memaksa supaya perbuatan yang menyalahi undang-undang ditakuti dan lain-lain. Segala-gala peruntukan disebut *impose mandatori sebatan* sebagai hukuman. Oleh yang demikian, saya kurang faham, Tuan Yang di-Pertua, mengapakah seksyen 376B(1) baru ini tidak memperuntukkan sama seperti demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan pandangan bahawa undang-undang dalam masyarakat kita nampaknya memberikan perhatian yang lebih kepada hak seorang penjenayah yang melakukan kesalahan sumbang mahram daripada melindungi mangsanya. Kita jarang memberikan perhatian yang lebih kepada emosi, *psychological and human problems suffered by the victim*, dengan izin.

Mangsa tersebut sebenarnya tersangat memerlukan perhatian khas kerana jika tersalah kendalian oleh pihak yang berkuasa akan menjadikan ia lebih buruk daripada kesalahan jenayah yang telah berlaku ke atas dirinya. Ada kemungkinan mangsa akan menderita sakit mental akibat daripadanya. Jadi, saya ingin tahu daripada pihak yang bertanggungjawab, adakah pihak kementerian mencadangkan sebagai satu pertimbangan khas kepada mangsa sumbang mahram dan lain-lain terutamanya kanak-kanak, prosedur pemeriksaan balas di dalam mahkamah hendaklah dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan di beberapa negara telah pun memperkenalkan prosedur ini. Tujuannya ialah untuk melindungi mangsa seperti kanak-kanak daripada kesan yang tidak diingini akibat memberi keterangan di mahkamah atau di balai polis. Sebagai gantinya, mangsa tersebut adalah diperiksa oleh *Young Interrogator*, yang akan menentukan di bawah keadaan mana mangsa dibenarkan memberi keterangan di mahkamah sekiranya diperlukan. Jika difikirkan mangsa tidak sesuai hadir di mahkamah, keterangannya akan disampaikan melalui *Young Interrogator*, dengan izin, yang secara idealnya adalah terdiri daripada peguam dan psychologist. Seorang pekerja sosial yang berpengalaman adalah difikirkan sesuai juga untuk bertindak sebagai *Young Interrogator*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan ke atas mangsa sumbang mahram adalah dijalankan di rumah mangsa sendiri atau di pejabat penyiasat. Sistem yang saya cadangkan ini hendaklah diterima oleh mahkamah dan tidak dianggap sebagai keterangan dengan cakap atau *hearsay* dan juga mengelakkan keperluan *corroboration*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, jika pihak yang bertanggungjawab menerima dan memperkenalkan prosedur perbicaraan yang saya cadangkan ini, saya percaya bukan sekadar mangsa sumbang mahram sahaja tetapi juga mangsa-mangsa jenayah seksual lain akan tampil ke hadapan membuat laporan polis. Saya ingin, di sini bertanya pihak kementerian, adakah kajian telah dijalankan untuk menentukan berapa kali gandakah jumlah jenayah yang tidak dilaporkan daripada yang dilaporkan berhubung kesalahan-kesalahan seperti ini?

Mangsa-mangsa jenayah seksual kebanyakannya enggan membuat laporan dan mereka sanggup menderita secara bersendirian kerana jika dilaporkan, mereka akan mendapat penderitaan yang berlipat ganda. Pendek cakap, Tuan Yang di-Pertua, *the suffering of a victim of incest in terms of harassment and humiliation and various kinds of inconveniences may be formidable*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya lari daripada isu kesalahan sumbang mahram, saya ingin bertanya pihak kementerian, adakah apa-apa cadangan supaya mengadakan satu kajian tentang apakah sebab-sebab seseorang ibu bapa melakukan sumbang mahram? Tadi, Dewan yang mulia ini telah diberitahu oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, apakah faktor-faktor boleh menjadi sifat seseorang itu melakukan rogol tetapi saya tidak nampak, Tuan Yang di-Pertua, beliau menyentuh tentang sejauh manakah perhubungan di antara seorang suami dan seorang isteri boleh menjadi satu sebab boleh mengelakkan kesalahan seksual.

Tuan Yang di-Pertua, sejauh saya difahamkan, perhubungan di antara seorang suami dan isterinya memang penting untuk mengelakkan kejadian sumbang mahram. Sekiranya perhubungan di antara mereka adalah kurang memuaskan dari segi seks atau wujud pertikaian di atas hubungan seksual antara mereka, inilah mungkin boleh mendorong sumbang mahram.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya quote dari satu penghakiman dilaporkan dalam satu buku, "*Judgements on Crimes Against Women*". [Menunjukkan buku yang dimaksudkan] Buku inilah, saya baru beli, "*Judgements on Crimes Against Women*", di muka surat 338. Izinkan saya baca, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk William Lau Kung Hui:** "*Needless to say that sex plays a very important role in matrimonial life and sex cannot be separated from other factors leading to a successful married life*". Tidak boleh berasingan seks dari lain-lain perkara. Dan lagi di sini buku ini, Lord Denning, seorang yang terkemuka di England berkata, "*The wilful and unjustifiable refusal to sexual intercourse....*," kalau ini isteri tidak layan orang lelaki iaitu suaminya, "*....is destructive of marriage, more destructive, perhaps, than anything else*". Kalau isteri tidak layan, memang teruklah, dia cakaplah. [Ketawa] "*Just as normal sexual intercourse is the normal bond of marriage, so the wilful refusal of it causes a marriage to disintegrate.*" Perkahwinan memang pecah kalau isteri itu tidak layan. *'It gives rise....*

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk William, Datuk Ghazi minta laluan. Dijemput Datuk Ghazi.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nampak Yang Berhormat Datuk William pegang buku tebal dan saya cuba hendak mengikuti *argument* dia.

Kalau saya nampak, dia kata amat mustahak dari segi hubungan seks suami dan isteri, semua kita mengakui itu. Adakah Yang Berhormat Datuk William cuba membuat kesimpulan bahawa kalau itu berlaku, ini membolehkan, menghalalkan sumbang mahram. Adakah itu *argument* yang cuba dibawa oleh Yang Berhormat Datuk William?

**Datuk William Lau Kung Hui:** Terima kasih Datuk Ghazi, sahabat *business associate* sama saya.

Tentang soalan ini, *if I get it correctly*, adakah perhubungan baik di antara orang lelaki dan suaminya mendorong mengelakkan atau mendorong mengurangkan seksual lucah, adakah begitu?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, ya, lebih kurang begitulah.

**Datuk William Lau Kung Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak menjadi seorang pakar, saya sebagai seorang peguam sahaja. Apa yang saya kata di buku, mungkin Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa dia menjawab, mungkin dia boleh bagi penjelasan yang jelas. Janji ya? [Bertanya kepada Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri] Boleh? Okay.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk William, saya hendak sebutkan dalam perkara ini. Dalam Islam, *the beauty is that* seorang wanita (isteri) tidak boleh menolak dalam apa keadaan sekalipun, bila-bila masa sekalipun kalau suaminya memerlukannya. *That is the beauty*. So, saya saja mencelah.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ....

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** ....Haji Hassan, dijemput.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat boleh bersetuju, pertama, dengan yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Yang kedua daripada segi Islamnya untuk menyelesaikan masalah sumbang mahram ini di antaranya ialah Islam membenarkan seseorang itu boleh berkahwin sampai empat. Ahli-ahli Dewan yang lain mungkin ada marahkan saya tetapi saya sebutkan ini adalah salah satu penyelesaian yang telah dibuat oleh Islam itu sendiri. Itu yang pertama. Yang kedua, saya ingin juga penjelasan makna 'mahram' ini. 'Mahram' ini bahasa Arab. Jadi, saya takut kita bahas tetapi kita tidak tahu apa makna 'mahram' ini. Bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah makna 'mahram'? Mahram ini asalunya dari bahasa Arab.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya rasa terbaliklah, saya minta Yang Berhormat terangkan.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau Datuk William menerangkan, terbalik jadinya.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** "Mahram" ini berasal daripada bahasa Arab. Bolehlah saya terangkan sedikit. Saya minta izin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, sila, sila.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** 'Mahram' ini berasal daripada perkataan '*harrama yuharrimu mahrahman*.' Mahram ini daripada segi Islamnya iaitu orang yang tidak boleh dikahwini oleh seseorang. Macam bapa tidak boleh kahwin dengan anaknya, datuk tidak boleh kahwin dengan cucunya. Sumbang mahram itu bermakna kita melakukan persetubuhan ke atas orang-orang yang diharamkan kita berkahwin/bernikah dengannya. Itu dia pengertiannya. Saya tidak tahulah kalau ada pengertian yang lain dalam undang-undang ini. Tetapi kita orang Islam kenalah faham, maka dengan sebab itulah banyak lagi penyelesaian-penyelesaian yang barangkali boleh kita ambil daripada Islam.

Di antaranya ialah hukuman. Saya minta peluang sedikit Tuan Yang di-Pertua. Hukuman zina sangat berat dari segi Islam, zina istilah yang ada dalam Al-Quran [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Penzina perempuan. Perempuan dahulu minta maaf, kemudian penzina lelaki, jika didapati kedua-duanya sabit kesalahannya maka hendaklah disebat mandatori 100 kali sebatan. Tetapi kalau dia sudah berkahwin, hukumannya direjam sampai mati. Ada perbezaan di antara yang ada sekarang dengan sebatan mengikut Islam.

Saya pernah menghadiri beberapa seminar dengan pihak penjara. Saya rasa yang boleh menyebabkan orang tidak takut kerana hukuman kita dijalankan di dalam penjara. Hukuman 100 kali sebatan di dalam Islam ini hendaklah dihukum di hadapan orang ramai. Barulah orang lain takut, kalau kena dua atau tiga orang sahaja selepas itu saya ingat tidak ada orang hendak membuat lagi. Ini perbezaan di antara undang-undang kita yang ada sekarang dengan Islam.

Jadi, tidak adakah di dalam kepala kita, niat kita bercadang mengenakan kepada pesalah zina, hukuman mandatori ini 100 kali sebatan. Cerita tentang 100 kali sebatan ini, tidak seperti seorang pemelihara lembu, penyebat lembu. Tukang sebat itu tidak boleh angkat terlalu tinggi. Oleh sebab itu 100 kali sebat dalam sejarahnya tidak ada yang mati. Tidak ada sejarah Islam yang menggambarkan 100 kali sebatan ini ada yang mati kecuali seorang. Maknanya sebatan itu sangat berperikemanusiaan, di antaranya dia mestilah berpakaian seperti yang 'teradat' dalam negerinya macam baju kurung, kalau dia pakai baju kot, baju kotlah. Saya ingat tidak mati, itu hukuman Islam, tetapi perbezaannya tidak di dalam jail. Ianya mesti dijalankan di khalayak ramai guna untuk mengajar orang lain supaya jangan berbuat seperti kekejaman dan keganasan yang dilakukannya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk William Lau Kung Hui:** Rakan saya memang orang berpengalaman daripada segi agamalah tetapi ini tentang undang-undang terkeluar sedikitlah, ada

perbezaan sedikit. Tetapi saya pun mengalu-alukan pandangan daripada Yang Berhormat tetapi di penghujung kawan saya Yang Berhormat Dato' Noh akan memberi penjelasan. Saya boleh teruskan, di mana saya sekarang? Oh! di sini.

Kalau seorang isteri tidak memberi seks kepada seorang suami, ini boleh, *they can give rise to irritability* buat kacau and *discord, to nervousness and manifestation of temper*, cepat panas, *enhances the breakdown of marriages*. Di hujung perkahwinan, memang pecahlah. Itulah mungkin rakan-rakan wanita Senator boleh mengambil perhatian, itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak kementerian semasa mengadakan satu kajian tentang sebab-sebab kejadian sumbang mahram, mereka mungkin boleh memfokuskan sampai mana sumbang mahram adalah disebabkan oleh masalah seksual di antara suami isteri. Pendek cakap atau perkataan lain, adakah pernah terputus hubungan seksual dengan isterinya membantu menyebabkan atau menjadi satu sifat di mana antara lain, ibu bapa melakukan sumbang mahram. Hujah saya di sini ialah institusi keluarga yang baik adalah yang penting untuk menghapuskan kejadian sumbang mahram.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan. Selain itu saya ingin menyentuh pula di bawah seksyen baru 372 yang dirujuk di bawah Fasal 2 tentang *exploiting any person for purposes of prostitution*, dengan izin, dan Seksyen 372A dan 372B yang dirujuk di bawah Fasal 3 tentang *persons living on or trading in prostitution*, dengan izin, serta Seksyen 373 berkenaan *suppression of brothels*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, semua seksyen yang baru saya sebutkan itu adalah untuk menghalang kegiatan jenayah yang berkenaan yang semakin berleluasa berlaku di negara kita. Ia adalah kesalahan serius yang boleh merosakkan moral kehidupan kita. Memandangkan mungkin ada sindiket besar yang terlibat dengan kegiatan ini di mana maklumatnya sukar diperolehi, saya ingin bertanya kepada pihak yang bertanggungjawab: Mengapa tidak dimasukkan peruntukan undang-undang tentang kewajipan orang awam memberikan maklumat sedemikian kepada pihak yang bertanggungjawab dan kerahsiaan pemberi maklumat adalah dilindungi bagi menjamin keselamatannya?

Dengan cara ini, Tuan Yang di-Pertua, tindakan membanteras kegiatan pelacuran akan lebih berkesan. Di samping itu, hukuman yang berat hendaklah juga dikenakan kepada orang-orang yang bersubahat dengan kegiatan pelacuran.

Akhirnya saya ingin menyentuh Seksyen 372 (2)(b) yang baru. Saya tidak berapa faham di mana situasi peruntukan di bawah itu boleh berlaku. Saya minta pihak kerajaan memberi satu penjelasan. Inilah sahaja komen-komen saya Tuan Yang di-Pertua, dan saya berharap penjelasan dapat diberikan oleh pihak yang berkenaan terhadap pertanyaan-pertanyaan yang saya kemukakan tadi demi untuk mengelakkan kekeliruan. Akhir kata saya mengucapkan penghargaan kepada Jabatan Peguam Negara dan kerajaan yang telah....

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** [Bangun]

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** [Bangun]

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:** [Bangun]

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** [Bangun]

**Datuk William Lau Kung Hui:** ..... eh! saya belum habis lagi [Ketawa] .. yang telah mengambil tindakan yang sangat tepat untuk membantu kegiatan yang sangat tidak bermoral daripada terus berleluasa di negara kita. Dengan ini saya mohon untuk menyokong Akta Kanun Keseksaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kita hendak dengar wanita pula. Yang Berhormat Datuk Dayang Mahani.

11.55 pagi

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Haji Ahmad Raffae:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk membahaskan rang undang-undang yang menyentuh kepada satu profesion yang

paling lama atau dengan izin, *the oldest profession in the world* - prostitution ataupun pelacuran.

Malaysia pada hari ini menempa satu lagi sejarah untuk meningkatkan nilai-nilai hidup masyarakat kita dengan memberikan perhatian yang lebih serius kepada soal-soal moral, soal-soal maruah yang menyentuh bukan sahaja kepada larangan agama malah daripada sudut kehormatan hidup di dalam se sebuah masyarakat. Oleh itu cadangan untuk memperkenalkan rang undang-undang yang mengenakan hukuman yang berat kepada mereka yang terlibat memperdagangkan tubuh atau menjadi jurudagang kepada tubuh orang lain adalah merupakan satu cadangan yang amat dinanti-nantikan oleh masyarakat kita bukan sahaja di kalangan wanita malah seluruh rakyat yang memandangi jijik kepada kegiatan pelacuran ini.

Malang sekali apabila disebut pelacuran, kerap kali yang menjadi mangsa ialah wanita. Hasil kajian yang dibuat oleh satu universiti, University of Michigan - Law School pada October 31 1992 yang mengatakan bahawa pelacuran tidak menjanjikan satu masa depan yang cerah malah mereka yang terjebak ke dalam kancah pelacuran diibaratkan seolah-olah tidak ada hari esok bagi mereka. Kehidupan mereka berpaut daripada satu detik ke satu detik. Apatah lagi pelacuran mempunyai kesan dengan penyakit terutamanya AIDS dan gejala dadah. Pelacuran bukan satu khayalan seks. Kesan pelacuran bukan sahaja kerana ia membawa penyakit malah ia akan merendahkan kualiti hidup satu-satu bangsa kerana kaitannya dengan masalah moral, masalah agama dan taraf kesihatan rakyat atau masyarakat di negara tersebut.

Rang undang-undang untuk menjatuhkan hukuman yang berat kepada pihak-pihak yang memerangkap wanita ke dalam dunia pelacuran adalah tepat kerana hanya dengan mengenakan undang-undang seperti ini tindakan ataupun usaha kerajaan untuk menghapuskan perbuatan terkutuk ini akan dapat dijalankan. Namun begitu, saya merayu kepada mana-mana kementerian dan mana-mana pihak tidak kira sama ada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mahupun Kementerian Kewangan supaya menggunakan apa juga peruntukan dan program yang ada untuk membantu wanita meningkatkan taraf kehidupan mereka. Punca utama pelacuran ialah kemiskinan.

Kemiskinan adalah kesusahan, dan kesusahan hidup akan membuat seseorang itu bertindak untuk mencari sesuap nasi dengan menggunakan apa jua daya untuk mengatasi soal perut yang lapar dan juga menjaga mereka yang di bawah tanggungan ataupun menjaga diri mereka sendiri. Pada ketika inilah ada pihak-pihak yang akan mengambil kesempatan untuk memujuk rayu, membuat janji-janji dan memberi kewangan untuk mempengaruhi mereka. Statistik boleh menunjukkan bahawa mereka yang telah dijadikan mangsa termasuk anak-anak muda kita yang dilekakan dengan khayalan bahawa ada semacam satu kemewahan hidup yang menanti mereka sekiranya mereka melakukan kegiatan seks. Yang sebenarnya ia mungkin bermula untuk berseronok-seronok, lambat laun tindakan memperdagangkan diri akan menuju ke dunia pelacuran.

Dengan adanya undang-undang ini, Malaysia mestilah meletakkan satu tempoh untuk mensifarkan jumlah wanita yang terlibat di dalam pelacuran. Mesti ada rencana untuk memulihkan wanita-wanita yang telah menjadi mangsa dari perbuatan ini supaya kehidupan mereka kembali seperti sedia kala. Sebab itu wanita tidak boleh didiskriminasikan kerana salah satu punca yang membawa kepada pelacuran menurut kajian University of Michigan Law School ialah disebabkan dengan izin, *male dominance*. Bukan kerana ia seorang lelaki akan tetapi disebabkan kerana ia mahu menunjukkan kelakiannya. *Male dominance* di dalam sistem pentadbiran mahupun politik, jika wanita hilang peluang terutamanya mereka yang berpotensi untuk maju ke hadapan maka kebolehan mereka untuk membimbing, memperjuangkan mahupun memajukan kaum wanita yang lain akan putus di tengah jalan. Sejarah telah menunjukkan bahawa hanya wanita yang boleh membela kaumnya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan bererti saya memandangi rendah kepada kaum lelaki di negara ini. Kita wanita Malaysia bernasib baik kerana pemimpin-pemimpin Malaysia terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ahli-ahli Dewan yang mulia ini sedar betapa pentingnya sumbangan wanita di dalam pembangunan negara kita. Sebab itu Perlembagaan kita digubal untuk memberi kesaksamaan baru-baru ini dan banyak lagi akta-akta yang telah diwujudkan untuk

melindungi wanita. Kita bersyukur Tuan Yang di-Pertua, kita juga berterima kasih malah mengucapkan syabas kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang telah mengambil langkah-langkah untuk memperjuangkan wanita di dalam bidang-bidang politik, ekonomi dan di peringkat antarabangsa. Malaysia perlu menggerakkan setiap unit tenaga pemikiran di dalam negara kita supaya kita boleh menjadi benteng pertahanan apabila kita diserang oleh mana-mana kuasa yang bertujuan untuk menghuru-harakan negara kita.

Akhir-akhir ini wanita berada di barisan hadapan di dalam soal ketahanan nasional. Kita lulus semua ujian ketika negara menghadapi krisis dan pada pandangan saya pindaan Perlembagaan yang menghapuskan soal diskriminasi dan beberapa soal besar untuk melindungi wanita daripada menjadi mangsa keganasan rumah tangga seterusnya undang-undang pelacuran ini adalah di atas perkara-perkara yang diperjuangkan oleh wanita.

Tuan Yang di-Pertua, hukuman berat yang dikenakan di atas hubungan sumbang mahram adalah sangat-sangat dialu-alukan oleh kerana terlalu banyak sangat kes-kes seperti ini yang kita baca di akhbar-akhbar yang melibatkan anak-anak perempuan kecil yang tidak berdosa, yang tidak tahu apa sebenarnya erti hidup sudah diperkosa. Mungkin kerana masyarakat kita pada hari ini terlalu sibuk dengan soal-soal politik maka peranan masjid-masjid dan surau-surau dan tempat-tempat di mana terdapat begitu ramai kumpulan masyarakat berhimpun, majlis-majlis ini kurang digunakan untuk membangkitkan kesedaran bagaimana besarnya dosa mereka yang melakukan perbuatan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau runtuh institusi keluarga, runtuhlah bangsa dan runtuhlah negara. Institusi keluarga amat penting. Keluarga mestilah hidup dalam suasana masyarakat penyayang kerana tempat perlindungan anak-anak adalah di bawah sebuah bumbung yang penuh dengan belaian kasih sayang keluarga yang boleh memagari kehidupan mereka daripada perbuatan dan penganiayaan yang berlaku di luar dan bukanlah seperti pepatah yang mengatakan, harap kepada pagar, pagar pula makan padi. Anggapan *home sweet home* atau rumahku syurgaku akan hapus kalau gejala sumbang mahram ini tidak dibendung. Rumah yang dianggap syurga akan menjadi neraka.

Akibatnya tidak kurang anak-anak yang lari dari rumah kerana malu, takut kepada perbuatan bapa atau atuk-atuk mereka dan kadang-kadang sehingga ada yang melahirkan anak haram dan akibatnya pembuangan anak dan akibatnya juga daripada penganiayaan ini mereka akan melarat hingga masuk ke dunia pelacuran. Apa tidaknya apabila mereka sudah keluar daripada rumah, mereka tidak tahu ke mana hala tuju mereka. Ada di antaranya lapar, tidak berumah dan apabila keadaan itu berlaku, terfikir pula kepada mereka kalaulah mereka yang dianggap haram untuk melakukan persetubuhan dengannya boleh berbuat sedemikian, apa salahnya ia berbuat dengan orang lain. Maka bermulalah pelacuran di kalangan masyarakat kita.

Tanggungjawab masyarakat kita bukan sahaja untuk mengasuh anak-anak tetapi terpaksa mengasuh kembali ibu bapa ataupun datuk dan nenek di atas kekosongan moral yang bukan sahaja salah dari segi jenayah, ia sebenarnya salah dari segi hukum alam dan salah juga dari segi genetik manusia. Tempat-tempat pengajian tinggi serta pusat-pusat agama juga harus memainkan peranan untuk menjadikan perbuatan salah laku ini sebagai perkara utama kerana jumlah kes-kes begini meningkat dan memerlukan perhatian. Bukan sahaja kepada masyarakat Islam bahkan kepada semua agama. Kalau pemimpin-pemimpin politik dan masyarakat mempunyai banyak idea untuk mengutarakan pelbagai pandangan di dalam masyarakat di dalam pelbagai forum, marilah kita bersama-sama menggunakan forum untuk menceritakan betapa terukutuknya perbuatan seorang bapa atau datuk yang melakukan perbuatan sumbang mahram terhadap anak-anaknya ataupun cucu-cucunya. Apatah lagi seorang ayah kepada anaknya, darah dagingnya sendiri, ini adalah boleh disifatkan sebagai satu sifat sama dengan sifat haiwan.

Jika sekiranya sepanjang tahun kita boleh bercakap mengenai perkara ini, di mana-mana sahaja kita berpeluang dan berkesempatan dan juga bersesuaian di sekolah, di universiti, di surau, masjid ataupun dalam perhimpunan, lambat laun satu kesedaran akan bangkit di kalangan masyarakat kita dan akan melihat perkara ini sebagai perkara ataupun perbuatan yang begitu jijik dilakukan dan pemimpin-pemimpin yang ada sekarang akan lebih dihormati kerana berjaya memerangi perangai atau satu lagi penyakit gila, kalau gila mungkin terlalu berat kecelaruan mental tetapi saya tidak

bersetuju dengan kecelaruan mental. Saya rasa ini adalah satu penyakit gila masyarakat yang dihadapi pada ketika ini.

Jadi dengan kata-kata yang sedemikian, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Puan Jamilah Ibrahim.

12.08 tgh.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut mengambil bahagian di dalam Rang Undang-undang Keseksaan 2001 bagi melindungi wanita dan kanak-kanak. *[Membaca sepotong ayat Al-Qur'an ]* yang bererti jangan sekali-kali kamu menghampiri zina, sesungguhnya ia amatlah terkeji dan jalan yang amat terkutuk.

Tuan Yang di-Pertua, pengajaran Al-Quran pada ayat yang saya utarakan ini adalah melarang sekeras-kerasnya perilaku kepada perbuatan yang bukan lagi sampai kepada peringkat melakukan zina bahkan ianya diberi amaran awal supaya jangan menghampiri perbuatan yang boleh mendekati atau cenderung kepada berkeinginan untuk melakukan zina kerana implikasi daripada perbuatan zina dikutuk oleh Allah S.W.T. Sepintas lalu marilah sama-sama kita melihat kesan dari perbuatan zina sekiranya berlaku.

- (i) Termasuk dosa besar mengikut neraca Islam.
- (ii) Besar kemungkinan akan melahirkan anak di luar nikah, disebut anak haram
- (iii) Anak ini tidak berdosa tetapi lanjutan kedewasaannya akan menjadi tanda tanya kepada persoalan ayahnya yang sah. Apabila dia besar nanti, anak ini akan berwalikan hakim apabila ia akan berkahwin sedangkan bapa zinanya ada tanpa berfungsi
- (iv) Pembesaran anak ini juga cenderung kepada perbuatan ibunya kalau ibu borek, apa salah anaknya rintik. Kalau ibunya sanggup melakukan perkara sekutuk itu, mengapa dia tidak harus melakukannya.
- (v) Menjadi buah mulut masyarakat, dihina disebabkan perbuatan terkutuk ini. Adakah Yang Berhormat ingin bermenentukan seorang menantu di luar nikah, mengapa ada istilah mengatakan, kenalilah bakal menantu bimbang-bimbang kalau menantu yang didapati nanti telah pun ditebuk tupai dan banyak lagi kesan-kesan buruk daripada akibat zina,
- (vi) Zina juga akan merosakkan nasab keturunan, menghilangkan kredibiliti manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi.

Oleh itu, wajib di pihak kerajaan melindungi wanita dan gadis dari menjadi mangsa perogol yang bersifat binatang dan penganiayaan seksual ini sama ada lelaki ataupun perempuan atau pekerja dan perilaku di luar tabii manusia.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya ingin tahu sejauh manakah pihak kerajaan mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk membuat operasi bagi pencegahan atau siapakah yang mempunyai kuasa *authority* untuk membuat serbuan mengejut ke rumah-rumah yang disyaki sebagai rumah tempat pelacuran sama ada dilindungi oleh ibu ayam atau bapa ayam. Setakat ini adakah pihak kerajaan sudah mengenal pasti wujudnya rumah-rumah pelacuran yang telah beroperasi dengan licin, berstrategi di sekitar Lembah Klang, adakah ianya terlibat juga dengan golongan artis. Saya ingin tahu kiranya ada di dalam rekod pihak kerajaan sama ada usaha ini dilakukan di rumah persendirian ataupun di tempat-tempat awam yang diketahui.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh di sini mengenai sumbang mahram. Saya pernah mendengar ada kajian individu yang mempunyai inisiatif sendiri berpandangan mengapa berlakunya rogol bapa ke atas anak sendiri. Di antara sebab-sebab lain ialah kebingungan dan kecelaruan pemikiran bapa kerana marahkan isteri. Maka untuk melepaskan geram kepada isteri, maka si bapa rogol anak sendiri yang kecil di bawah umur 16 tahun. Ini tidak mustahil Tuan Yang di-

Pertua, saya membuat andaian perkara ini tidak mustahil ada lojiknya kalau saya berpandangan bahawa seorang ibu bekerja di waktu malam selama satu minggu, keluar jam 9 balik jam 6 pagi. Mengikut hukum Islam, isteri tidak boleh meninggalkan tempat tidurnya, perlu bersama suami. Tetapi kerana ekonomi rumah tangga tertekan, suaminya merestui untuk isterinya bekerja.

Bayangkan kalau si isteri meninggalkan tempat tidur selama 10 malam atau dua minggu. Di manakah kaum ayah ingin melepaskan nafsunya kerana nafsu sifat semula jadi wujudnya bersama manusia. Pertemuan suami isteri yang begini di dalam sebuah flat yang anak sudah ramai, perasaan tertekan nafsu bapa bergelora, datanglah pula syaitan membisik di telinga, terus menembusi perasaan, bila lagi? Kan anakmu masih comel, gebu dan gadis lagi. Terus darah naik ke kepala, otak bercelaru, sudah lupa anak atau cucu atau adik atau sesiapa sahaja yang boleh dia dapat sudah pasti dia tidak akan lepaskan peluang ini. Maka berlakulah peristiwa sumbang mahram berleluasa dalam masyarakat terkini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapa ramai sumbang mahram yang dapat dikenal pasti oleh pihak kerajaan di Lembah Klang ini. Saya suka quote dan melihat perkembangan di Lembah Klang pun sudah cukup.

Dan akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya membaca hadis Rasulullah S.A.W- pernah menyatakan [*membaca sepotong hadis*] yang bermaksud; "*Sesiapa yang mempunyai tiga orang anak perempuan atau tiga saudara perempuan atau dua saudara perempuan dijaganya mereka ini dengan baik, sabar ke atas perilaku mereka dan bertakwa kepada Allah dalam urusan mereka nescaya dia akan masuk ke syurga.*" Hadis ini menunjukkan betapa tanggungjawab menjaga kaum wanita, gadis terutamanya dengan baik di samping takwa di antara faktor yang mempermudah kita untuk masuk ke syurga.

Intisari hadis ini saya relatekan dengan usaha kerajaan untuk membuat Rang Undang-undang Akta Perlindungan Wanita dan Gadis yang sedang kita bincangkan sekarang menunjukkan akta kawalan yang sewajibnya dilakukan lebih awal dari ini. Alhamdulillah, kesedaran baru datang dengan kedatangan profesional yang ramai di dalam jabatan-jabatan kerajaan yang memikirkan tanggungjawab ini untuk diperluaskan, bertindak lebih cergas, skop mesti dilebarkan, maka pindaan ini merupakan suatu mekanisme yang sesuai dengan fenomena yang cukup gawat, masalah sosial, masalah seks dalam masyarakat kita hari ini. Maka dalam kesimpulan yang saya lagi tegaskan di sini bahawa Islam telah memartabatkan dan memperkasakan wanita di atas sifat-sifat kewanitaannya.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di sini supaya pihak kerajaan mestilah memikirkan dengan seseriusnya selain dari meminda undang-undang Akta Perlindungan Wanita dan Gadis ini dalam masa yang sama hendaklah bersepadu ataupun bekerjasama dengan kementerian seperti Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kementerian Sumber Manusia dan kementerian apa sekalipun yang mempunyai aspek pengkhususan untuk mempertimbangkan supaya kembalikan penjadualan tugas kaum wanita itu tanpa kira bangsa, agama dan warna kulit supaya mereka diberi jadual kerja di waktu siang sahaja sesuai dengan watak dan peranan seorang wanita, isteri ataupun ibu dan juga nenek. Kecuali kepada kerjaya-kerjaya yang tidak dapat dielakkan seperti jururawat dan sebagainya.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan pindaan undang-undang ini insya-Allah, kita berdoa sama-sama mudah-mudahan dapat mengurangkan masalah yang kritikal iaitu masalah seks bermaharajalela sekarang ini dapat dibendung dan saya harap dapat terlaksana undang-undang ini dengan baik dan saya amat menyokong undang-undang yang telah dikemukakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Ghazi.**

12.19 tgh.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan rang undang-undang ini. Saya memang hendak beri peluang kepada wanita dahulu sebelum saya tadi. Cuma saya hendak register dengan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua mengatakan yang saya berniat untuk mengambil bahagian. Saya ucap tahniah kepada

Timbalan Yang di-Pertua khususnya kerana nampak begitu adil dalam mengagih-agihkan mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2001 yang dibentangkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Dato' Haji Noh bin Haji Omar, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri. Saya mengikuti perbahasan yang disampaikan oleh rakan-rakan, sahabat-sahabat saya sebelum ini begitu amat menarik sekali.

Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui menampakkan kehebatannya sebagai seorang peguam dengan buku referencenya yang amat baik yang saya percaya saya akan berbincang dengan dia dengan lebih panjang lebar lagi mengenai aspek-aspek tertentu yang saya tak dapat hendak sebut panjang lebar di sini. Dan Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim yang baru lalu, saya ucap tahniah kerana juga turut menyokong sepenuhnya langkah baik oleh pihak kerajaan menumpukan tentang hal-hal wanita dan hal-hal nafsu manusia dengan aspek-aspek keagamaan.

Terlintas dan terbayang oleh saya bila mendengar juga hujah-hujah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani mengatakan soal ini kalau begitu penting dan rumit, jelas nampaknya seolah-olah senang diketahui oleh semua tetapi agak tidak begitu jelas dari sebab musabab dan cara untuk mengawal. Oleh kerana itu, buat permulaan saya ingin cadangkan mungkin sudah sampai masanya pihak kerajaan memasukkan mata pelajaran pendidikan seks atau mata pelajaran pendidikan kesihatan keluarga, panggil apa nama pun asalkan bab-bab yang kita bercakap ini semuanya termasuk dalam bidang pelajaran yang saya sebutkan tadi.

Saya percaya kalau perkara ini dimulakan di peringkat awal muda lagi, di peringkat kindergartennya, sekolah rendahnya, sekolah menengahnya dan maktab dan juga IPTA dan IPTS saya percaya sekurang-kurangnya ia menjurus ke arah mengurangkan masalah yang kita timbul sekarang. Yang kita nampak ialah apabila tidak ada pendidikan, tidak ada ilmu yang kuat dalam dada dan dalam fikiran, kefahamannya kurang. Oleh kerana itulah bila Yang Berhormat Puan Jamilah menyebut syaitan pun dapat, "*Eh! inilah peluang awak*". Jadi, dia tidak ada benteng, dia mendengar bisikan syaitan yang memang amat menarik dan dia kata, "*Eh! betul juga*", maka, dia melakukanlah perkara-perkara yang sumbang itu.

Saya tidak bercadang untuk mengimport secara terus apa yang diamalkan di negara-negara Barat. Cuma saya katakan pendekatan kita hendaklah mengenali hakikat masalah ini. Adakan program pendidikan dan adakan acuan kita sendiri sesuai dengan latar belakang, tatasusila budaya orang-orang di Malaysia, orang-orang Islam dan juga yang bukan Islam. Saya rasa perkara ini amat penting sekali. Saya tidak ingin melihat umpamanya sebagai contoh terakhir digalakkan penggunaan kondom macam di luar negara, kalau hendak have fun boleh tetapi jangan lupa pakai kondom. Tidaklah sampai ke peringkat itu sebab perkara itu sendiri mendidik ke arah yang tidak baik. Ini di antara sekatan-sekatan yang saya rasa pihak kerajaan amat bertepatan kalau mengambil bahagian ke arah itu sesuai dengan niat membentangkan pindaan Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pelacuran dan aktiviti lucah ini saya cuba kaji sikit dari Internet untuk memanfaatkan perkongsian pendapat kita di sini. Cuma sebelum itu saya ingin juga melihat Fasal 3, seksyen 372A yang baru ini yang mengatakan tentang "*punishment with imprisonment for a term which may extend 15 years.*" Maksimumnya 15 tahun campur dengan sebat campur dengan *fine*. Saya hendak tahu, saya tak berapa faham di sini saya tak dapat nampak ialah yang *fine* yang beri denda ini apa garis panduannya supaya ianya setimpal. Soal yang maksimum 15 tahun nampaknya baik, yang sebat nampaknya baik tetapi saya percaya patut disebut juga berapa kali hendak disebut barulah ada kesannya. Kalau tidak kelonggaran ini kita bebas kepada hakim sahaja. Kalau bilangan tahun disebut angka, bilangan sebat juga hendaklah disebut angka, bilangan *fine*, denda itu pun juga hendaklah diberi angka, sebaik-baiknya angka itu sebut sahaja minimum dan tingkatkan juga tinggi selaras dengan yang lain yang saya ingat perkara ini disebut sedikit oleh Yang Berhormat Datuk William Lau pada awal tadi.

Perkara tentang dengan izin, *soliciting for purpose of prostitution*. Saya ingin bangkitkan satu cerita yang saya dengar baru-baru ini yang berlaku sebagai contoh di tempat kita sendiri di KLIA. Saya agak terkejut mendengar cerita ini kerana cerita ini

agak halus operasi orang-orang yang menjalankan usaha yang tidak baik ini. Kita tahu ada hotel untuk transit di KLIA. Saya difahamkan bahawa itulah sarang tempat orang luar negara datang bersinggah dan di situlah orang-orang bemiaga yang ada hubungan rapat dengan peniaga-peniaga yang menjalankan hotel di KLIA ini sebenarnya menjalankan operasi mereka.

Saya rasa ini adalah satu operasi yang mesti dibanteras cepat kerana kalau kita hebat dengan usaha untuk menarik tarikan pelancong dengan begitu hebat dan keseluruhannya hampir lebih 90% pelancong datang melalui KLIA, kita tidak hendak KLIA terkenal dengan pendapat *fun*, dengan izin, melalui seks, melalui jualan tubuh badan wanita yang diimport dari rata negara kerana mereka ini menjadikan tempat singgah, tak payah setem dalam pasport. Jadi, hanya untuk operasi sekian-sekian masa, dia ada dia punya jadual tertentu. Jadual A,B,C,D,E sumbernya dari Jepun, Taiwan, Korea dan sebagainya.

Ini pada saya kita tidak hendak KLIA terkenal dengan sarang pelacuran seperti mana yang telah pun terkenal oleh negara jiran kita. Kita tidak hendak menerima label yang seperti ini kerana lebih-lebih lagi apabila kita tekankan bahawa kita sudah iktiraf sebagai negara Islam sekarang ini. Oleh kerana itu setiap langkah yang kita buat walaupun pindaan ini pada saya patut dilihat dalam konteks apa yang disebut tadi tentang sebatan di depan orang ramai. Tidak salah kita mengambil model yang dikatakan dalam Al-Quran dan hadis apabila kita mempunyai peluang untuk berbuat begitu asalkan hajat kita itu baik dan mencapai tujuan yang diidamkan.

Begitu juga dalam 372B saya nampak hanya sekadar daripada segi soliciti ini untuk berkempen membuat publisiti untuk menarik dan mendapat pelanggan untuk pelacuran ini nampaknya hanya sekadar tidak lebih daripada setahun dan *fine* pun tidak sebut. Ini saya bersetuju. Pada saya *across the board*. Patutnya sama sahaja. Dan apabila sama sahaja orang yang membuat, orang yang menggalakkan, orang yang jual dia sama salah, samalah dengan selalu kita bercakap daripada segi korupsi. Korupsi ini yang memberi pun salah, yang menerima pun salah.

Oleh kerana itu, pada saya kalaulah, saya tidak tahu, saya bukan pakar dalam bidang undang-undang, saya harap perkara ini dapat diselaraskan kerana atas satu mauduk, satu tajuk kalau hendak menakutkan pihak-pihak yang berkenaan ada *chain reaction*, dengan izin, daripada satu tahap kepada satu tahap, daripada akar umbi itulah hendak kita matikan dahulu barulah tidak berlaku pemiagaan yang luas dan besar.

Dan bila bercakap pemiagaan luas dan besar, saya ingin ingatkan bahawa kadang-kadang pemiagaan ini yang akan saya quotekan, boleh menjadi sebagai begitu besar sampai di Australia ada, saya akan sebut nama nanti, sudah pemiagaan menjadi begitu besar, pemiagaan dalam bidang pelacuran ini, sehingga syarikat itu disenaraikan dalam saham terbitan awam. Kita tidak hendak dalam Malaysia ini sampai jadi begini, kalau semua pemiagaan terlalu laris, nampak pelanggan datang berduyun-duyun siapa sahaja singgah di KLIA semuanya ada, jadi bila sudah laris artinya boleh disenaraikan, kita sudah ada penyenaiaan syarikat mengenai orang mati, mengenai perkuburan, ini tak apalah, boleh tahan jugalah yang kubur ini, sudah ada syarikat disenaraikan, tetapi kita tidak hendak sampai ke peringkat i tu.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 373 Fasal 4 ini mengenai *suppression of brothels*, ini pun saya lihat dalam 373(1)(b) yang dikenakan *punishment*, dengan izin, juga sekadar 15 tahun dan diberi fine yang juga saya tidak tahu berapa. Dalam hal ini saya ingin menarik perhatian pihak kerajaan bahawa menjalankan tempat *brothels* ataupun sarang pelacuran ini kita hendaklah berjaga-jaga ke peringkat yang boleh diadakan dengan peringkat *Internet*. Boleh dijalankan pemiagaan *brothels* melalui *Internet*, walaupun dari segi saya pernah bercakap di sini bahawa *Internet* boleh digunakan secara manfaat, ada negatifnya dan ada positifnya.

Saya harap pihak kerajaan boleh memikirkan penggunaan *Internet* dengan teknologi *web camera* macam ada direct radio telecast, macam ada camera di sini sekarang yang kita tidak nampak di situ, tetapi membuat rakaman video boleh dimanfaatkan dengan kerajaan memutuskan bahawa mana-mana tempat pemiagaan umpamanya di pusat-pusat hiburan karaoke umpamanya, oleh kerana pernah ditekankan tempat karaoke menjadi agaknya sarang untuk bermula pemiagaan pelacuran, permulaannya kemudian dia pergi ke tempat lain, kerajaan memutuskan bahawa menggunakan *webcam* yang hanya harganya sedikit, kita boleh kenakan pada menjadikan syarat kepada peniaga-peniaga ini hanya dengan berbelanja beberapa

ratus ringgit sahaja, kamera dan memasang beberapa perisian yang tertentu, kita boleh melihat apa yang berlaku di tempat karaoke itu umpamanya.

Kalau peniaga tahu kata ini boleh dimonitor macam di satu pusat kawalan dan pelanggan-pelanggan pun tahu diiklankan bahawa semua pusat hiburan yang telah diberi lesen ada sistem webcam (*web camera*) ini dan kita boleh tahu apa berlaku di tempat-tempat hiburan itu. Kalau dengan kaedah ini saya percaya pelanggan-pelanggan yang hendak pergi ke pusat-pusat karaoke hanya mempunyai satu niat iaitu niat untuk menghibur hati secara menyanyi yang memang kita galakkan.

Malah dalam Islam pun menggalakkan kita menyanyi dan membuat lagu, oleh kerana itulah di antara hukum agama Islam dalam kita sembahyang lima kali sehari, ada dibacakan azan dan bila azan diberi ingat kepada orang-orang Muslim bahawa sampai dan tiba waktu untuk kita bersembahyang azan itu sentiasa dibunyikan dengan lagu yang lemak merdu supaya mendapat tarikan kepada orang dan bila tarikan ia pergilah bersembahyang dan berhenti daripada kerjanya yang biasa. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, dijemput Yang Berhormat.

**Puan Siti Zallah binti Mohd. Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi laluan. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk, adakah kita boleh samakan sebuah lagu yang dinyanyikan contohnya P. Ramlee dengan suatu seruan azan yang menyeru kita kepada mengingati Allah, saya rasa ada perbezaan, sebab azan ini merangsang keinsanan dan keinsafan dan nyanyian lagu ini maknanya hanya memberi dari segi kepuasan nafsu manusia, mungkin pembedaan sedikit.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memang tepatlah kata Yang Berhormat itu, saya pun bermaksud begitulah, saya hanya memberi contoh bahawa melagukan sesuatu itu juga digalakkan oleh Tuhan, oleh kerana itu kalau kita ambil skel lagu, azan, baca quran dan sebagainya dan seterusnya sampai berlagu menyanyi, tetapi kalau menyanyi itu seni katanya baik, menuntut kepada kita untuk mengingati Allah dan mengerjakan segala apa yang dituntut oleh agama Islam, itu adalah baik. Dan kalau kita menuntut kasih sayang persaudaraan di antara sesama manusia, itu adalah baik, sekadar itu sahaja yang saya hendak kaitkan dengan unsur melagukan sesuatu perkataan itu.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya berterima kasih kerana bertanya tadi, saya pun teringat saya hendak tunjuk dari segi balik kepada kajian melalui Internet mengenai pelacuran ini, sebenarnya kalau mengikut kajian, umur purata bagi seseorang itu mengambil bahagian dalam pelacuran ialah 14 tahun sahaja, bila muda inilah yang dikaitkan dengan cadangan saya dari segi aspek pendidikan, dan hampir sekurang-kurangnya 75% daripada pelacur-pelacur ini adalah kanak-kanak yang telah 'diperkuasakan' secara seks, ini mengikut kajian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Diiperkuasa atau diperkosa?

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Diperkosakan, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua nampak amat prihatin dengan perkataan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya sentiasa prihatin.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih. Dan kebanyakan pula para-pelacur ini adalah terjebak dengan *drug addicts* dan *drugs*, 70% daripada pelacur-pelacur ini mempunyai pengalaman yang pelbagai dari segi jenayah, rogol. Rogol oleh siapa, oleh pelanggan mereka dan oleh orang-orang yang tidak dikenali kerana ditipu helah, ini jembalang-jembalang ini kena jaga. Kalau mengikut kajian yang dibuat dalam Amerika, pelacuran ini mengeluarkan nilai perniagaan sebanyak AS\$14.5 billion setiap tahun, kalau dikali dengan empat, ertinya hampir RM60 billion dari segi perniagaan ini. Oleh kerana itulah bila saya memberi ingatan tadi, mengatakan bahawa kita patut membuat pendidikan awal adalah begitu amat relevan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan saya dapat satu pendekatan pendidikan yang saya agak amat menarik dan saya rasa oleh kerana penyakit ini berkembang di Malaysia patut diambil tindakan awal, tidak payah kita tunggu sampai begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ada satu gambar yang ditunjuk '*Tired of the life*', sudah letih, sudah muak dengan kerja pelacuran, dia kata kalau sudah muak, *now*

*there is PROMISE*, kita sudah ada *PROMISE*, ertinya sudah ada satu badan yang dipanggil nama *PROMISE*, dan badan ini ialah badan yang menggalakkan wanita-wanita yang terjebak dalam bidang pelacuran untuk keluar daripada pelacuran.

Oleh kerana itu, pada saya, khususnya pihak Jabatan Perdana Menteri mungkin dapat mengesyorkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga untuk menumpukan kepada orang-orang yang sudah terjebak dalam perangkap ini supaya diadakan pendekatan yang sama kerana mereka ini mempunyai program-program pendidikan dan memberi khidmat nasihat dan cara pemulihan yang begitu amat baik sekali, sebab yang kita dengar sekarang dari segi penyakit dadah kita mempunyai pengkhususan daripada penyakit ini saya tidak begitu kedengaran dengan begitu jelas.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan itu juga, bila saya katakan bahawa perniagaan pelacuran ini boleh dijalankan secara Internet ini, ini dia nama syarikat yang saya sebutkan tadi ialah *Daily Planet* di Melbourne Australia yang sebenarnya memang ready untuk disenaraikan di pasaran saham di dalam negara Australia. Oleh kerana itu, walaupun di negeri Australia mempunyai contoh-contoh yang baik dari segi pemulihan tetapi kita kenalah pilih yang pemulihan dengan baik itu yang patut kita jadikan contoh, tetapi yang tidak baik hendaklah dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen baru 376A dan 376B mengenai *incest* atau sumbang mahram juga hendak saya bangkitkan di sini.

Denda yang dikenakan ialah di antara enam hingga 20 tahun, inilah yang saya katakan tidak seimbang dengan yang awal tadi, yang 15 tahun yang awal tadi dan yang saya ingin bangkitkan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen khususnya yang saya agak keliru ialah 376B(2)(b), kalau saya baca ayat ini, dengan izin, *it shall be a defence*, untuk hendak mempertahankan diri, untuk hendak *to a charge against a person under this section if it is proved* – kalau dibuktikan (b), dengan izin, *that the act of sexual intercourse was done without his or her consent*.

Kalau saya baca dari segi (a), dia kata kalau dia boleh defence, kalau dia tak tahu pun, dia mengaku kata dia tak tahu, tetapi yang (b) pula '*without his consent*'. Saya ingat '*with his consent*' kecuallilah kalau saya punya orang biasa baca law ini, law ini ada cara pusing dia yang berlainan, pada saya dia boleh defence kalau dia mengaku kata sudah dengan consent, dia ini sudah bersetuju, oleh kerana itulah perenggan *explanation* yang bawah itu, Yang Berhormat sendiri dalam pembentangan menyebut kalau wanita kurang 16 tahun, kalau lelaki kurang 13 tahun dan mereka ini tidak berkuasa untuk beri izin, dia tidak boleh beri izin, jadi kita tidak boleh kata dia boleh mempertahankan diri kalau *act of sexual intercourse* itu dengan membuat *without her consent*. Pada saya dia kena dengan *consent*lah, kemudian baru timbul masalah dapat zinkah atau tidak, ha itu saya hamba Allah biasa yang tidak faham tentang aspek undang-undang, penulisan cara undang-undang begini.

Jadi, saya harap Yang Berhormat boleh memberi penerangan. Dan bab (a) ini pula yang saya hendak tanya dari segi undang-undang juga oleh kerana itu saya agak bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' William Chau kata tadi kena spesifik.

**Datuk William Lau Kung Hui:** William Lau.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** William Lau, maaf saya. Nasib baik dia bangun, saya teringat, minta maaf. Ada Chau yang lain - Chua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk William Lau menyebut tadi tentang spesifik ertinya lebih kepada contoh-contoh, (a) dengan (b), (b) dengan (c), (c) dengan (d) dan sebagainya, kemudian barulah kita umumkan, sebab kalau setakat am begini, saya nampak dalam suasana masyarakat kita menuntut orang berfikir secara kreatif, ia boleh membuat skrip drama, bab (a) ini dia kata, oh saya tidak tahu kata tidak boleh, tetapi dia sudah berpakat dah, macam mana kita hendak buktikan ini. Oleh kerana itulah pada saya lebih baik kita memberi pengkhususan, selepas pengkhususan barulah diberi "*miscellaneous clause*", dengan izin, ertinya yang lain-lain, tetapi yang khusus kita tahu, kes (a), (b), (c), (d), (x), (y) dan (z) dan sebagainya.

Jadi, perkara ini saya harap Yang Berhormat Datuk Setiausaha Parlimen akan dapat memberi penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan mungkin melalui Jabatan Perdana Menteri dan terus kepada

kementerian yang berkenaan mewujudkan satu pusat yang diberi nama "Pusat Sumbang Mahram dan Keganasan Keluarga". Ha! Ini pusatnya. Pusat Sumbang Mahram dan Keganasan Keluarga, kalau ringkasnya PSSM dan 2K (PSSMKK). 2K ialah Keganasan Keluarga.

Saya bermodelkan ini atas satu badan yang bila saya baca isinya saya nampak agak menepati dan sesuai kegunaannya di Malaysia. Apa yang dinamakan dengan izin, the Domestic Violence and Incest Resource Center (DVIRC) yang disebutkan ini, dan dalam ini banyak perkhidmatan diberi dalam bentuk pendidikan. Dan oleh kerana ini berlaku dalam bentuk pendidikan, saya rasa ia amatlah menepati sekali pada orang dewasa.

Kalau di peringkat sekolah sudah saya cadangkan adakan program pendidikan daripada sekolah kindergarten, sekolah rendah dan menengah, dan seterusnya dari peringkat orang ramai kalau ada pusat atau resource center begini, maka adalah tempat untuk menjalankan usaha-usaha bagi mengurangkan hal-hal ini.

Di antara yang saya juga hendak kaitkan dengan penerangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, pagi tadi banyak sebab yang diberi tentang kes-kes rogol dan sumbang mahram.

Yang ada juga kaitan dengan ini kadang-kadang adalah hasil daripada kekecewaan cinta. Kita pernah sebut, "*cinta itu buta*", tetapi bila ianya buta, bila dia rasa sakit, kesakitan itu terlalu amat sangat dan kadang-kadang kesakitan yang amat sangat itulah yang ditonjolkan melalui penderaan ataupun tindakan ke atas mangsa yang ada pada masa dan ketika ini.

Jadi, apa yang disebut oleh Yang Berhormat awal tadi kata suasana yang baik dan sebagainya amat tepat. Oleh kerana saya nampak Yang Berhormat sahabat saya Dato' Abdul Aziz masuk ke dalam ini, saya teringat Dato' Abdul Aziz cakap semalam. Semalam saya hendak beri *chance*. Sebenarnya saya hendak ganggu dia semalam, tetapi oleh kerana dia hampir terakhir dan dia bersemangat betul menceritakan tentang hal Dewan dan sebagainya, saya beri *chance* kepadanya. Hal cokmar besar kecil semua dia ukur. Nampaknya dia ini yang mana yang dia boleh ukur, yang besar kecil semua dia ukur. Saya pun tidak tahu kenapa.

Saya tertarik dengan apa yang disebut tentang internship dari segi Ahli-ahli Parlimen ini. Ini amat tepat sekali. Cuma saya hendak beri ingatanlah bila kita ambil pembantu kita hendaklah pilih dengan berhati-hati. Kita tidak payah gender sensitive - boleh lelaki ataupun wanita - dan kita ingat janganlah pula timbul keadaan-keadaan yang menghasilkan masalah yang lain. Ini relevant dengan apa yang Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz cadangkan itu. Saya dengar di luar dia orang kata, "*Oh, senang Ahli-ahli Dewan Negara ada 69 orang, sekarang Puteri sudah ramai*". Puteri dalam UMNO ini lebih 80,000 orang dan kebanyakan, katanya, daripada IPTA, IPTS, kelulusan kolej dan sebagainya.

Kalau melihat kepada kenyataan ketua penajanya dia kata, "*Ah! Kita hendak tentukan mutu*". Oleh kerana itu saya bincang di luar. Kalau hendak menentukan mutu, mutu jangan dilihat luaran. Mutu terletak pada penghasilan kerja itu dan hendak tahu penghasilan kerja kenalah beri kerja, baru kita tengok hasilnya sebab ia tidak terletak kepada luaran secara zahir, pakaian dan rupa bentuk, juga luaran secara ijazah sama ada Bachelor's degree ataupun Master's degree, Ph.D dan sebagainya. Ini tidak menentukan mutu.

Jadi, sepintas lalu saya ingin berpesan kepada rakan-rakan yang agak baru masuk dalam Dewan, mungkin mereka lebih bernasib baik, akan wujud satu peluang di mana akan ada para penyelidik, pembantu penyelidik yang datang dari kalangan mana-mana, hendaklah dijalankan penapisan yang rapi untuk menentukan mutu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berbalik kepada kes when love hurts. Saya ada ini kisah yang sebenarnya. Yang amat baik di sini ialah kalau ada program pendidikan yang saya sebut tadi, bolehlah kita menggalakkan anak-anak muda membaca benda-benda ini. Umpamanya, saya sebutkan di sini dengan izin, "*A guide for girls and love, respect and abuse in relationships*." Semua dari segi masalah perhubungan jantina ini dia cerita. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "*Being in love is supposed to feel great, but sometimes it just feels confusing*." Amat tepat sekali, agak menggelirukan.

Datuk William Lau nampak bersetuju benar dengan saya punya *quotation* ini. Dan memang banyak lagi quotations dan cerita-cerita banyak, yang baik. Dan cerita-cerita inilah kalau kita menampilkan sebagai cerita berdasarkan pendidikan, saya rasa ianya akan dapat membantu untuk mengelakkan atau mengurangkan kemungkinan ianya berlaku. Malah dalam bidang ini terdapat falsafah tertentu, falsafah inilah yang saya cuba hendak share di sini.

Sebagai contoh, "*Decaying Rape Crisis and Incest Service Incorporated*". Ini juga di Australia, tempat diadakan pertandingan perfileman beberapa tahun dahulu, tempat yang agak menarik. Ini sebenarnya *is a community-based safe place which supports all women who have been raped or sexually abused*. Dia hendak tolong semua yang sudah kena rogol dan didera melalui seks ini, *whether recently or in the past* - sama ada baru ataupun sudah lama. Dia mengenali dari segi, dengan izin, "*Recognizes that violence against women is based on male dominance and control.*" Ini kita mengakui bahawa masalah-masalah ini ialah kerana *dominance* orang lelaki dan juga tentang ketidakbolehan dia untuk mengawal diri. Oleh kerana itu kita hendaklah menentukan terdapat *balance* dan persampingan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya memohon turut menyokong. Terima kasih.

– **Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Melanie Chia Chui Ket.

12.49 tgh.

**Puan Melanie Chia Chui Ket:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai dengan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2001.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen baru 372 mengenai mengeksploitasikan seseorang untuk tujuan pelacuran yang mengandungi seksyen kecil (1) sampai (3) memberi perlindungan luas ke atas kesalahan-kesalahan di bawah pelacuran dan kegiatan kurang bermoral yang dilakukan oleh kedua-dua orang lelaki dan perempuan.

Pindaan ini nyata perubahan ke atas seksyen lama 372 yang mengandungi penjualan kanak-kanak di bawah 21 tahun untuk tujuan pelacuran dengan harapan kenaikan hukuman penjara daripada 10 tahun kepada 15 tahun serta sebatan ia akan menyediakan dan akan dapat menghalang orang yang ingin melakukan kegiatan yang tidak bermoral kepada orang yang tertindas dan dalam kes seperti ini di mana kebanyakan adalah terdiri daripada perempuan-perempuan yang muda.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya hukuman ini bertujuan untuk menghukum dan juga untuk menghalang kegiatan-kegiatan salah, mungkinlah hukuman untuk kesalahan-kesalahan di bawah seksyen baru 372 boleh merangkumi rampasan harta pesalah itu yang mungkin diperolehi melalui pendapatan yang tidak halal.

Tuan Yang di-Pertua, pengenalan seksyen baru 376A dan 376B merupakan satu petanda pendekatan proaktif kerajaan. Seksyen-seksyen baru ini mendefinisikan sumbang mahram sebagai satu kesalahan dan hukuman bagi kesalahan itu. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mengambil perhatian kepada permasalahan ini. Hukuman berat ke atas kesalahan sumbang mahram dibandingkan kepada kesalahan rogol menunjukkan bahawa kerajaan memandang serius ke atas perkara ini.

Walau bagaimanapun, saya mempunyai beberapa komen seperti berikut:

- (i) Seksyen 376B(2)(b) menyatakan bahawa adalah menjadi satu perbalahan ke atas tertuduh jika ianya dapat dibuktikan bahawa perbuatan bersetubuh secara seksual itu dilakukan tanpa persetujuannya. Persetujuan yang dimaksudkan di sini merujuk kepada orang di bawah 16 tahun jika perempuan atau di bawah 13 tahun jika lelaki.

Sekiranya sumbang mahram dianggap sebagai kesalahan yang lebih serius daripada rogol, kenapa pula had umur mangsa di bawah 16 tahun bagi perempuan dan di bawah 13 tahun bagi lelaki? Sekiranya terhad umur atau *age of consent*, dengan izin, mengikut undang-undang British kita hendaklah memberi pertimbangan kepada

keadaan-keadaan budaya kita dan pendedahan kanak-kanak kita terhadap pendidikan mengenai seks yang sudah bertalian dengan negara Barat. Di sini saya mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula had umur mangsa kesumbang mahram khasnya bagi lelaki; dan

- (ii) saya ingin menekankan bahawa hukuman bukannya selalu boleh menyelesaikan masalah sehingga ke akar umbi yang tumbuh terutama sekali masalah sumbang mahram. Kita perlulah meneliti sebab-sebab kenapa perkara ini berlaku. Bagi mangsa tersebut lebih baik ianya tidak pernah berlaku. Mungkin meletakkan perhubungan keluarga yang rapat dan pendidikan agama boleh membantu untuk mengelakkan perbuatan yang tidak diingini ini.

Pengaruh dari luar seperti wayang gambar pomografi dan buku-buku harus juga diperiksa oleh penguasa-penguasa tempatan. Mungkin penyelesaian keadaan perumahan juga perlu dilihat. Walaupun kerajaan pada masa ini menghendaki rumah kos rendah supaya mempunyai sekurang-kurangnya tiga bilik, tetapi daya upaya hendaklah ditumpukan juga bahawa lain-lain perumahan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya tiga bilik khasnya perumahan di luar bandar.

Akhir sekali mungkin kempen pendedahan awam boleh dijalankan untuk memberitahu tentang hukuman berat ke atas kesalahan-kesalahan ini sebab semestinya ada juga ramai orang yang tidak sedar sumbang mahram adalah satu kesalahan. Hukuman kesalahan dadah di mana slogan, dengan izin, "*digantung sampai mati*", telah memberi kesedaran dan kejayaan kempen terhadap pengedar dadah. Mungkin kempen secara begini boleh dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana perhatian terhadap isu yang dihadapi oleh rakyat dan menyokong penuh ke atas pindaan yang dibentangkan ini.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

Oleh kerana masa telah cukup untuk berehat, dengan ini perbahasan Dewan ini akan disambung jam 2.30 petang ini.

**Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 ptg.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila bahas Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat.

**2.30 ptg.**

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2001. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan perbahasan saya ini terutama sekali tentang kejadian manusia itu sendiri, bahawa manusia ini memang dijadikan oleh Allah S.W.T. ada lelaki dan perempuan atau pasangan lelaki dan perempuan. Bagi menyesuaikan kegiatan lelaki dan perempuan ini, saya ingin melihat dari segi agama-agama dan pandangan bangsa-bangsa ataupun keturunan-keturunan. Dari segi agama misalnya, oleh kerana Allah Tuhan yang lebih tahu tentang kejadian manusia ini, maka untuk menghalalkan, membolehkan sesuatu itu dilaksanakan dan dijalankan supaya tidak timbul keraguan terutama sekali di kalangan keluarga kedua-dua pihak misalnya, keluarga si lelaki dan keluarga perempuan.

Maka, Allah SWT pada peringkat awalnya, bahawa hubungan lelaki dan perempuan daripada segi agama Islam, adalah haram. Maknanya, tidak boleh mengadakan hubungan seks kecuali melalui suatu peraturan yang telah ditentukan. Ini yang disebutkan akad nikah, diakadkan, dinikahkan dan Allah SWT pun mengatur akad ini, tidaklah susah malah sangat senang. Misalnya, pada peringkat awalnya, mengikut adat kebiasaan di negara kita ini, keluarga lelaki pergi pinang keluarga perempuan,

anak perempuan keluarga itu. Kalau peminangan itu diterima, urusan akad nikah ini boleh dijalankan. Satu perkara yang saya ingin sebutkan juga di sini, kadang-kadang orang Islam pun sudah lupa. Sebenarnya, orang perempuan pun boleh juga pinang orang lelaki. Tetapi, oleh kerana ada satu pepatah orang Melayu, "*telaga cari timba*", maka ia sukar dilakukan. Sebenarnya, dari segi hukum Islam, kita mesti akui ia adalah satu perkara yang harus. Jadi, tidak ada sebab kenapa kita hendak amalkan seks di luar kebenaran yang ditentukan oleh Allah S.W.T.

Kemudian, majlis akad ini sangat senang, panggil mempelai lelaki ke dalam suatu majlis di mana wali boleh mengakadkan, "*Aku nikahkan akan dikau, akan anakku Fatimah dengan mas kahwinnya RM50 tunai*". Si lelaki kata, "*Aku terima nikahnya*", dengan dua saksi, maka sahlah nikahnya - senang sahaja. Dalam satu majlis yang ada jurunikah, kemudian dia kata, "*Aku nikahkan akan dikau, akan Fatimah binti Ali yang berwakil wali ia akan daku dengan mas kahwinnya RM50 berhutang*". Boleh berhutang, jangan kata tidak boleh. Kalau sampai tidak ada duit, berhutang. Si lelaki kata, "*Aku terima nikahnya*." Sebanyak yang tersebut itu berhutang. Dengan itu, halallah yang dahulunya diharamkan oleh agama. Akad sah, dengan ada dua orang saksi.

Tadi, telah ditimbulkan kalau orang yang tidak ada bapa, katalah rogol sehingga mengandung atau zina sehingga melahirkan anak. Anak ini, siapa yang hendak nikahkan. Ini pun satu hal. Tetapi, Islam ada jalan. Islam kata, [*Membaca sepotong hadis*] yang bermaksud: "*Hakim, pemerintah itulah yang berkuasa ke atas orang yang tidak ada wali*." Kalau dia tidak ada wali, maka pemerintah, biasanya. disebut dalam Islam, wali hakim. Saya ingat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri pun tahu, wali hakim. Maknanya, wali hakim atau kadi yang menikahkannya atas dasar wali hakim,

Jadi, dari segi penyelesaian, mengikut pandangan Islam, saya rasa sangat mudah. Persoalannya sekarang ini ialah kerana pada masa ini, hampir kesemua agama, pengikut-pengikutnya telah menjauhkan diri daripada ajaran agama masing-masing. Inilah yang menyebabkan masalah sosial seperti mana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terdahulu tadi. Saya telah bertanya dengan beberapa orang sahabat saya, memang semua manusia ini, mesti menjaga nama baik keluarganya.

Saya tidak tahu bagaimana cara nikah dalam agama Hindu, dalam agama Kristian, dalam agama Taoist dan lain-lain, tetapi mesti ada cara. Tadi, saya sebut dari segi Islam. Tetapi dalam agama lain, saya tidak tahu. Yang pasti ada cara dan peraturan masing-masing.

Daripada segi budaya untuk memelihara kebersihan dan kesucian serta kewibawaan keluarga, biasanya apabila selepas nikah kahwin atau apa cara sekali pun mengikut Kristiankah, cara Hindukah atau cara Buddhakah, kemudian ada majlis kenduri dan ini saya tanya sahabat-sahabat Cina pun ada, India pun ada, Siam pun ada, semua ada kenduri. Apa pasal kenduri? Apa pasal diadakan kenduri? Kadang-kadang kita lupa bahawa kenduri itu, tujuan asalnya ialah untuk mengisytiharkan bahawa anak kita telah berkahwin dengan anak si polan. Anak si A telah berkahwin dengan anak si B. Kita panggil kerabat-kerabat kita yang terdekat dan orang kampung kerana hendak beritahu bahawa anak kita telah berkahwin dengan anak si polan. Pasal apa beritahu? Kalau tidak, tidak payah beritahu pun tidak apa. Buat macam rumah-rumah pelacur, tidak payah beritahu. Apa tujuan beritahu? Ini saya rasa satu budaya yang ada pada semua bangsa, semua kaum di negara kita ini.

Kadang-kadang orang Islam panggil orang Cina dan orang India datang hadir dalam majlis perkahwinan anak mereka. Begitu juga orang Hindu dan orang-orang Kristian. Ini adalah satu budaya yang sama atau hampir sama dalam semua bangsa, dalam semua agama yang ada di negara kita ini. Tujuannya tadi ialah untuk memberitahu bahawa anak kita telah berkahwin. Kenapa kita kena beritahu? Ini ialah kerana kita tidak mahu bahawa keluarga kita akan dituduh oleh orang, pertama sekali orang kampung, anak dia tidak baik, bawa anak orang. Membawa anak orang yang belum nikah lagi, yang belum kahwin lagi adalah tidak baik dan memalukan keluarga.

Jadi, katakanlah, undang-undang selain daripada undang-undang, kalau adat ini pun kita jaga, kita pelihara, kita tidak akan melihat terlalu ramai orang yang akan melakukan perbuatan-perbuatan yang sangat keji ini sebagaimana tadi salah seorang Ahli Yang Berhormat menyebutkan bahawa zina adalah suatu perbuatan yang amat keji, dari segi pandangan Islam.

Dengan sebab itulah sebagai kawalan kita juga ada hukuman, ada deraan. Tetapi sebenarnya dari segi Islam bukan bertujuan untuk mendera sebaliknya bertujuan untuk mengajar. Sebarang hukuman yang dikenakan ke atas seseorang yang telah melanggar undang-undang Islam ataupun peraturan-peraturan yang telah ditentukan oleh Islam bertujuan untuk memberikan pengajaran, bukan sahaja kepada orang yang melakukan kesalahan ataupun yang melakukan jenayah itu tetapi juga bertujuan untuk mengajar orang yang lain supaya orang yang lain tidak akan melakukan perbuatan yang sama.

Sebab itulah, dalam Kanun Jenayah Syariah, kerana saya boleh bercakap hanya Kanun Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan, hukuman di negeri lain, kemungkinan berlainan. Cuma sekarang ini sedang diusahakan untuk diselaraskan. Dalam Kanun Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan, sebarang kesalahan yang dilakukan oleh umat Islam di Wilayah Persekutuan yang melanggar kehendak-kehendak ataupun peraturan-peraturan syariah, paling tinggi hukuman hanya boleh dijatuhkan tiga tahun penjara, RM5,000 denda dan enam kali sebatan atau kombinasi dua dari tiga hukuman itu.

Itu sahaja paling tinggi denda yang boleh dikenakan kepada seseorang Islam yang melanggar peraturan-peraturan Islam kalau berzina dan disabitkan, itulah hukuman yang boleh dijatuhkan oleh seorang hakim di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan mungkin sesetengah negeri pun sudah mengikut apa yang telah dibuat oleh Wilayah Persekutuan apabila negeri itu meluluskan ataupun menerima pakai Kanun Jenayah Syariah yang telah diluluskan oleh Parlimen. Ini jauh berbeza daripada apa yang dikehendaki oleh Islam itu sendiri. Saya masih ingat pada sidang Dewan Negara yang telah lalu, telah dibahaskan tentang hudud. Saya tidak hendak ulang tetapi saya lebih minat menyebutkan tentang Kanun Jenayah Syariah.

Hukuman yang dikenakan kepada pesalah-pesalah misalnya merogol ataupun melacurkan diri, memang dari segi syariah, dalam Al-Quran, hanya satu sahaja perkataan iaitu, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Penzina perempuan dan juga penzina lelaki, apabila disabitkan kesalahan keduanya, kena sabitkan. Bukan pakai pegang begitu sahaja, itu tidak boleh. Kita jumpa-jumpa, pegang, kita sebat, itu tidak boleh. Itu kita pula yang salah dari segi kanun syariah.

Untuk menyabitkan pesalah zina ini, Islam menetapkan empat orang saksi kerana Islam sangat memelihara kewibawaan, maruah seseorang itu tidak boleh dijatuhkan hukuman dengan sewenang-wenangnya begitu sahaja. Dengan sebab itulah, kena empat orang saksi. Walaupun orang kata, mana kita hendak cari empat orang saksi, tidak apa. Maknanya, dia tidak kenal, kalau saksi tidak cukup. Malah, kalau saksi itu berbohong, saksi itu pula kena rotan, kena sebat 80 kali sebatan, itu dari segi syariah kerana dia telah memfitnah. Kalau dia telah memfitnah seorang perempuan, menyebabkan perempuan itu barangkali tidak akan ada orang yang bersedia lagi untuk mengahwininya, atas fitnah yang telah dilakukan oleh seseorang terhadap seseorang yang muhsanah apatah lagi seseorang yang belum berkahwin.

Jadi, dengan sebab itulah, hukuman yang dikenakan ialah 100 kali sebatan. Seratus kali sebatan saya hendak sambung yang tadi, kerana tadi saya tidak sempat menyebut bahawa oleh kerana kepala kita telah digambarkan bahawa sebatan itu seperti sebatan yang dilakukan di dalam penjara yang ada sekarang ini, maka itulah kita merasakan Islam itu kejam dan bengis.

Saya pernah juga berbincang dengan pegawai-pegawai penjara sewaktu saya menjadi Ahli Jawatankuasa Syariah Wilayah Persekutuan, tentang bagaimana sebatan dilakukan di penjara. Mereka mengatakan kalau seseorang itu tahan enam kali sebatan, itu cukup hebatlah. Biasanya, empat kali sebatan itu, doktor sudah nasihatkan, hentikanlah dahulu sebatan ini. Kemudian tangguh, sambung lagi pada masa yang akan datang. Berbeza dengan sebatan yang dikenakan di bawah Kanun Keseksaan Islam ini ataupun Kanun Jenayah Islam. Tadi, saya sebutkan walaupun seseorang itu telah disabitkan kesalahan, dihukum 100 kali sebatan, pertama sekali, tukang sebat itu mestilah dapat memastikan apabila dia menyebatkan, sebatannya itu tidak boleh mengoyakkan daging. Diangkat rotan, koyak daging itu, tidak boleh. Rotannya sederhana, sebatannya juga sederhana.

Tadi saya telah menyebutkan bahawa orang yang disebut itu hendaklah berpakaian seperti pakaian yang teradat di negerinya. Dia kena ada pakaianlah. Tetapi, tidak boleh tebal-tebal sangat, itu tidak boleh. Kemudian, tukang sebat tidak boleh mengangkat tangannya sampai sini, [*sambil menunjukkan syarat*] tidak boleh. Sebab itulah, saya sebutkan tadi, dalam sejarah yang saya bacalah, tidak pernah orang yang kena hukum sebat 100 rotan ini, yang mati kecuali seorang.

Dalam sejarah, kebanyakannya orang yang melakukan kesalahan zina ini, mengaku. Seorang perempuan dia datang, berjumpa dengan Nabi Muhammad S.A.W., dia bersumpah. Dalam Islam, barang diingatkan sumpah itu adalah terpakai di dalam undang-undang syariah. Dia bersumpah di hadapan Nabi Muhammad S.A.W., wallahi, wabillahi, watallahi, itu sumpah yang dipakai. Yang angkat Al-Quran itu, itu ikut orang Inggeris. Sebenarnya, sumpah itu wallahi, wabillahi, watallahi itu sudah sumpah. Wallahi, wabillahi, watallahi, inilah yang bermaksud ini penzina. Dia mengaku, "*Saya telah berzina.*" Kadang-kadang bila kita sebut hukum Islam itu orang merasakan bahawa Islam ini rakus, hendak hukum orang sahaja, sebenarnya tidak. Rasulullah suruh dia balik dahulu. Saya bimbang kalau kemudian nanti, apa yang kita bahas dalam rang undang-undang kelmarin, celaru mental. - Nabi suruh balik. Celaru dia punya mental, Nabi suruh balik, balikkah. Balikkah katanya.

Diringkaskan kisahnya, ada seorang, dia sudah mengandung, dia suruh balik. Selepas itu, sehingga kamu melahirkan anak dalam kandungan ini. Dia pun balik sampailah dia melahirkan, dia jumpa Rasulullah, dia kata "*Ya Rasulullah, saya sudah melahirkan anak,*" maknanya undang-undang Islam ini tidaklah segejoh seperti yang digambarkan. Saya gunakan perkataan 'gejoh' ini, seperti yang digambarkan oleh sesetengah orang yang hendak menghina undang-undang Islam. Rasulullah suruh balik. Kali yang ketiga, datang lagi dia, bawa anaknya. Anaknya masih memerlukan susu ibunya. Rasulullah suruh balik lagi, balik dahulu. Rasulullah berkata, "*Sehingga anak kamu tidak lagi memerlukan susuan kamu.*" Kali yang keempat, dia datang berjumpa dengan Rasulullah, Rasulullah lihat anaknya sudah boleh makan, menyuar sendiri, barulah Rasulullah minta kepada sahabat. Sekarang, laksanakan hukuman. Maknanya, menanggukkan hukuman, bukan tidak menghukum, tetapi menanggukkan hukuman sehingga seseorang itu sesuai untuk dihukum, itu juga adalah salah satu daripada akhlak dan ajaran Islam yang mulia.

Saya ingin menarik perhatian di sini, adakah kerajaan pernah berfikir, kerana kita sudah ada macam-macam undang-undang yang kita buat, macam-macam akta kita bentangkan, macam-macam pindaan kita sudah bentangkan dan macam-macam hukuman, deraan yang telah kita kenakan. Tidakkah pernah kita berfikir, apakah salahnya, kalau orang yang melakukan kesalahan sumbang mahram, mahram yang belum berkahwin lagi kita cuba kita kenakan hukuman seratus kali sebat.

Mudah-mudahan ada keberkatan di sisi Allah S.W.T lalu manusia akan merasa gerun walaupun mereka tidak melihat sebatan itu dilakukan. Maknanya seluruh rakyat tidak lihat ianya dilakukan. Tetapi yang penting di situ kerana kita tadi dijadikan sebagai manusia dan Allah S.W.T menyediakan hukuman-hukuman tertentu ke atas manusia yang melakukan pelanggaran terhadap peraturan-peraturan yang ditentukan oleh Allah S.W.T. Saya mempunyai keyakinan yang penuh kalau ini boleh kita perkenalkan tanpa menyebut hudud tidak mengapa, hukumannya ialah mandatori seratus kali sebatan. Saya yakin bahawa mungkin terubatlah segala apa yang telah disebutkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri yang menyebut tadi ada orang yang pergi masuk semak mungkin akan terubat. Tetapi ini semuanya kita tidak pernah cuba lagi. Jadi, kita tidak bolehlah mengatakan ia tidak sesuai kerana kita tidak pernah cuba sekalipun lagi dalam sebarang undang-undang yang kita perkenalkan sama ada di Dewan Rakyat dan kemudian kita luluskan di Dewan Negara yang mulia ini.

Saya mencadangkanlah supaya ini diambil kira dan difikirkan. Orang kata saya lembut lurus kerana bahasa saya pun lembut. Saya cadangkan supaya difikirkan masak-masak kerana ianya bukan sahaja berkaitan dengan orang Islam sebagaimana yang saya katakan tadi dari segi hendak jaga maruah ini semua kaum hendak jaga maruah. Semua ibu bapa hendak jaga maruah, tidak mahu orang kata anak dia bawa anak orang ini, anak si A bawa anak si B, maka saya sebutkan itulah di antara budaya yang diperkenalkan di negara kita ini semua agama semua bangsa semua suku ada kenduri. Saya ingat orang asli yang dikatakan tidak ada agama pun ada kenduri juga. Ada kenduri kerana hendak bagitahu bahawa anaknya telah berkahwin. Dengan yang

demikian keluarga tidak akan tertuduh, tidak akan ditohmah oleh sesiapa bahawa keluarga itu telah bawa anak orang ini dan sebagainya. Itu dari segi pemikiran dan budaya sahaja.

Jadi, dengan sebab itulah saya melihat di sini ada beberapa perkara yang menarik perhatian saya iaitu hukuman-hukuman yang dikenakan misalnya bukan sahaja kepada orang-orang yang melakukan kesalahan melacur. Melacur ini adalah zina. Saya minta maaf lagi kepada wanita. Dalam al-Quran tadi saya sebut hukuman, *[Membacakan sepotong ayat al-Quran]* yang bermaksud penzina perempuan, baru dia sebut penzina lelaki.

Apabila sabit kesalahan keduanya maka hendaklah disebat dengan seratus kali sebat. Ini bagi orang yang belum kahwin. Di sebut orang perempuan dahulu, tetapi dalam kesalahan mencuri sebagai perbandingan sahaja. *[Membacakan sepotong ayat al-Quran]* yang bermaksud pencuri lelaki barulah datang pencuri perempuan hendaklah - apabila sabit kesalahannya oleh mahkamah, kita tidak boleh kalau orang curi rumah kita dia curi motosikal kita, kita pegang dan kebetulan pada waktu itu kita ada parang kita potong tangannya, itu tidak boleh kerana itu hak pemerintah. Adalah menjadi satu kesalahan pula kalau kita melaksanakan hukuman di depan rumah kita atau di mana-mana. Itu bukan hak kita.

Jadi, jangan kita fikir bila ada hukuman ini kita hendak buat terus. Tidak. Sebab itu orang yang mencuri didulukan perkataan lelaki *[Membacakan sepotong ayat al-Quran]* yang bermaksud pencuri lelaki barulah pencuri perempuan. Mungkin ada hikmat. Kerana biasanya yang mendorong orang lelaki melakukan perbuatan seperti zina seperti merogol dan sebagainya ini biasanya bermula dari orang perempuan. Sebab itu dalam al-Quran tadi dibacakan *[Membacakan sepotong ayat al-Quran]* yang bermaksud jangan hampir dengan perbuatan zina, pelacur itu pun berzina juga. Pasal apa, orang perempuan bila dia mendedahkan diri, dia tidak tutup aurat mengikut Islam.

Dan saya lihat pakaian di India saya tidak lihat orang India dedahkan aurat dia sampai macam yang kita lihat setengahnya di sini. Ini orang-orang India. Saya pergi Madras, Nagapatnam, saya pergi, Calcutta semua saya pergi tengok. Tidak ada yang macam itu. Begitu juga di China. China juga ada pakaian, China pun ada pakaian yang sekira-kira munasabah dan sesuai, dan saya kira kalau tradisi ini diteruskan walaupun fesyennya itu saya tidak kira fesyen apa pun buatlah fesyen tetapi janganlah terlalu mendedahkan aurat sehingga mendatangkan keghairahan orang lelaki.

Lelaki ghairah dengan orang perempuan, perempuan ghairah dengan lelaki, mendatangkan keghairahan kepada orang lelaki boleh menyebabkan perbuatan-perbuatan yang merosakkan masyarakat seperti merogol ataupun sumbang mahram dan sebagainya. jadi, Islam menghalang daripada awal lagi, kalau ini dapat dilakukan akan terhalang dari peringkat awal lagi perbuatan-perbuatan yang tidak baik itu.

Jadi, akta yang sedang kita bahaskan ini - walaupun saya yakin bahawa semua akta yang hendak dibentangkan di Dewan Negara ini dan kita akan luluskan - ialah satu percubaan untuk menghalang perbuatan-perbuatan yang bercanggah dengan kehendak Allah S.W.T sendiri tetapi kita tidak pernah cuba melaksanakan peraturan-peraturan yang ditentukan oleh Allah S.W.T. Memang ada akta samun, rompak, curi semua ada hukuman. Tetapi kita pernah lagi memasukkan dalam mana-mana juga akta sepanjang yang saya lihat saya baca seperti yang dikehendaki oleh Islam kerana Islam itu menyebutkan bila undang-undang Islam dilaksanakan ia adalah sebagai penghalang dan balasan daripada Allah S.W.T., yang penting ia pertolongan daripada Allah S.W.T tetapi semua orang - saya tanya sahabat-sahabat yang beragama Hindu pun berpandangan ini ialah kerana manusia sudah jauh daripada agama masing-masing.

Saya menganjurkan undang-undang Islam perlu diperkenalkan. Sebarang undang-undang yang kita luluskan juga perlu diperkenalkan kepada rakyat dan pendidikan mengenai perundangan juga perlu diperkenalkan kepada seluruh rakyat. Perbandingan agama juga saya ingat sangat penting. Memang di universiti-universiti ada perbandingan agama, perbandingan undang-undang di antara undang-undang syariah dengan undang-undang yang lain seperti undang-undang Perancis dan undang-undang British ada perbandingan. Jadi, apabila ini diketahui barulah minda rakyat kita akan terbuka mereka akan cuba menjauhkan diri daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang bercanggah dengan mana-mana juga undang-undang yang

ada ataupun yang diluluskan di dalam negara itu. Sekarang ini kita kadang-kadang buat undang-undang rakyat langsung tidak tahu. Banyaklah saya kira yang tidak tahu. Hatta pemandu-pemandu kereta pun tidak tahu walaupun ada lampu merah, kemudian kuning dan hijau. Boleh jadi hijau ini boleh diubah jadi putih, boleh jadilah.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kenapa Yang Berhormat tidak sukakan hijau? Saya tidak faham

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bimbang kerana ada orang takut warna hijau sekarang ini dan ada semacam suatu arahanlah supaya jangan gunakan warna hijau. Ada satu arahan yang tidak benarkan guna warna hijau.

**Datuk M. Kayveas:** Penjelasan. Ini arahan daripada mana?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Beginilah kerana Yang Berhormat-Yang Berhormat semua Menteri boleh tengoklah arahan itu di mana-mana jabatan yang biasa mengecat bangunan-bangunan kerajaan. Yang Berhormat carilah boleh dapat itu. Saya sebut pun tidak ada apa, boleh jadi suatu ketika nanti yang hijau ditukar dengan putih. Kami pun tidak ada halangan hendak putihkah, hendak putih jadi biru tidak ada halangan asal biru itu boleh jalan sudahlah.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Saya bertanya soalan ini kerana ada kaitannya dengan ucapan saya di tempat yang lain di mana saya menyatakan kepada Petronas bila dia bertukar dari segi putih di tengah, hijau latar belakang daripada hijau di tengah putih latar belakang. Itu pernah saya utarakan dan sekarang ditukar. Saya tengok logo-logo Petronas itu bertukar. Tetapi saya tidak dengar lagi arahan jangan menghijaukan ini menghijaukan itu dan pandangan Yang Berhormat mengatakan kemungkinan. Ini satu pandangan ini kemungkinan lampu hijau pun bertukar jadi putih. Maknanya tidak suka sangat kepada hijau sekarang ini nampak. *[Ketawa]*

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya kata kemungkinan. Mungkin ini benda boleh jadi boleh tidak jadi. Jadi, benda itu boleh jadi boleh tidak jadi. Cuma kita pakat-pakat tengoklah...

**Puan Chew Poh Thoi:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Lagi sekali mahu minta laluan.

**Puan Chew Poh Thoi:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, Putrajaya pun hijau.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tidak apalah. Baguslah, kalau Putrajaya hijau bagus. Itu lagi baguslah tidak apalah.

**Tuan Yang di-Pertua,** saya ingat untuk menghidupkan Dewan ini tidak apalah.

**Tuan Yang di-Pertua,** saya tadi telah menjelaskan tentang keseksaan ataupun deraan-deraan yang dikenakan di dalam akta-akta yang kita buat. Kadang-kadang kita naikkan daripada 15 tahun kepada 20 tahun dan ada juga macam dadah misalnya sampai kepada peringkat hukuman mati tetapi ianya juga tidak membawa kesan apa-apa walaupun dadah itu saya kira daripada segi pandangan Islamnya tidaklah sampai kepada hukuman mati. Tetapi boleh dihukum dengan hukuman yang berat. Cuma saya ingin menarik perhatian di sini dan saya mengharapkan mudah-mudahan ianya akan dapat diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan supaya hukuman-hukuman yang akan dikenakan terhadap pesalah-pesalah yang telah disabitkan sama ada sumbang mahram ataupun pelacuran ataupun orang-orang yang berniaga atas hasil pelacuran perlu diambil perhatian yang berat dan saya yakin kalau undang-undang Islam dijalankan kegiatan-kegiatan seperti ini akan berkurangan. Kerana tadi dari segi pelaksanaan seperti yang ada sekarang ini pelaksanaan-pelaksanaan yang dibuat seseorang yang melakukan kesalahan itu katalah orang yang melakukan sumbang mahram ini kena rotan, enam rotan, sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang saya ingat kita rotan dia di dalam penjara siapa pun tidak tengok. Ini tidak memberi pengajaran kepada yang lain.

Dari segi Islam dia hendaklah kena rotan depan orang ramai. Memang ia mesti disaksikan oleh orang ramai kerana tujuannya bukan untuk mendera semata-mata tetapi tujuannya ialah untuk memberikan pengajaran kepada pesalah dan juga orang lain. Sebab itulah dalam kesalahan curi misalnya, walaupun orang kata Saudi Arabia tidaklah dijalankan sepenuhnya tetapi dalam kes kesalahan jenayah seperti

mencuri hukuman adalah ikut hukum Islam, potong tangan di tengah orang ramai pada hari Jumaat. Sebab itulah kita lihat tidak banyak kes curi berlaku. Bangsa-bangsa Bersatu adalah report Saudi di antara yang paling sedikit jenayah curi berlaku dalam dunia. Sebab itu kita lihat kalau orang pergi Mekah bila orang azan sahaja peniaga ruang tutup dia punya duit-duit Dollar, duit paun emas dengan kain tidak ada orang curi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi laluan ya.

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat tentang hikmah hukuman sebat itu sendiri sebab saya pernah mengikuti satu seminar, kajian oleh pakar-pakar sains tentang penyelidikan hukum Islam. Pakar itu memberitahu bagaimana hikmahnya hukum sebat dalam Islam. Di antaranya hukum sebat dalam Islam ini apabila seseorang melakukan jenayah zina, apabila disebat dengan rotan, 100 rotan sebab ini adalah hukuman pada orang yang belum berkahwin, mengikut kajian sains ia akan merangsang pengeluaran antibodi di dalam badan orang itu, ia akan menahan dia daripada terkena penyakit AIDS dan HIV. Ini kajian pakar sains. Dan apabila seseorang itu telah kahwin, mengikut kajian sains dari segi potensi badan dia untuk menahan penyakit sudah berkurangan. Jadi sebab itulah hikmah dalam Islam kenapa orang yang telah berkahwin maka Islam menyuruh rejam sampai mati, supaya tidak dibiarkan kuman itu merebak kepada isteri dan orang lain. Ini yang saya minta penjelasan, yang pakar sains buat kajian.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya rasa dalam Islam pun ia tidak menyanggah apa-apa jua pendapat yang sesuai dengan hikmat dan rahsia sesuatu hukuman itu dikenakan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat, sesungguhnya itu adalah salah satu daripada hikmat dan rahsia, kenapa Islam itu mengenakan sebatan dan juga apabila orang yang sudah berkahwin, hukumannya ialah hukuman rejam, maknanya bunuh sampai mati. Jadi, dia pun kalau sudah bunuh, macam orang jual dadah juga, bila kita bunuh, selesailah, tidak apalah, dia tidak jual lagi. Cuma hendak tangkap sampai kepada bunuh itu, susahlah. Daripada segi penjual dadah, hukumannya sampai hukum bunuh.

Jadi, saya boleh setujulah, apa pun kajian sains yang bertujuan untuk memperkukuh lagi hikmat dan rahsia kenapa sesuatu hukuman itu dikenakan. Boleh jadi juga dalam akta yang lain, akta yang dicipta oleh manusia ini pun ada juga hikmatnya tetapi oleh kerana kita sebagai sebuah negara, saya katakan tadi yang mengamalkan demokrasi pilihan raya ini, kita boleh mencuba apa-apa jua undang-undang yang ada di dalam dunia ini sehingga sampai kepada suatu masa, apa yang kita buat itu mudah-mudahan ada ubatnya.

Saya mengharapkan supaya pertimbangan-pertimbangan akan dibuat oleh pihak yang berkenaan. Mudah-mudahan undang-undang yang sudah ditentukan oleh Allah S.W.T di dalam Al-Quran itu akan dapat kita masukkan dalam mana-mana jua akta tanpa kita menyebut hudud, tidak payah sebut pun tidak apa, asal ia masuk sudahlah. Bagi saya begitu. Kalau 100 kali sebat, masuk 100 kali sebat tetapi jangan sampai mengelirukan orang ramai bahawa sebatan itu seperti sebatan yang ada sekarang, ini yang sangat penting dijelaskan.

Orang takut kerana barangkali sebatan itu boleh menjejaskan batang tubuh seseorang. Banyak hikmat, saya hendak bagi contoh, Yang Berhormat, macam potong tangan, selepas orang mencuri tadi dipotong tangan, dia boleh balik jumpa isteri, boleh jumpa anak, tetapi kalau dipenjarakan 6 tahun, 6 tahun duduk dalam penjara, dia payah hendak jumpa isteri. Kalau potong tangan, ubat-ubat, dia balik rumah jumpa isteri tetapi kesannya sangat besar kepada dia dan menyebabkan dia tidak akan melakukan lagi perbuatan-perbuatan yang seperti itu. Tidak akan mengulangi lagi dan orang yang melihatnya juga tidak akan berani melakukan perbuatan itu. Ini sekadar saya hendak sebutkan di dalam Dewan ini dan saya tidak hendak tuntutan sama ada ia didengar atau tidak tetapi saya rasa ia perlu disampaikan di dalam Dewan yang mulia yang dikatakan Dewan yang tertinggi ini, mudah-mudahan yang demikian itu akan menjadi iktibar kepada semua kita dari pelbagai bangsa, dari pelbagai keturunan yang hidup di negara ini.

Saya rasa setakat itulah, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Marimuthu.

### 3.04 ptg.

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang suatu akta untuk meminda Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini pada fikiran saya adalah *timely*, memandangkan peningkatan peratusan jenayah seperti pembunuhan, rogol, pelacuran, perjudian, pencurian, sumbang mahram dan sebagainya. Peningkatan peratusan jenayah ini akan mengurangkan keselamatan dan kesejahteraan rakyat negara kita dan saya difahamkan daripada pembentangan rang undang-undang ini, rang undang-undang ataupun Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 akan dimansuhkan. Saya harap rang undang-undang ini akan memberi perlindungan kepada wanita dan gadis.

Satu masalah yang berlaku pada masa kini dengan bertelusa adalah kanak-kanak yang hilang ataupun lari daripada rumah. Data-data yang diberi kepada saya oleh NCWO (National Council of Womens Organization) bagi tahun 1999, kanak-kanak yang hilang daripada rumah di bawah umur 17 tahun adalah 2,566. Daripada jumlah ini, 1,789 adalah perempuan dan 777 adalah lelaki. Ini menunjukkan 70% adalah wanita.

Beberapa sebab telah diberi oleh kanak-kanak ini dan antara sebab-sebabnya ialah mencari pekerjaan, dipengaruhi oleh kawan, ikut kekasih, tidak minat belajar, penagih dadah, tidak siuman, gagal peperiksaan, ditipu, dijadikan pelacur, lari dari pusat perlindungan wanita, mangsa dicabul, dirogol oleh keluarga, malu kepada masyarakat sekeliling, diculik, dibunuh, hilang di laut, hilang di hutan, bencana alam dan dilarikan oleh ibu bapa. Daripada sebab-sebab yang diberi, satu kumpulan sebab ialah mengenai keluarga iaitu alasan-alasan yang dicatatkan di sini menunjukkan betapa pentingnya suasana rumah dan jagaan ahli keluarga.

Bilangan yang memberi alasan mengenai penagih dadah dan ditipu menjadi pelacur walaupun tidak begitu besar, saya khawatir bahawa kumpulan kanak-kanak ini adalah satu golongan yang boleh dikatakan *vulnerable* dan mudah dipengaruhi dan boleh terperangkap oleh orang-orang yang menjalankan aktiviti lucah seperti pelacuran.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pindaan seksyen 372 atas tajuk, "*Exploiting any person for purposes of prostitution*" adalah dialu-alukan. Hukuman yang dicadangkan disetujui tetapi saya khawatir sedikit mengenai hukuman sebat. Kita tidak tahu mengenakan sebat ini memberi kesan atau tidak dan saya ingin tahu daripada pihak kementerian, seseorang begitu, berapakah sebat diberi kepada banduan ini dan adakah *whipping* memberi kesan.

Di beberapa negara di dunia, *whipping* telah dihapuskan dan sekarang kita berada di millennium yang baru, adakah kita memberi hukuman sebat. Ini adalah satu perkara mengenai dasar dan saya harap perkara itu pun di *considered* ataupun disemak semula.

Tuan Yang di-Pertua, hukuman pemenjaraan mandatori dicadangkan bagi pelacur-pelacur yang mencari pelanggan dan tidak kira sama ada kegiatan itu dilakukan di tempat awam ataupun persendirian. Walaupun saya menyokong cadangan hukuman pemenjaraan mandatori kepada pelacur-pelacur, saya berpendapat bahawa kita harus sedar dan peka mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi golongan ini menceburi dalam satu pekerjaan yang digelar sebagai *the oldest profession in the world*. Adakah mereka menceburi dalam pekerjaan ini dengan sukarela ataupun dipaksa?

Kita hendak tahu, apakah sebab-sebab mereka menceburi dalam kegiatan seperti ini. Adakah pihak kementerian atau universiti-universiti mengadakan kajian atas perkara ini dan jika ya, apakah penemuan-penemuan daripada kajian-kajian itu. Berdasarkan kajian-kajian ataupun penemuan-penemuan itu kita boleh dapat satu pandangan yang lebih teliti dan undang-undang yang sesuai boleh digubal.

Saya fikir faktor dalam sosioekonomi ataupun kemiskinan-kemiskinan, satu faktor yang penting boleh membawa golongan ini menceburi dalam kegiatan lucah. Di beberapa negara juga perkataan pelacur tidak digunakan sekarang dan mereka digelar sebagai *sex workers* tetapi taraf dan status pekerjaan ini telah ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara mengenai masalah pelacuran ini adalah ejen utama yang membawa penyakit HIV dan AIDS. Mengikut Datuk Paduka Marina

Mahathir, Presiden Malaysian AIDS Council sehingga April 2001, bilangan yang diuji positif HIV adalah 40,049 orang dan 5,103 orang mempunyai penyakit AIDS ataupun *full-blown AIDS*. 3,881 orang telah meninggal dunia di Malaysia.

Saya khawatir jika kita tidak bendung masalah HIV dan AIDS, ini akan menular dan membawa maut yang lebih kepada rakyat kita. Soalan saya adalah, bagaimana kita mengawal selia dan memantau golongan ini supaya penyakit ini tidak merebak di kalangan rakyat.

Dalam beberapa negara di dunia, ujian perubatan ataupun medical test dijalankan untuk pelacur-pelacur, ujian medical adalah mandatori dan kawalan boleh dibuat melalui ujian ini. Saya difahamkan beberapa NGO di negara kita turun padang ke kawasan-kawasan di mana kegiatan-kegiatan lucah berlaku dan mereka berusaha mendidik golongan ini menukar profesion mereka. Saya tidak tahu *the success rate* mereka tetapi kita harus mengucapkan tahniah kepada NGO-NGO seperti itu atas usaha mereka dan juga saya ingin tahu, bolehkah kita menjalankan ujian perubatan untuk golongan yang perlukan pertolongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Fasal 6 iaitu hukuman mengenai kesalahan sumbang mahram. Di mana-mana masyarakat di dunia, sumbang mahram tidak dibenarkan. Ini adalah kesalahan yang besar dan hukuman yang dicadangkan adalah sesuai dan saya menyokong fasal ini.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah.

3.15 ptg.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Tuan Yang di-Pertua, saya angun untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Rang undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2001. Pertamanya saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas keprihatinan kerajaan terhadap rakyat, lebih-lebih-lebih lagi kepada wanita di mana kita lihat hari ini perkara-perkara yang terkutuk seperti sumbang mahram masih berlaku di dalam negara kita yang diletakkan - sebagaimana kita tahu - negara kita sebagai negara Islam, agamanya agama rasmi lebih-lebih lagi kita tahu bahawa Islam sangat melarang perkara-perkara yang mengaibkan dan terkutuk ini.

Merujuk kepada Fasal 6 seksyen tambahan 376A dan 376B di dalam menangani perkara ini selain daripada hukuman akta yang tegas di mana-mana gejala sosial yang berteluasa ini seperti rogol, sumbang mahram, gangguan seksual, pencabulan dan sebagainya terhadap wanita. Namun usaha-usaha yang lain wajar dan perlu diadakan seperti seminar-seminar kekeluargaan, perlu dipertingkatkan dan diperhebatkan. Para-para alim ulama, ustaz-ustaz juga perlu memainkan peranan kepada semua pihak supaya gejala-gejala ini dapat kita sama-sama atasi.

Keduanya penguatkuasaan undang-undang di mana kita tahu hanyalah sekadar undang-undang bertulis dan sudah tentu akan dikuatkuasakan jika berlaku kes yang berkenaan. Namun kita harus sedar faktor-faktor yang menyumbang kepada berlakunya sumbang mahram ini. Ia harus dibendung agar tidak berlanjutan di kalangan masyarakat. Di persekitaran tempat kerja misalnya majikan harus memainkan peranan dalam menjaga kebajikan pekerja mereka. Dengan menyediakan saluran untuk pekerja mengadu berkenaan gangguan-gangguan seksual terhadap mereka. Di dalam erti kata lain telah diaplikasikan oleh majikan sama ada sektor awam ataupun sektor swasta.

Menyentuh berkenaan isu ini juga, saya ingin bertanya kepada pihak yang berkenaan di mana di dalam mengejar ke arah globalisasi apakah langkah-langkah yang pihak kerajaan ambil dalam menyekat unsur-unsur pornografi lucah di dalam Internet. Ini kerana walaupun penjualan video lucah haram telah diharamkan di tempat-tempat terbuka namun jika masih lagi terdapat sumber jalan lain untuk mendapatkan bahan lucah, saya rasa usaha kerajaan akan menjadi sia-sia sahaja. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna yang telah memusnahkan banyak tape-tape lucah baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan Internet secara meluas sehingga boleh mendapat apa juga maklumat adalah tidak wajar untuk membendung masalah sosial terutama para remaja yang mudah dipengaruhi pemikiran mereka. Di sini saya menyarankan kepada pihak kerajaan supaya laman web yang menonjolkan unsur-unsur negatif perlu diadakan sekatan atau dengan izin, "fire wall". Seksyen 376B(2) di mana dinyatakan pindaan berkenaan seorang yang berumur di bawah 16 tahun bagi perempuan dan 13 tahun bagi lelaki adalah dianggap tidak mempunyai kerelaan ataupun *consent*. Di sini saya kurang faham mengapakah terdapat perbezaan umur yang sedemikian, di mana yang lelaki umumnya rendah dan perempuan pula 16 tahun. Jadi, saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan apakah yang dimaksudkan dengan *consent* ataupun kerelaan ini.

Berkenaan dengan isu pelacuran, saya bersetuju dengan pindaan ke atas seksyen keseksaan mengenai perkara ini. Dalam hal ini saya ingin mencadangkan Kementerian Pembangunan Wanita agar menjalankan aktiviti-aktiviti bersepadu, menjalankan program-program, seminar-seminar kepada golongan laki-laki agar perkara ini dapat diatasi bersama, kerana laki-laki merupakan ketua keluarga dan kaum lelaki perlu mempunyai keimanan yang kukuh supaya tidak mudah diganggu oleh syaitan. Golongan yang terlibat di dalam keganasan adalah merupakan kaum laki-laki.

Di dalam hal ini saya ingin mencadangkan kepada kementerian yang berkenaan khususnya Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita, badan-badan berkanun, NGOs, badan-badan korporat supaya bersama-sama menyumbang kepada khidmat sosial untuk memberi kesedaran kepada masyarakat akan bahaya atau kesan negatif pelacuran di mana pelacuran ini bukan sahaja melibatkan individu itu sendiri tetapi akan melibatkan generasi-generasi yang lain ataupun masyarakat yang lain, yang mana kita lihat hari ini bahawa penyakit AIDS telah merebak yang tidak kita sedari, yang mana kita tidak rasa, tidak sangka bahawa Malaysia juga mempunyai penyakit yang seperti ini. Masyarakat harus diberi kesedaran dengan program-program seminar anti AIDS di kalangan masyarakat supaya masyarakat dapat penerangan yang lebih jelas akan penyakit yang membahayakan ini.

Akhir kata saya merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada kementerian yang telah pun dapat memberikan banyak isu kepada wanita di mana Kementerian Pembangunan Wanita sentiasa mengambil berat tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh wanita, mudah-mudahan dengan wujudnya Kementerian Pembangunan Wanita ini, nasib wanita Malaysia akan terbela.

Sekianlah sahaja ucapan saya, dengan ini saya turut menyokong Rang undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2001. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti.

3.23 ptg.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana turut memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2001. Saya mulai berbahas dengan membaca sepotong ayat Al Quran sebagaimana menjadi doa kepada setiap orang mukmin. Bismillahir Rahmanir Rahim [*membaca sepotong ayat suci al-Quran*] yang maksudnya, "*Wahai Tuhanku, kumiakanlah kepadaku pasangan hidupku dan zuriat keturunan yang menyejukkan pandangan mata hati dan masukkanlah tingkah laku kami bersama-sama orang-orang yang bertakwa*".

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat zina merupakan satu amalan yang tersangat keji yang bukan sahaja bertentangan dengan amalan-amalan agama, malah naluri semula jadi ketamadunan manusia itu sendiri. Saya yakin kalau kita tanya setiap kita yang berada di Dewan, tidak ada seorang pun yang suka anaknya dizina, tidak ada seorang pun yang suka adik beradik perempuannya dilacuri, tidak seorang pun yang suka isterinya, ibunya dizinai. Begitulah Islam telah meletakkan fitrah, hukum itu sesuai dengan fitrah penciptaan manusia. Allah S.W.T yang menciptakan manusia, Allah lebih tahu hukum yang sesuai untuk manusia berbanding dengan hukum ciptaan manusia yang rapuh berubah mengikut keadaan masa yang tidak tetap. Tetapi hukum Allah ini adalah hukum yang dicipta oleh Allah tukang pembuat langit dan bumi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dalam soalan ini berkenaan dengan kawalan dan pencegahan sebagaimana Islam menganjurkan kepada kita kekuatan institusi keluarga, sebab itulah Islam menyuruh kita sebagaimana firman Allah Bismillahir Rahmanir Rahim [*membaca sepotong ayat suci al-Quran*] yang maksudnya, "*Wahai orang beriman, jagalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka*", *Waquduhannas walhijarah*, bahan bakar api neraka itu ialah manusia dan batu. Suatu amaran daripada Allah sama ada ia sebagai guru sama ada mesti menjaga anak muridnya, kalau dia sebagai bapa mesti menjaga keluarganya, kalau dia sebagai pemerintah kerajaan mesti menjaga rakyatnya, bukan sahaja selamat di dunia tetapi selamat daripada neraka di akhirat. Itulah hikmah yang ada di dalam hukum Islam.

Kalau kita melihat bagaimana suasana yang berlaku di dalam negara kita, penyakit hasil daripada masalah seks ini, hasil daripada masalah zina ini membawa kepada gejala yang begitu tinggi. Kita lihat dalam negara kita yang menghidap penyakit AIDS yang mati sudah beribu-ribu akibat AIDS, begitu ramai yang rosak keluarga, rumah tangga runtuh akibat daripada gejala maksiat ini. Maka sudah sampai masanya kita memikirkan perkara-perkara ini dengan serius ke mana arah kita hendak membawa masyarakat kita. Perkara ini kalau kita melihat apa yang berlaku dalam negara kita, di masa yang sama kita membina masjid, kita membina sekolah, kita memberi pelajaran kepada rakyat kita, tetapi di masa yang sama kita suburkan tempat-tempat maksiat yang negatif seperti kelab-kelab malam, disko dan sebagainya. Inilah yang menjadi punca, menjadi tapak penyubuhnya gejala-gejala maksiat seperti pelacuran dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengambil contoh dengan realiti apa yang ada dalam negara kita, kita tengok seorang petani apabila dia menanam sejenis sayur, kalau dia menanam sayur, petani itu dia akan membuang segala-gala rumput-rumput, apa akan jadi kalau petani itu dia menanam sayur dalam masa yang sama dia menanam lalang, saya yakin akhirnya sayur akan mati, lalang akan menguasai kebunnya. Begitulah juga dengan apa yang ada di dalam negara kita. Kami daripada parti PAS bukan membangkang semua program yang baik, tidak; apa yang kami bangkang ialah perkara yang negatif. Itu sahaja yang kami bangkang; perkara yang tidak sesuai dengan budaya dan masyarakat kita, itu sahaja yang kami bangkang.

Jadi, sebab itulah kalau kita lihat hukum Islam itu adalah hukum yang sangat sesuai untuk semua bangsa sampai kepada hari kiamat. Kalau kita merenung firman Allah S.W.T. dalam al-Quran sebagaimana firman Allah dalam surah Nur, saya membawa kitab suci al-Quran, kalau Yang Berhormat William membawa kitab dia, saya pun membawa kitab saya. Kalau kita tengok firman Allah dalam al-Quran sebagaimana ayat yang dibaca oleh pihak Ustaz Hassan tadi [*Membaca sepotong ayat suci al-Quran*] yang bermaksud, "*Perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina maka hendaklah kamu dera ataupun kamu sebat tiap-tiap seorang daripada keduanya dengan 100 rotan dan janganlah kamu kasihan belas kepada keduanya yang menghalang kamu untuk menjalankan hukum Allah. Jika kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat dan hendaklah pelaksanaan hukum ini disaksikan oleh sekumpulan daripada orang-orang yang beriman*". Inilah sebagaimana kehendak Allah dalam al-Quran dan inilah yang termaktub di dalam Hukum Jenayah Syariah yang telah diluluskan di Kelantan tetapi sayang apabila dibawa ke peringkat atasan telah tidak diterima.

Inilah sebenarnya yang kita hendak tegakkan, sebab itulah kita melihat walaupun berapa kali membuat pindaan, tidak ada penyelesaian, sebab tidak ada *naqallaminallah*, tidak ada kawalan daripada Allah. Sedarlah kita bahawa alam yang kita duduk ini tidak kekal, [*membaca sepotong ayat suci al-Quran*] yang bermaksud, "*Ingatlah manusia apabila datangnya hari kiamat semua alam ini akan goncang, semuanya akan hancur*". Jadi sebab itulah kita kena dalam melakukan sesuatu hukum kita kena sedar, kita hanya manusia sama ada dia kaum Cina, Melayu, India, semua kita hanya manusia, semuanya berketurunan daripada Adam.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat dengan apa yang berlaku hari ini, bagaimana banyak....

**Tuan Haji Karim bin Salleh:** Minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta laluan boleh beri tidak?

**Tuan Haji Karim bin Salleh:** Saya tertarik hati dengan penjelasan Yang Berhormat tadi berhubung dengan hukuman hudud, tetapi dalam ayat al-Quran lain, Allah telah menyebut [*membaca sepotong ayat al-Quran*] Saya minta Yang Berhormat tolong beri tafsiran.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih kepada Yang Berhormat [*membaca sepotong ayat al-Quran*] – “Allah tidak membebaskan seseorang sesuatu yang dia tidak mampu”. Itu maknanya. Di dalam kita melaksanakan perintah Allah, sesuatu yang berat: “Allah! Tidak mampu!” Tetapi sekarang kita bukan tidak mampu, kita belum buat lagi. Macam Yang Berhormat Ustaz Hassan kata tadi, belum lagi dilaksanakan sudah kata “Tidak mampu”. Macam mana? Sekarang kuasa di tangan orang Islam, kita telah memiliki negara yang didakwa dan diiktiraf sebagai negara Islam. Tetapi kenapa kita tidak mendaulatkan hukum Allah? Hanya itu sahaja.

Jadi, dalam masalah ayat ini maksudnya dalam sesuatu perintah, contohnya sembahyang, Allah tidak membebaskan hukum yang tidak termampu oleh manusia. Itu tafsirannya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat dengan apa yang berlaku dalam negara kita hari ini, bagaimana aktiviti-aktiviti lucah begitu banyak. Cuma saya hendak tahu bagaimana yang tercatat dalam Fasal 2 dalam rang undang-undang ini tidak dinyatakan hukuman kepada kesalahan homoseks, lesbian dan pondan yang banyak juga menyumbang kepada gejala maksiat dalam negara kita.

Begitu juga saya hendak menyentuh dalam Fasal 3 iaitu berkenaan dengan kegiatan mencari pelanggan. Kita lihat hari ini kegiatan mencari pelanggan ini begitu giat sekali. Ada di antara mereka menggunakan pelajar, masuk ke pusat-pusat pengajian tinggi dan ada mereka mengambil GRO iaitu gadis-gadis kilang, telah dipergunakan untuk business mereka. Jadi adakah satu peruntukan di dalam undang-undang ini untuk pesalah-pesalah ini yang kita lihat hari ini ada yang menggunakan *line* telefon atau *online* dalam mencari pelanggannya untuk pelacuran? Jadi kita minta penjelasan daripada pihak .....

**Puan Jamilah Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Puan Siti Zailah. Saya hendak tanya bagaimana pandangan puan mengenai kondom-kondom yang dijual dengan bebas, kalau kita masuk di 7 Eleven contohnya. Dan saya tidak kenal yang mana satu kondom tetapi saya pernah diceritakan oleh seorang ibu, anaknya bawa balik kondom, letak di jari, main-main macam itu. Jadi, bebasnya menjual kondom, apa unsur yang digunakan kondom ini. Bagaimana pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff:** Terima kasih. Berkenaan dengan kondom ini, kalau kita lihat di UK, kondom ini dijual macam air kotak di tepi jalan, boleh picit keluar. Ini memang betul, saya tengok di mana suasana itu berlaku. Jadi kalau kita lihat sebenarnya penjualan kondom ini seolah-olah menggalakkan penzinaan. Sebab itulah Allah S.W.T memperingatkan [*Membaca satu petikan ayat Al-Quran*] Jangan kamu hampiri zina.

Kalau kita tengok dan pergi tempat stesen minyak, ditulis di situ, “NO SMOKING”. Tidak boleh merokok. Padahal minyak itu ada di bawah sana, orang yang merokok di atas pun tidak boleh. Maknanya bahayanya minyak dengan api, dekat pun tidak boleh. Begitulah zina. Zina ini merupakan satu penyakit yang sangat bahaya yang telah diterangkan oleh Al-Quran ribuan tahun yang lalu. Sebab itulah [*Membaca satu petikan dari ayat Al-Quran*] Janganlah kamu membuat perkara yang menghampiri zina sama ada penjualan kondom, pendedahan aurat atau apa sahaja yang membawa kepada unsur-unsur membawa pendekatan kepada zina.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** [*Bangun*]

**Puan Siti Zailah Mohd Yusoff:** Silakan.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Siti Zailah kerana memberi laluan.

Saya tertarik dengan cerita kondom ini. Tadi saya pun sebut bab kondom, bab sarung getah. Yang saya cuba hendak bayangkan garis pemisah ini. Jadi, nampaknya Yang Berhormat, garis pemisahnyanya agak begitu rendah sehingga jual di 7 Eleven pun tidak boleh. Saya bersetuju yang disebut picit-picit tadi lepas itu keluar. Tadi, saya sebut masuk dalam toilet ada dan sebagainya, itu satu kategori. Kategori itu memang

tidak bagus tetapi kalau sekadar dijual secara *discreet*, dengan izin, di 7 Eleven dan ada pula pendidikan dari segi hal ini bersama-sama, maka kondom atau getah tadi boleh menjadi sebagai satu *protection* yang mengakibatkan penjagaan kesihatan. Ini satu cara untuk hendak membolehkan kesihatan berterusan supaya zuriat kita berpanjangan dan sebagainya.

Jadi, pandangan saya ialah kita buat garis panduan yang kita boleh terima, yang agak practical dalam dunia serba bencana ini, lebih-lebih lagi bila pagi tadi bila Yang Berhormat ingat, saya tanya mengenai televisyen - Astro, NTV dan sebagainya. Ini tok guru yang maha teruk sekali sebab kanak-kanak terdedah dengan ini. Selalu sudah ada. Jadi, kalau dibandingkan penjualan itu dengan barang-barang lain, asalkan niat kita betul, pada saya okey, sebab dalam Islam pun semuanya tertetap pada niat, nawaitu. Jadi, saya hendak dapatkan pandangan sedikit dari Yang Berhormat dari segi garis tahap. Terima kasih.

**Puan Siti Zailah Mohd Yusoff:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ghazi. Banyak pula menarik perhatian [*Ketawa*]. Jadi dalam masalah niat ini saya ingin penjelasan kerana ada satu kaedah dalam Islam, niat tidak menghalalkan cara. Walaupun niat kita betul tetapi jika cara tidak betul, tidak dihala oleh Islam. Contohnya, niat kita hendak menolong orang, tetapi kita curi duit hendak tolong orang, tidak boleh. Niat kita untuk menjaga kesihatan tetapi cara kita menjual barang itu boleh membawa kepada gejala yang lebih buruk dari kesihatan yang kita hendak jaga. Itu tidak berapa sesuai dengan Islam. Wallahuallah. Mungkin kena tanya orang yang lebih alimlah, mungkin saya tidak alim sangat dari segi hukum ini.

Cuma saya ingin menjelaskan di sini bagaimana sekarang ini banyaknya berlaku masalah penyalahgunaan premis-premis yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan, contohnya premis Unisex saloon, rumah urut, pusat hiburan telah digunakan oleh mereka ini untuk menjalankan kegiatan pelacuran. Jadi kita mengharapkan pihak kerajaan supaya membuat pemantauan kepada tempat-tempat begini yang biasanya dikunjungi oleh remaja-remaja kita yang boleh membawa dan mengheret mereka kepada lembah yang hina ini.

Begitu juga saya ingin menyentuh berkenaan dengan sumbang mahram sedikit. Tentang sumbang mahram ini, inilah yang kita rasakan berpunca daripada kerosakan institusi keluarga. Rapuhnya institusi keluarga yang ada sekarang ini sehingga menyebabkan tidak mengenal warga sendiri, sudah tidak ada rasa tanggungjawab kepada orang yang dididik. Inilah satu bahaya yang sering berlaku dan kita yakin inilah satu fenomena ke arah yang mungkin dalam hadis kata dunia sudah hendak dekat kiamat dengan suasana yang berlaku.

Jadi, saya mencadangkan supaya pihak kementerian dengan kerjasama kementerian-kementerian yang lain kena mengadakan suatu pendidikan khas, pendidikan kekeluargaan dengan lebih lagi terutama dalam menjelaskan tanggungjawab suami dan tanggungjawab isteri. Saya tertarik dengan Yang Berhormat William tadi yang menerangkan bagaimana beratnya tanggungjawab isteri dan suami. Memang dari segi dalam Islam di antara satu golongan yang tidak diangkat pahalanya oleh Allah, sembahyangnya tidak diterima pahalanya oleh Allah, ialah isteri yang menderhaka kepada suami. Jadi, maknanya dalam keadaan ini betapa besarnya tanggungjawab isteri terhadap suami dan tanggungjawab suami kepada isteri. Maka perkara inilah yang semakin goyang di dalam masyarakat kita. Mereka mula melupakan tanggungjawab. Jadi inilah yang perlu kita bawa kembali masyarakat kita kembali kepada hukum Allah.

Sebenarnya hukum Islam ini adalah mendidik, bukan menganiayai manusia. Saya yakin bahawa sudah sampai masanya kita untuk mendaulatkan hukum Allah demi keselamatan negara kita, keselamatan kita semua walaupun kita tahu undang-undang manusia ini, walaupun dibuat oleh pakar-pakar sekalipun, ia tidak mungkin dapat menandingi hukum dan undang-undang Allah S.W.T. Siapakah yang akan bertanggungjawab sekiranya kita di akhirat nanti, kalau kita tidak melaksanakan hukum Allah, siapakah yang akan bertanggungjawab di atas dosa-dosa yang dilakukan oleh rakyat negara?

Kita kena ingat bagaimana amaran Allah dan Al-Qur'an [*Membaca sepotong ayat Al-Qur'an*] Ingatlah, apabila tiba hari akhirat nanti, semua mulut manusia akan ditutup oleh Allah. Ketika itu mulut kita tidak boleh bercakap. Ini ditegaskan oleh Allah

dalam Al-Qur'an: Ketika kita berdepan dengan Allah di Padang Mahsyar, tidak ada mulut yang dapat bercakap yang ketika itu tangan itu akan berkata, tangan itu sebagai lambang kekuasaan, sebagai lambang kemampuan kita, tangan itu akan bercakap jika kuasa ada di tangan kita tetapi kita tidak mahu mendaulatkan hukum Allah. Apa yang hendak kita jawab di hadapan Allah sebab Rasulullah S.A.W telah bersabda, tidak berganjak kaki seorang anak Adam di Padang Mahsyar melainkan setelah ditanya empat perkara. Salah satunya Allah akan tanya kita: "Umur yang Aku beri kepada kamu, kamu guna untuk apa? Ilmu yang Aku beri kepada kamu, untuk apa? Harta yang diberi kepada kamu diguna untuk apa?" Inilah betapa beratnya tanggungjawab kita terutama bagi kita yang memahami kesedaran Islam ini. Jadi, .....

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** *[Bangun]*

**Puan Siti Zailah Mohd Yusoff:** Ada lagi?

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyahut dan mengamalkan ajaran Nabi Muhammad S.A.W. Saya ingin bersama-sama mengikuti ilmu yang disampaikan oleh Yang Berhormat dengan begitu menarik. Cuma saya minta kepada Yang Berhormat, bila menyebut ayat Al-Qur'an macam tadi saya dengar dua yang terakhir itu, kalau boleh tolonglah sebut surahnya, ayatnya, jadi saya ada catitan. Saya balik boleh juga mengikuti dengan lebih panjang lebar kerana ada CD Rom, ada Internet, sekarang sudah senang. Mungkin kalau sebut sahaja begitu, saya agak susah, takut nanti dia punya petikan itu hanya sebahagian sahaja. Saya hendak cuba nampak menyeluruh. Ini selaras dengan ajaran yang Nabi suruh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Siti Zailah Mohd Yusoff:** Ya, ya, insya Allah. Saya minta maaf tadi, saya terlupa sebab kita hendak cepat masa. Ayat yang terakhir itu saya baca daripada Surah Yassin. Insya Allah Yang Berhormat boleh rujuk. Jadi ....

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** *[Menyampuk]*

**Puan Siti Zailah Mohd Yusoff:** Yang mana satu yang saya baca, tidak ingat ayat apa yang saya baca, saya lupa. Oh, ayat Al-Zalzalah *[membaca satu petikan ayat Al-Qur'an dari surah Al-Zalzalah] [Ketawa]*

Jadi akhirnya saya mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya yang pertama menghapuskan premis-premis yang boleh membawa dan suburkan gejala-gejala sosial. Yang kedua, membawa pemantauan terhadap tempat-tempat hiburan, disko, saloon, rumah urut dan sebagainya. Begitu juga saya mencadangkan agar program-program yang merangsang seks melalui filem lucah dan sebagainya dikawal dengan lebih kuat lagi.

Begitulah juga saya mencadangkan supaya cubalah kita laksanakan hukum Islam. Kalau tidak mahu diamalkan Hudud pun tidak apalah asalkan cuba kita buat hukum Allah, kalau hendak tahu sejauh mana berkesannya, sebab kita belum buat lagi.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih kerana memberi laluan. Saya hanya hendak tanya di Kelantan dan mungkin di Terengganu di mana ajaran-ajaran mengikut Islam dan Allah dan sebagainya telah banyak diperkatakan dan banyak ditekankan. Adakah kes-kes sumbang mahram itu tidak berlaku ataupun adakah kes-kes yang kita bahaskan ini telah dikurangkan? Terima kasih.

**Puan Siti Zailah Mohd Yusoff:** Terima kasih, Yang Berhormat Chin. Menyentuh tentang masalah-masalah yang berlaku jenayah, sumbang mahram, zina dan sebagainya, memang saya mengakui dalam negara kita mana-mana negeri pun memang ada, termasuklah di Kelantan. Apa sebabnya? Inilah yang perlu kita kena faham. Apa sebabnya? Sebab tidak ada kawalan undang-undang.

Walaupun kami di Kelantan di bawah pemerintahan Tuan Guru Nik Abdul Aziz telah pun membuat macam-macam program Islam, kita telah mendidik rakyat tetapi ada orang yang tidak pergi ke tempat yang kita didik, dan yang tidak mendengar apa yang kita ajar. Maka dalam keadaan ini, hukum kawalan daripada segi undang-undang itu penting.

Kami telah luluskan dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan hukum jenayah syariah ini rasa saya patut sudah lama. Jadi apabila kita luluskan, kita angkat undang-undang tetapi tidak dapat diterima di peringkat pusat. Jadi kami dengan kuasa Kerajaan Negeri yang ada pada kami, kami tidak boleh melaksanakan, tambahan pula

saya difahamkan kami telah mendapat amaran daripada pihak atas. Jadi dalam keadaan ini, maka saya tidak menolak adanya berlaku sumbang mahram. Sebab itulah kita kena melaksanakan hukum undang-undang di peringkat atas, barulah ada kawalan daripada Allah. Selagi tidak tertegaknya undang-undang, selagi itulah kita tidak mampu mengawal walaupun kita nasihat dan kita didik untuk mengawal penjenayah ini, tetapi kita tidak akan berjaya.

Sebab itulah Islam memerlukan kekuasaan. Inilah yang menyebabkan kenapa Islam dan politik tidak boleh dipisahkan sebab Islam itu tidak boleh ditegakkan kalau tidak ada kekuasaan. Dalam melaksanakan benda ini, Islam mengeluarkan kuasa, melaksanakan hukum dan kuasa. Kalau tidak ada kuasa, bagaimana kita hendak melaksanakan hukum yang Allah telah qada'kan kepada Al-Qur'an. Sebab itulah kami hendak kepada kuasa, bukan kerana hendak kepentingan peribadi kami, tetapi kerana hendak menegakkan hukum Allah. Wallahu alam, terima kasih.

**Tuan Haji Karim bin Salleh:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah habis.

**3.45 ptg.**

**Tuan Haji Karim bin Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya tertarik dengan ucapan daripada Yang Berhormat seolah-olah satu syarahan ataupun kempen. Di mana apabila disebut berkenaan dengan Hudud, kadang-kadang disebut Hudud, kadang-kadang bawa ayat yang merupakan Hudud. *[Membaca sepotong petikan ayat Al-Qur'an]*

Jadi, dalam ayat Al-Quran ini, Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud bahawa, orang yang melakukan zina lelaki dan perempuan maka hendaklah disebat 100 rotan. Jadi, dalam perkara ini juga bila kita lihat kepada ucapan-ucapan pemimpin pembangkang terutamanya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang sendiri, dalam kempen dahulu dia kata hudud ini mesti dijalankan - 'undilah PAS undi hudud'. Maknanya, kita kena jalan. tetapi dalam keluaran akhbar pada awal tahun ini didapati bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang telah menyebut bahawa hudud itu hanya sebahagian kecil sahaja iaitu lebih kurang 0.001 sahaja. Bermakna hudud ini kalau tak jalan pun tak mengapa. Minta pandangan daripada Yang Berhormat. *[Sambil memandang ke arah Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri]* Sudah habis pun bolehlah jawab sikit. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apalah, kalau tak boleh jawab tak apa.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Kalau tak ada jawapan saya hendak menyokong rang undang-undang ini.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya boleh jawab tak apa tetapi saya ingat janggalah sedikitlah Dewan ini kalau saya tolong jawab. Walau bagaimanapun, saya bolehlah memberikan penjelasan. Apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi walaupun satu persen, memanglah hukum Kanun Keseksaan ataupun Kanun Jenayah Syariah yang disebutkan dalam Al-Quran itu tidak banyak. Sebab dalam Islam ini ada tiga. Satu nama Qisas, satu lagi hudud, satu lagi namanya takzir. Yang paling banyak takzir. Ini bolehlah bergantung kepada keadaan dari masa ke semasa. Barangkali kanun takzir itu boleh kita adakan mungkin 10,000 fasal mengikut keadaan manusia asalkan ia sesuai dengan kehendak-kehendak ajaran Al-Quran iaitu untuk menegakkan keadilan sesama manusia sama ada sesama orang Islam atau dengan orang lain, itu kanun takzir.

Misalnya, undang-undang lalu lintas, Islam tidak menghalang kita boleh buat undang-undang lalu lintas tetapi itu tidak masuk dalam hudud. Itu termasuk dalam kanun takzir. Orang yang membunuh orang, mendera orang, itu tidak masuk dalam hudud, ia termasuk dalam Qisas. Sebab itulah kalau orang itu mempelajari Kanun Jenayah Syariah ini dua malam dia boleh hafal sudah selesai. Misalnya, kesalahan mencuri potong tangan, merompak, menyamun potong tangan kanan dan kaki kiri sudah sebut dalam Al-Quran, dalam hadis tak banyak kalau sabit tetapi syaratnya kesalahannya itu mestilah disabitkan oleh mahkamah, kena bawa ke mahkamah dengan saksi yang cukup. Kalau dia ada pembela dia boleh bawa peguam bela, bukan tak boleh dalam Islam, dibenarkan kita boleh bawa peguam bela. Peguam tak apalah kalau dia boleh mengemukakan hujah-hujah sehingga ..., boleh menimbulkan keraguan kepada hakim. Hakim boleh menghukum ataupun tidak menjatuhkan hukuman salah

walaupun orang itu telah melakukan kesalahan, jika ia ragu atau ada keraguan dalam kes itu.

Sebab dalam Islam kita menghukum yang zahir. [*Bercakap dalam Bahasa Arab*] Kita hanya menghukum yang zahir, apa yang orang lakukan. Kalau kes mahkamah dia kena bawa saksi. Kalau saksi yang boleh menimbulkan keraguan kepada hakim, hakim menjatuhkan bahawa, walaupun dia mencuri tetapi dia ragu dia buang kes. Itu bukan salah hakim, hakim tidak berdosa dalam keadaan yang seperti ini.

Jadi, saya rasa kita tidak bolehlah membangkitkan kerana satu orang yang bercakap mungkin tujuan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang ini ialah untuk memberikan gambaran bahawa sebenarnya hukuman Islam itu bukanlah hanya sebagai hudud - saya akui memang hudud itu sedikit sahaja. Kalau tak silap saya 8 atau 9 sahaja yang dikatakan 'hududullah' itu.

Hudud ini begini, hudud ini ialah dari segi istilahnya hukum-hukum yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T. dalam Al-Quran dan kita tidak boleh pinda. Orang Islam hendak pinda itu terserahlah tetapi daripada segi orang mukmin kalau 100 sebatan, hakim tidak boleh menjatuhkan hukuman 99 atau 101 - tidak boleh. Maknanya, hudud macam kita bawa keretalah had lajunya 110 meter. Kalau trafik jumpa 118 kena saman. Had laju 110, saya bawa 118 sampai surat saman sampai kena bayar RM100. Pasal apa? Pasal hadnya ialah 100, saya bawa 118 kena tangkap dan kena hukum, kena denda RM100. Itu takzir kerana kita melanggar had kelajuan lalu lintas mengikut undang-undang lalu lintas.

Jadi, saya harap Yang Berhormat boleh fahamlah. Saya tahu Yang Berhormat itu faham, cuma dia buat-buat tak faham, itu yang susah. Kalau dia faham, buat faham betul sebagai seorang muslim saya tak apa, itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah bercakap dengan sahabat saya, saya kalau boleh dalam Dewan ini saya tak hendak sebut perkataan PAS, UMNO. Kita sebagai Ahli Dewan Negara ini..., dahulu saya sudah sebut kita sebagai orang tua-tua biarlah kita mempunyai fikiran yang waras. Kita bertanggungjawab kepada negara cuma jalan berlainan. Saya masuk Dewan melalui Kerajaan Negeri Terengganu dan Ahli-ahli Yang Berhormat masuk Dewan melalui pelantikan Agong yang dinasihatkan Perdana Menteri. Ada juga melalui negeri-negeri. Itu jalan masuk. Tetapi bila sudah masuk sebagai Ahli-ahli Dewan Negara, Dewan yang tertinggi di Malaysia ini kita harapkan supaya perkara-perkara yang seperti ini kita elakkan supaya kita betul-betul memikirkan sesuatu yang boleh membina, membangun negara, mengelakkan segala kesukaran-kesukaran yang dihadapi oleh negara kita.

Kita memberikan pandangan daripada segi syariat Islam mudah-mudahan itu juga kalau boleh diterima ianya menjadi ubat kepada penyakit-penyakit sosial yang ada di negara kita ini. Kita bukan ada apa-apa, tak ada. Maknanya, kita cuba memberikan pandangan dan pendapat kita kalau ini cuba digalakkan mudah-mudahan Allah S.W.T. akan membantu kita dan negara kita akan menjadi sebuah negara yang aman, damai, makmur dan bukan sahaja aman di luar tetapi aman di hati rakyat. Hati rakyat juga senang, tak menghadapi kesukaran, kesusahan dan sebagainya. Kadang-kadang kita kaya tetapi kita lebih susah daripada orang yang miskin.

Itu maknanya kita tidak ada keselesaan. Yang penting kita menyebut hukum-hukum Islam ini untuk mencari keselesaan dalam kehidupan kita yang kaya, yang miskin, yang senang, yang susah, yang berilmu dan juga yang tidak berilmu kita berkongsi pengalaman, berkongsi pandangan, berkongsi pendapat untuk kita jana sehingga ianya mengeluarkan suatu hasil kalau ianya undang-undang menjadi suatu undang-undang yang boleh dilaksanakan bukan untuk kepentingan diri kita tetapi untuk kepentingan rakyat, negara dan umat seluruhnya bukan sahaja umat Malaysia tetapi mudah-mudahan umat negara-negara dunia yang lain boleh mengambil contoh daripada kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Dato' Aziz.

3.53 ptg.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik juga untuk mengambil sedikit masa menyumbangkan pemikiran, menyokong Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2001. Saya perhatikan Kerajaan Barisan Nasional memang mencerminkan perubahan semasa daripada segi rang undang-undangnya

untuk menitikberatkan daripada segi peningkatan hukuman-hukuman kepada insiden-insiden atau kes-kes jenayah bersangkut-paut dengan aktiviti-aktiviti seksual. Tetapi pada masa yang sama saya berbeza sedikit dengan sahabat Yang Berhormat Tuan Haji Hassan iaitu berkenaan dengan pendorongan, bagaimana, apakah yang memotivatekan, yang mendorongkan satu-satu aktiviti seksual itu berlaku.

Saya memang tidak mahu mengaitkan bahawasanya aktiviti rogol dan sebagainya didorong oleh wanita. Pendorongannya bukan wanita. Saya perhatikan kepada wanita bukan sebagai *sexual object*. Kalau kita tengok, kita baru luluskan rang undang-undang dalam Perlembagaan di mana gender merupakan salah satu daripada perkara yang tak sepatutnya mendiskriminasikan jantina - lelaki, wanita. Saya perhatikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini wanita sebagai ahli Dewan Negara, bukannya seorang wanita yang boleh mendorong pemikiran kita kalau dia tak bertudung, aurat tak tutup dan sebagainya di sini-sana tak semestinya kita terdorong. Kerana yang memagar kita daripada pendorongan itu ialah ketakwaan dan keimanan. Itulah pagar kita.

Jadi, saya tak mahulah memeralatkan wanita dan dijadikan sebagai, dengan izin, *scapegoat*, peningkatan kegiatan-kegiatan seksual apa jenis sekalipun berpunca daripada seseorang itu sendiri. Kalau kita tengok kini terdapat bukan main banyak pendorong-pendorong yang boleh membuka nafsu manusia yang lemah. Di Amerika baru-baru ini suami-isteri ada satu *website*, sudah kena tangkap. Amerika sendiri pergi tangkap. Dia pergi siasat, dia tangkap kerana menjual kegiatan-kegiatan di mana budak-budak dijadikan *sexual objects*. Budak-budak kecil umur 10 tahun ke bawah baik lelaki mahupun perempuan dijual sebagai objek seks. Baru-baru ini di Vietnam, di Laos seorang Orang Putih pun kena tangkap. Dua, tiga orang patut kena tangkap, ada yang cabut lari balik ke negara masing-masing kalau tidak dia kena tangkap juga. Kerana pergi ke sana semata-mata - ini umur 60 tahun - pergi ke sana semata-mata hendak cari budak kecil hendak jadikan mereka ini mangsa seksual. Jadi, tidak ada batasan. *Sexual activity* di mana-mana sahaja tidak ada batasan. Ia telah menjadi satu fenomena global.

Tuan Yang di-Pertua, ianya bermula, saya berpendapat daripada apa yang kita panggil hedonism, keseronokan hidup yang sekarang ini menular dan meningkatkan nilai manusia sebagai satu pendekatan yang bermula di Barat, kerana nilai budaya di sana, nikah antara perempuan dengan perempuan, lelaki dan lelaki berlaku di sana, dihalalkan oleh mereka. Kerana apa? Kerana hendak menarik orang ini supaya menjadi ahli-ahli pertubuhan dan sebagainya. Jadi, fleksibelnya mereka boleh menukar nilai-nilai hidup yang begitu fundamental. Dalam bab agama apa sekalipun baik Catholic, Protestant, Methodist, Islam, Yahudi, Hindu, Buddhism, semuanya tidak menghalalkan lelaki kahwin dengan lelaki, perempuan kahwin dengan perempuan, tetapi perkara ini telah dihalalkan di negara-negara tertentu, boleh kahwin.

Pernah saya nyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa British Broadcasting Corporation boleh beri elaun kepada seorang lelaki bekerja pergi *honeymoon* dengan lelaki. BBC boleh beri elaun! Satu institusi kerajaan memberi elaun kepada lelaki yang bekerja dengan dia berkahwin dengan lelaki yang lain untuk pergi *honeymoon*, mungkin tidak ke Pulau Tioman, mungkin tidak ke Langkawi tetapi mereka mendapat elaun untuk berbulan madu. Jadi, perkahwinan lelaki dengan lelaki, perempuan dengan perempuan di tempat-tempat tertentu di negara-negara tertentu dihalalkan. Ini perubahan nilai.

Saya bimbang perubahan nilai-nilai di negara-negara yang kononnya moden, kononnya maju tetapi mundur daripada segi kehormatan. Keruntuhan moral ini wujud. Perkara ini sebenarnya yang mencetuskan keruntuhan tamadun. Runtuhnya tamadun Yunani, runtuhnya tamadun Rom diakibatkan oleh hedonisme di mana mereka leka bersubahat dengan hawa nafsu dan tak kira apa nilai-nilai lain maka meredum tamadun itu.

Jadi, perkara semacam ini menular sekarang, menular sehingga ke pantai kita. Sebab itulah kita tengok kes-kes dalam surat khabar-surat khabar Melayukah, Cinakah, Indiakah pelbagai keturunan mempunyai insiden-insiden seksual yang berasaskan kepada nafsu. Ayah dengan anak, abang dengan adik, lelaki dengan lelaki, perempuan dengan perempuan semuanya ada di negara kita ini yang tak pernah kita dengar dahulunya tetapi kini sudah kita tengok, sudah kita dengar.

Perkara semacam ini mudah didapati, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja di VCD dijual secara murah-murahan di mana kerajaan sekarang telah pun mengambil tindakan secara berkesan, 40,000 VCD dipecahkan di sana, 14,000 di Pulau Pinang dan sebagainya tetapi Ntv7 baru pagi tadi disebut oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan pun menonjolkan perkara-perkara yang boleh menembusi nafsu manusia. Jadi, nilai-nilainya telah berubah. Dan seolah-olah saya berpendapat seolah-olah ada agenda dalam globalisasi liberalisasi terselit nilai-nilai ini menular ke pantai kita dan apa yang berlaku di sana sebagai satu fenomena yang kini menjadi morale crisis telah pun sampai ke tempat kita.

Jadi, inilah yang mendorongkan kerajaan, saya rasa, untuk mengetat dan mempertingkatkan lagi hukuman-hukumannya. Kalau dahulu tidak ada sebat, sekarang ini ada sebat – mandatori - kalau dahulu lima tahun, enam tahun sekarang ini sehingga 20 tahun dari segi hukumannya yang kita buat semata-mata tetapi yang lebih penting mencari sebab-sebabnya.

Saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan, dalam kita merangka undang-undang ini, kita hendak mengawasi menerusi kerangka perundangan, the structure of law dengan hukum-hakamnya tetapi cara untuk mengurangkan insiden-insiden ini, saya cadangkan institusi nilai-nilai Malaysia kerana nilai-nilai orang timur apa agama sekali pun memang tidak menyetujui insiden-insiden seperti ini berlaku.

Apa agama sekali pun, apa bangsa sekali pun, terutama kita di Malaysia yang pelbagai keturunan, pelbagai kaum memang tidak menyetujui insiden-insiden seksual semacam ini menular di kalangan kita, jadi hidupkanlah institusi nilai-nilai Malaysia sebagai perkara yang boleh memperkuat jati diri masing-masing, sebagai benteng untuk menahan diri masing-masing daripada terjerumus di dalam krisis moral.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini ada sejarahnya, kalau kita ikut sejarah, falsafah yang menularkan pemikiran atau falsafah '*existentialism*' di mana keseronokan lebih penting daripada apa-apa sekali pun, ia bermula dengan Kurt Gard, Ediger, di bawa kepada Jean Phalsard di Paris, di bawa kepada Michelle Fucoh, seorang intelektual, seorang philosopher, falsafah yang juga homoseksual, dan pada mereka ini tidak ada masalah.

Jadi, falsafah-falsafah semacam ini merupakan satu fesyen satu ketika, Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 60an banyak pelajar-pelajar memberontak di Paris, tahun 1968 kononnya menentang peperangan Vietnam, tetapi sebenarnya ianya merupakan satu paradigma yang boleh menukar nilai hidup manusia kepada nilai-nilai yang konservatif yang tidak percaya kepada peringkat mereka sendiri menganuti nilai-nilai keseronokan hidup.

Saya masih ingat '*the flower power*' tidak tahulah kalau sahabat saya Datuk Ghazi di New Zealand ada, di Australia semasa saya menjadi salah seorang pelajar, '*the flower power*', kuasa bunga di mana waktu itu mereka berambut panjang, cermin mata bulat, cermin mata hitam dengan pelbagai cara, '*free love*' dan sebagainya, merupakan satu revolusi nilai-nilai hidup.

Dan tidak padam lagi, ia menular cara lain sekarang ini, secara Hollywood, secara Bollywood, secara apa sekali pun ia menular, sebab itulah kita memang memerlukan penapisan badai ini untuk menentukan supaya ia tidak melanda negara kita. Saya rasa peranan anggota-anggota yang hendak menapis makalah-makalah, video-video, internet ini semua perlu diperkuat, diperketat lagi. Dan di sini saya amat bersetuju dengan Perancis, di negara Perancis, Tuan Yang di-Pertua, amat '*jealous*', ia sentiasa menentukan supaya '*franco-phone*' dia panggil, apa yang Perancis itu dijaga dengan baik, sehinggakan McDonald datang ke sana pun, ia cuba hendak memberontak atas nama '*genetically modified*' (GMO) lembu dan sebagainya tetapi cuba hendak memberontak untuk hendak menentukan dari segi masakan-masakan Perancis dia jaga, apabila mereka cuba untuk hendak menentukan filem-filem daripada Hollywood, dia cuba hendak tapis, kerana mereka begitu mempunyai keyakinan diri sebagai sekumpulan Perancis untuk menentukan budaya mereka tidak ditembusi oleh budaya-budaya Anglo Saxon misalnya.

Baru-baru ini Perancis merupakan salah sebuah negara yang menggubal dasar 'anti-cult', fasal saya sebut perkara ini kerana di Malaysia sudah wujud 'anti cult', 'cult' ini kumpulan yang boleh memesongkan pemikiran, '*brain-washing*', Tuan Yang di-Pertua, '*Black Metal*', '*Pink Metal*'. Kenapa anak-anak kita yang mempunyai asuhan

agama, yang kita tahu mempunyai asuhan agama menerusi sistem pendidikan boleh tertarik untuk menyertai *Black Metal* yang percaya kepada syaitan lebih daripada Allah S.W.T. yang boleh melakukan segala-galanya tanpa sekatan, begitu terbuka. Ini dia masih muda ini, kenapa sudah wujud sekarang ini 'cult', kumpulan-kumpulan yang percaya yang telah pun di brainwashed, yang telah pun diputarbelitkan pemikirannya sehingga mereka mengabdikan diri kepada nilai-nilai ala syaitan ini dan di Perancis sudah ada anti cult, undang-undang anti cult, Hong Kong cuba hendak buat.

Kita mesti mencari jalan, bagaimana dapat mengharamkan kumpulan-kumpulan yang menganuti nilai-nilai yang boleh menukar dan memutarbelitkan pemikiran dan nilai-nilai kita. Jadi, selain daripada peningkatan memandatkan hukuman-hukuman yang berat-berat ini, saya mohon kepada kerajaan wujudkan institusi nilai-nilai Malaysia supaya cerdik pandai boleh mengkaji.

Tuan Yang di-Pertua, tahukah atau tidak, berapa ramaikah anak-anak luar nikah di negara kita ini, berapa ramaikah orang yang terlibat daripada segi *lesbianism* dan *homosexual*, kita kena tahu ini, hendak menunjukkan bagaimana berubahnya, jangan malu. Ini penyakit dalaman, kita kena tahu. Di Amerika Syarikat Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1980, ada 18% anak-anak luar nikah, pada tahun 1999 – 33% anak-anak luar nikah di sana.

Ini besar, kerana di sana seks ini merupakan satu aktiviti sahaja. Ia mengatakan tidak ada salahnya sampai ke peringkat itu kerana nilai sudah berubah. Kita hendak tahu berapa ramai di Malaysia ini Melayu, Cina, India, Kadazan dan Dayak dan sebagainya kumpulan-kumpulan etnik anak luar nikah kerana ini mencerminkan kegiatan-kegiatan keruntuhan moral di kalangan kita di sini dan selepas itu barulah kita boleh membuat tindakan-tindakan susulan supaya tidak ramai, tidak banyak insiden dan tidak ramai mereka yang terlibat untuk kita menghukumkan mereka ini kerana nilai budaya kita ini berbeza, jauh berbeza. Janganlah kita pula dijajah dengan nilai-nilai baru atas dasar demokrasi, globalisasi, liberalisasi di mana kita sendiri turut runtuh dalam bidang moral kita sehinggakan anak-anak kita terjerumus, sehingga ibu bapa kita sendiri terjerumus di dalam kancah yang merosakkan.

Saya hanya ingin menyokong Tuan Yang di-Pertua, untuk ini dipertingkatkan dan pada masa yang sama mengorak langkah untuk mencari jalan penyelidikan dahulu, lepas dapat kita tahu soal selidik segala aspek masalah-masalah, cari pula cara hendak mengubatnya.

Jadi, itu sahaja yang saya hendak memberi pandangan, saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong sepenuh-penuhnya Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2001.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri diwakili oleh Setiausaha Parlimennya, Yang Berhormat Datuk Haji Noh untuk menggulung. Dijemput Yang Berhormat.

#### 4.10 ptg.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terutama sekali bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seramai sepuluh orang yang telah pun mengambil bahagian dalam memberikan pandangan terhadap pindaan yang dikemukakan pada hari ini kerana pindaan yang dicadangkan iaitu Akta Kanun Keseksaan yang mana kita ingin memperluas ruang lingkup kesalahan-kesalahan dan kini terkandung dalam Kanun Keseksaan yang akan terpakai bagi wanita dan lelaki. Kesempatan diambil untuk kita menambahkan hukuman yang sedia ada kepada suatu hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan memandangkan kegiatan pelacuran, aktiviti-aktiviti lucah semakin menjadi-jadi.

Pindaan ini secara tidak langsung menyahut saranan pelbagai pihak khususnya pertubuhan bukan kerajaan dan wanita yang menganggap hukuman yang sedia ada tidak mencerminkan kesalahan yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk William Lau Kung Hui telah membangkitkan mengenai Seksyen 376A sama ada ianya mencukupi ataupun

tidak dan mengapa ia tidak secara langsung mengatakan secara tepat apa yang dimaksudkan dengan sumbang mahram ini.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, ini adalah kerana kesalahan ini adalah berdasarkan hakikat bahawa sama ada seseorang itu boleh berkahwin dengan satu sama lain atau tidak. Ertinya asasnya sumbang mahram ini ialah mereka yang melakukan kesalahan seksual bersama dengan pasangan yang boleh mereka berkahwin yang mana di sini kita lihat bahawa menurut definisi dalam 376A ini begitu luas, ianya bukan sahaja tertakluk kepada agama tetapi juga kepada undang-undang bertulis dan juga kepada adat.

Sebab itu kita lihat, di dalam hubungan ini ada pertalian darah dan ada juga pasangan yang mungkin melakukannya dengan tidak ada pertalian darah, seperti kalau yang ada pertalian darah iaitu bapa, bapa saudara, abang, adik, sepupu, datuk, datuk saudara tetapi yang tidak ada pertalian darah tetapi mereka daripada segi adatnya mereka ada hubungan seperti bapa tiri, abang ipar, adik ipar, abang tiri, bapa angkat, bapa mertua, abang angkat, datuk tiri dan sebagainya.

Dan juga kalau kita lihat di dalam agama sendiri pun ada terdapat misalnya menurut salah satu agama di Malaysia, seseorang bapa saudara boleh berkahwin dengan anak saudaranya tetapi ia ini tidak boleh dilakukan di dalam agama Islam, yang mana di dalam agama Islam bapa saudara dengan anak saudara tidak boleh berkahwin, tetapi ada agama lain boleh.

Jadi, sebab itu di dalam Seksyen 376A itu diberi begitu luas yang melibatkan agama, undang-undang bertulis, adat dan sebagainya.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk, iaitu hukuman mengenai hukuman sebatan, di bawah Seksyen 376B di mana mandatori tidak ditetapkan, tetapi di dalam 372 sebat adalah mandatori. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa menurut Seksyen 289 Kanun Tatacara Jenayah, terdapat tiga kategori orang yang tidak boleh dihukum sebat, seperti wanita, lelaki yang telah dihukum mati, lelaki yang berumur lebih daripada 50 tahun dan juga kita lihat di dalam Seksyen 376B kita kenakan penjara mandatori iaitu tidak kurang daripada enam tahun tetapi kalau kita lihat di dalam 372B, ianya hanya mandatori untuk sebat tetapi penjaranya kurang daripada satu tahun. Jadi ini melihat daripada hukuman yang dicadangkan ialah berdasarkan kepada kesalahan-kesalahan yang dilakukan.

Isu yang dibangkitkan juga ialah kehadiran kanak-kanak yang menjadi mangsa di mahkamah. Sukacita dimaklumkan bahawa Akta Kanak-kanak 2001 yang telah pun diluluskan tetapi belum lagi berkuat kuasa akan mengadakan peruntukan-peruntukan yang tertentu untuk melindungi kanak-kanak seperti mana Yang Berhormat bimbangkan tadi. Insya-Allah di dalam akta ini, kanak-kanak akan diberikan perlindungan.

Kemudian, Yang Berhormat juga membangkitkan cadangan mengadakan kajian, mengapakah ibu bapa mengadakan sumbang mahram. Sumbang mahram bukan sahaja dilakukan oleh ibu atau bapa tetapi oleh mereka yang saya nyatakan tadi, ada di antaranya ada hubungan darah dan ada juga yang tidak ada hubungan darah tetapi ianya boleh diklasifikasikan sebagai melakukan sumbang mahram di bawah Seksyen 376.

Dan Yang Berhormat juga ada menyentuh supaya identiti pemberi maklumat hendaklah dilindungi. Mengikut undang-undang ini tidak disebut. Jadi mungkin orang yang memberi maklumat tidak ada dilindungi oleh undang-undang.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, identiti pemberi maklumat boleh dilindungi menurut Akta Keterangan 1950. Secara am undang-undang tidak meletakkan kewajipan melaporkan kejadian kesalahan-kesalahan kecuali untuk kesalahan-kesalahan tertentu misalnya kesalahan rasuah, terpulanglah kepada masyarakat dan negara untuk kita bertindak menurut rasa tanggungjawab yang patut ada pada kita semua.

Jadi, sebab itu kerajaan amat menggalakkan laporan-laporan dan juga maklumat-maklumat yang harus diberikan kepada pihak berkuasa jika berlaku sesuatu kejadian jenayah di sesuatu tempat.

Yang Berhormat Datuk Ghazi juga telah membangkitkan beberapa perkara yang mana beliau telah membangkitkan mengenai hukuman denda dan hukuman sebat

yang mana sebelum ini Yang Berhormat mencadangkan supaya kerajaan memasukkan mata pelajaran Pendidikan Seks dan Kesihatan Keluarga di peringkat awal. Ini saya rasa Kementerian Pendidikan mungkin sedang mengkaji cadangan-cadangan Yang Berhormat dan kita juga ada membaca beberapa statement di dalam surat khabar mungkin perkara ini di dalam pertimbangan mereka.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan tadi mengenai isu operasi pelacuran di KLIA. Ini Yang Berhormat tahu, kena laporkan sebab kawan-kawan tanya juga macam mana Yang Berhormat boleh tahu! [Ketawa] Yang Berhormat telah ditawarkan? Kalau tidak kita pun tidak tahu, saya hari-hari pergi KLIA, hari ini baru saya tahu. Jadi, kalau Yang Berhormat tahu, kita mengalu-alukanlah laporkan kepada pihak yang berkenaan dan untuk mengatasi masalah ini sebab itu seksyen 372B kita perkenalkan. Mudah-mudahan dengan adanya seksyen baru ini aktiviti-aktiviti seperti ini akan dapat kita atasi.

Yang Berhormat juga telah menyentuh mengenai denda dan sebatan yang mana denda ini Yang Berhormat nyatakan mengapa tidak ditetapkan berapa amaun denda yang patut kita kenakan. Garis panduan telah pun diberikan mengenai denda ini, garis panduan telah diberikan dalam 'case law' di mana mahkamah boleh mempertimbangkan keuntungan yang telah didapati oleh pesalah, kerugian yang ditanggung oleh mangsa dan mahkamah boleh mengenakan hukuman denda yang sewajarnya.

Hukuman sebat maksimum yang boleh dikenakan dihadkan kepada 24 kali sebatan menurut seksyen 288 (1) Kanun Tatacara Jenayah. Saya sebutkan sebat ini kerana Yang Berhormat Datuk Ghazi juga ada sentuh pasal sebat. Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu juga menyentuh mengenai soal sebat dan juga Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri tiga suku ucapannya menyentuh mengenai sebat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah nyatakan tadi di dalam Kanun Tatacara Jenayah maksimum sebat yang boleh kita kenakan hanya 24 kali kemudian kita ada pula beberapa prosedur di dalam CPC cara-cara kita menjalankan hukuman. Itu terdapat had-had lain yang perlu kita patuhi misalnya hukuman tidak boleh dilaksanakan secara ansuran.

Jadi, saya hendak betulkan Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri dia kata boleh ansuran, sebenarnya tidak boleh. Ertinya kalau seseorang pesalah itu dikenakan atau dijatuhkan hukuman enam rotan, bila Pegawai Perubatan yang hadir dia lihat bahawa pesalah ini sudah tiga rotan tidak boleh lagi sambung, pengsan dan sebagainya, maka rotan atau sebat ini mesti diberhentikan. Kemudian perkara ini akan dilaporkan kepada mahkamah untuk menentukan apakah hukuman yang setimpal untuk berhentikan yang baki lagi tiga rotan yang tidak boleh lagi kita teruskan. Jadi, ertinya Pegawai Perubatan mestilah mengesahkan bahawa pesalah itu cukup sihat untuk hukuman dilaksanakan. Rotan tidak boleh melebihi setengah inci diameter. Saiz rotan juga, Tuan Yang di-Pertua, kita telah tetapkan berapa saiznya dan kategori yang saya nyatakan tadi ada tiga kategori golongan yang tidak boleh kita rotan.

Saya hendak sentuh mengenai rotan ini juga ialah kerana tadi disebut mengenai Enakmen Jenayah Syariah Dua Negeri Kelantan dan juga Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri banyak kali dan juga Senator-senator daripada parti PAS banyak menyebut mengenai hukuman ini supaya dibuat di dalam *public*. Ertinya disebut secara terbuka supaya ianya menjadi satu pengajaran kepada orang lain. Tetapi saya hendak nyatakan di sini bahawa di dalam CPC sebenarnya seksyen 286 ada menyebut bahawa tempat dan masa pelaksanaan sebat adalah ditentukan oleh pihak mahkamah, tinggal lagi sekarang ini kita lihat kesalahan-kesalahan ini dilakukan, hukuman rotan ini dilakukan di dalam mahkamah tetapi sebenarnya itu adalah budi bicara pihak mahkamah.

Kalau kita lihat Enakmen Jenayah Syariah Dua Negeri Kelantan yang tadi Yang Berhormat menyatakan kita tolak dan sebagainya. Sebenarnya mungkin Yang Berhormat juga belum baca Enakmen ini. Kalau kita lihat bahawa Jadual 5 Bab Rotan [Menunjukkan sebuah buku] - ini saya ada. Bab 5 rotan ini kaedah-kaedah hukuman sebat seperti mana Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri nyatakan tadi kita lihat tidak ada bezanya dengan apa yang ada di dalam CPC.

Saya baca apa katanya, "Hukuman sebat yang akan dijalankan ke atas seorang pesalah hendaklah dijalankan oleh seorang pegawai yang ditugaskan khas

oleh pihak berkuasa penjara di tempat dan pada masa yang diarahkan oleh mahkamah." Tidak ada pun kata mesti dipukul di dalam public, di depan khalayak ramai seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri dan juga Yang Berhormat tadi yang menyokong. Ini Enakmen Jenayah Syariah Dua Negeri Kelantan, kalau tidak hendak pakai Hudud pun tidak apalah, kita panggil Enakmen Jenayah Negeri Kelantan. Dan juga kita lihat cara dia, tempat sebat, tarikh dan bila hukuman dijalankan sama seperti CPC, hanya boleh dicadangkan setelah 14 hari dijatuhkan hukuman. Saiz rotan disebut, kita pun sebut tadi saiz rotan; kemudian cara merotan, kita pun ada juga sebut. Kemudian bila boleh ditangguh hukuman tersebut, kita pun ada sebut di dalam CPC. Di sini juga ada disebut. Jadi, ertinya Kanun Jenayah Syariah Dua Negeri Kelantan mengenai hukum sebat sama sahaja dengan apa yang kita praktikkan di dalam CPC pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita lihat – tadi kita lihat 'Dato' Dr. T. Marimuthi menimbulkan .....

**Timbalan Yang di-Pertua: Marimuthu.**

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya?**

Ya, Marimuthu menimbulkan sama ada hukuman rotan ini masih lagi bersesuaian atau tidak. Jadi, ini adalah perkara-perkara yang harus kita kaji. Kita hidup dalam negara berbilang bangsa ini bila kita buat satu undang-undang ada yang setuju ada yang tidak. Jadi, inilah yang kita kena pertimbangkan dan kita lihat apa yang sedang dan telah kita jalankan ini telah memberikan keamanan kepada negara kita.

Yang Berhormat Datuk Ghazi tadi juga ada menyentuh mengenai erti '*brothel*'. Saya hendak nyatakan '*brothel*' yang dimaksudkan ialah sebuah tempat fizikal, ini ertinya tempat yang fizikal sahaja dan kalau kita hendak mengadakan '*tent*' mungkin melanggar hak peribadi ataupun *privacy* individu ataupun hak asasi manusia. Jadi, kita tidak nafikan hari ini apabila ada Internet dan sebagainya, maka ianya semakin lagi menimbulkan kerumitan bagi kita mengatasi gejala-gejala ini.

Yang Berhormat Datuk Ghazi juga menimbulkan mengenai pelacur kanak-kanak berumur 14 tahun. Sukalah dinyatakan bahawa lelaki yang mengadakan hubungan seks dengan seorang perempuan berumur kurang daripada 16 tahun adalah melakukan kesalahan rogol - *statutory rape* - walaupun perempuan itu bersetuju kerana menurut seksyen 375 Kanun Keseksaan seseorang perempuan yang berumur kurang daripada 16 tahun tidak berupaya untuk memberikan keizinan bagi mengadakan hubungan seks. Jadi, ertinya kalau dia melanggar pelacur yang berumur bawah 16 tahun ianya merupakan satu kesalahan rogol.

Yang Berhormat juga menimbulkan mengenai *defence* di bawah erti '*consent*' tadi yang telah ditimbulkan. '*Consent*' yang difahami oleh Yang Berhormat Datuk Ghazi tadi ialah apabila seseorang yang dituduh dengan kesalahan rogol mengatakan bahawa perempuan ataupun mangsanya telah memberikan izin. Ketiadaan izin yang dimaksudkan di sini di bawah seksyen yang dipertikaikan tadi '*without consent*' maksudnya ialah di mana kejadian *incest* ataupun sumbang mahram itu dipaksa oleh satu pihak ke atas pihak yang kedua di mana pihak yang kedua tidak memberikan keizinan.

Sekiranya pihak yang memaksa ialah lelaki, pihak yang kedua ialah perempuan, maka kesalahan rogol juga dilakukan, sekiranya pihak yang memaksanya ialah perempuan dan pihak yang kedua ialah lelaki, maka tiada kesalahan rogol tetapi hanya kesalahan *incest* pihak orang yang memaksa. Peruntukan ini adalah untuk menentukan pihak yang tidak bersalah di mana perbuatan *incest* itu dipaksa ke atas diri mereka. Ertinya, Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa pasarnya kalau rogol mangsa rogol mesti tidak setuju. Kalau dia tidak setuju bermakna itu rogol tetapi di dalam *incest* sama ada orang yang bukan mangsa tetapi orang yang didakwa. Orang yang didakwa itu mestilah membuktikan bahawa dia sendiri tidak bersetuju, tidak ada tujuan baginya untuk melakukan sumbang mahram. Mungkin kalau kata emak saudara dengan anak saudara, sekarang ini perempuan pun sudah sama rata tetapi kalau lelaki bila *incest* ini dua-dua akan didakwa. Ini kena ingat. Dalam kes rogol hanya lelaki sahaja didakwa, perempuan tidak didakwa; tetapi dalam sumbang mahram kedua-duanya didakwa.

Jadi, sesiapa yang boleh membuktikan bahawa dia *without consent* melakukan sumbang mahram, maka dia merupakan satu pembelaan. Kalau kata

seorang lelaki memberitahu mahkamah dia kata pada masa itu saya mabuk. Makcik sayakah siapa buat air, saya mabuk saya tidak tahu, tiba-tiba saya tersedar saya telah melakukan. Jadi, kalau perkara itu boleh dibuktikan kepada mahkamah yang salah makcik dia dan yang lelaki ini tidak bersalah. Jadi, itulah maksud di dalam seksyen 376B tadi. Saya ingat saya sudah jawab Yang Berhormat Datuk Ghazi nyatakan tadi.

Yang Berhormat Senator Puan Melanie Chia membangkitkan isu mengenai persetujuan perempuan berumur kurang daripada 16 tahun atau lelaki kurang daripada 13 tahun. Ini juga tadi disentuh oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah mengenai umur ini. Saya hendak nyatakan bahawa peruntukan ini bertujuan menaikkan age of criminal responsibility yang menurut seksyen 82 Kanun Keseksaan ialah 10 tahun kepada 16 dan 13, oleh kerana mereka tidak berupaya memberikan keizinan, maka mereka dilindungi daripada pendakwaan.

Umur 16 bagi perempuan diambil daripada umur menurut seksyen 375 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan bahawa seorang perempuan berumur kurang daripada 16 tahun tidak berupaya memberikan keizinan. Saya sudah nyatakan tadi kalau mengadakan *sexual intercourse* dengan budak bawah 16 tahun walaupun budak perempuan ini bersetuju ianya merupakan satu rogol. Umur 13 tahun bagi lelaki diambil daripada seksyen 113 Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan anggapan *presumption of law* yang tidak boleh dipatahkan bahawa seorang kanak-kanak lelaki berumur kurang daripada 13 tahun tidak berupaya melakukan kesalahan rogol. Jadi, budak berumur 13 tahun tidak boleh didakwa di bawah kesalahan merogol.

Yang Berhormat Senator Puan Jamilah telah banyak membangkitkan isu-isu mengenai kes sumbang mahram di mana di antaranya Yang Berhormat minta berapa ramai sumbang mahram yang boleh dikenal pasti di Lembah Klang. Saya boleh nyatakan kepada Yang Berhormat iaitu di Lembah Klang maksudnya sudah tentu Selangor dan Kuala Lumpur. Dalam tahun 1990 di Selangor ada 16 kejadian; tahun 2000 ada 24; tahun 2001 bulan Januari sampai bulan Mei hanya ada 9, ertinya ada penurunan.

Di Kuala Lumpur juga pada tahun 1999 ada satu kes, tahun 2000 ada lima kes, tahun 2001 iaitu bulan Januari sampai bulan Mei ada dua kes, ertinya ada penurunan. Tetapi Yang Berhormat tidak tanya negeri manakah yang meningkat kes sumbang mahram. Jawapannya ialah Kelantan. Kelantan pada tahun 1999, ada tiga kes. Tahun 2000, ada empat kes. Tahun 2001 (Januari sehingga Mei) yang baru ini, lima bulan pertama, ada 9 kes. Telah meningkat. Di negeri-negeri lain menurun. Jadi, saya tidak tahu. Saya tidak nafikan, bahawa hujah-hujah daripada Yang Berhormat, yang mengatakan salon, yang mengatakan rumah urut, kelab malam dan sebagainya, ini menyumbang.

Itu mungkin, sebagaimana contoh yang diberi tadi, oleh kerana tanam rumput dengan tanam lalang sekali. Itu mungkin, tetapi kajian juga mesti dibuat di negeri Kelantan. Negeri Kelantan yang ditakrifkan, dikenali sebagai negeri yang diperintah oleh Islam, mengapa makin meningkat? Malah di sana, kelab malam tidak ada. Apa lagi? Disko tidak ada. Tetapi di Lembah Klang Yang Berhormat, saya telah tanya Menteri Besar ini, saya tanya ini di Lembah Klang, di Selangor, ada 9 kes. Dia kata, bukan semua orang Selangor. Mungkin ada orang yang datang daripada lain-lain tempat duduk di Selangor. Tetapi kalau di Kelantan, 9 kes ini saya rasa mungkinlah original penduduk Kelantan. Sila Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jemput.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat. Pelacuran di negeri Kelantan dan Selangor ini, mana banyak?

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ya, Yang Berhormat. Tadi, dia bangkitkan tentang sumbang mahram. Saya sudah sebut sumbang mahram. Kalau Yang Berhormat hendakkan pelacuran, saya hendak bagi notislah. Tetapi, Yang Berhormat kena faham. Kalau di Selangor, saya sudah nyatakan, di Selangor ini, di Lembah Klang ini, bukan original orang Selangor yang ramai. Ada orang Kelantan, orang Terengganu kerana di sana tidak ada kerja dan kerajaannya terlampau tertekan, mereka terpaksa membawa diri mencari rezeki di Lembah Klang.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Yang Berhormat, buat alasan begitu. Di Kelantan juga, bukan semua orang Kelantan. Orang Thailand pun ramai duduk di Kelantan. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tidak apalah. Saya terimalah. Tetapi pendeknya, di Kelantan ini, dikatakan tadi negara Islam, semuanya tidak ada. Tetapi, sumbang mahram makin menjadi-jadi. Itu sahaja yang saya hendak sampaikan.

Yang Berhormat juga tadi ada menyatakan kedua-dua saya dengar tadi, Senator Puan Jamilah pun sama, Puan Jamilah pun sama, mengenai jangan hampir zina. Tuan Yang di-Pertua, ayat yang dibaca tadi, kita tidak nafikan. Sebab itu, kita lihat di dalam Enakmen Jenayah Syariah, kanun syariah di tiap-tiap negeri, dia ada undang-undang khalwat. Jadi, khalwat ini memanglah tidak boleh kita duduk berdua-dua. Itu sudah hampir-hampir dengan zina. Sebab itu, sesiapa yang melakukan khalwat di Selangorkah, di mana-mana merupakan kesalahan. Tetapi, Yang Berhormat kena ingat bahawa bila seseorang itu kena tangkap, hanya kuasa kita membuat undang-undang tetapi mahkamah yang menentukan. Di negeri-negeri lain, jarang kita dengar orang bila kena tangkap khalwat, boleh lepas kerana semuanya mengakulah sebab takut masuk surat khabar.

Tetapi, di negeri Kelantan ini pelik sedikit. Ada Ahli Parlimen Kelantan kena tangkap dengan isteri orang. Menteri Besar kata, dia kena perangkap. Akhirnya, saya pun hairan, mahkamah negeri Kelantan boleh lepaskan. Maka, dia didapati tidak bersalah walaupun fakta tidak boleh dinafikan bahawa dia memang berdua-duaan dengan isteri orang. Jadi, sebab itu Yang Berhormat, kalau hendak bercakap, cadangan itu boleh tetapi, kena lihat jugalah diri kita sendiri sebab kadang-kadang kita bercakap, tidak seperti mana yang kita cakap.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Yalah

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Minta maaf, saya bukan suka sangat ini, tetapi kita hendak penjelasan. Kalau Yang Berhormat menyebut kes, contohnya Yang Berhormat Tuan Mohamad Sabu, kita faham itu sindirannya. Tetapi, ini telah dibuktikan dengan bukti bahawa dia tidak bersalah. Apa yang berlaku dengan Rahim Tamby Chik? *[Ketawa]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Itu sebab Yang Berhormat. Tadi, kita ini dalam perbahasan yang dikatakan khalwat tadi. Jadi, kita tanya, bincang pasal orang Kelantan. Kalau Rahim Tamby Chik, kalau hendak berdebat, kita boleh debat dalam isu-isu yang lain. Saya ambil contoh, kalau katalah Yang Berhormat kata lepas, sama-samalah. Jadi, soalnya, hari ini kita kena serah kepada undang-undang dan juga mahkamah. Sebab itu, kita mesti percaya kepada keputusan mahkamah. Janganlah tuduh mahkamah ini zalim.

Begitu juga Yang Berhormat ada membangkitkan mengenai sejauh mana kerajaan mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk serbuan tempat-tempat pelacuran. Akta Perlindungan Hak Wanita dan Gadis berada di bawah tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dengan dibantu oleh polis. Jadi, memandangkan kesalahan ini sekarang berada di dalam Kanun Keseksaan, ianya insya-Allah, akan menjadi tanggungjawab Polis Diraja Malaysia.

Yang Berhormat Puan Siti Zailah juga ada membangkitkan mengenai tiada hukuman bagi homoseks, lesbian dan sebagainya. Peruntukan yang melibatkan aktiviti pelacuran, tidak membezakan di antara lelaki dan perempuan iaitu termasuk kedua-duanya. Di dalam Fasal 2 yang memasukkan seksyen 372(3), ada memperuntukkan takrif pelacuran yang tidak membezakan di antara lelaki dan perempuan. Seksyen 377(a), 377(b), 377(c) dan 377(d) adalah peruntukan berkaitan aktiviti hubungan sejenis. Jadi, ada Yang Berhormat, mengenai kesalahan-kesalahan Yang Berhormat bangkitkan tadi.

Yang Berhormat Senator Dato' Hazizah binti Mohd. Sultan ada membangkitkan mengenai cadangan-cadangan beliau supaya banyak lagi kempen-kempen yang dibuat. Kita tidak nafikan bahawa hari ini banyak kempen telah dibuat mengenai anti gejala sosial iaitu melalui televisyen, melalui poster-poster yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan kita juga sebenarnya di peringkat Kabinet

kita ada Jawatankuasa Anti Gejala Sosial, kita juga ada projek pintas dan pelbagai program lagi.

Walau bagaimanapun, walau lagi banyak program yang kita buat, kita tidak nafikan bahawa kejadian-kejadian seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat bahaskan, ianya terus juga berlaku. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya kira saya telah menjawab semua persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kecuali Yang Berhormat Datuk Dayang Mahani, dia ada bangkit tadi supaya konsep 'rumahku syurgaku' ini diperkuatkan. Jadi, sebab itu kerajaan sudah pun melancarkan program-program ini. Yang Berhormat Datuk Dayang Mahani juga menyentuh supaya ceramah-ceramah dan juga didikan, ceramah-ceramah di masjid-masjid mestilah menekankan kepada ajaran agama yang sebenarnya. Jadi, inilah yang kita sedang memantau supaya masjid-masjid ini jangan digunakan untuk ceramah-ceramah politik dan juga konsep-konsep yang baik, yang dibuat oleh pihak kerajaan jangan diputarbelitkan seperti konsep 'rumahku syurgaku'.

Saya biasa dengar ceramah dekat masjid, Tuan Yang di-Pertua. Dia kata "rumahku syurgaku" yang kerajaan buat ini, dia kata, konsepnya tidak betul. Dia kata, sebab itulah, orang UMNO ini malas datang masjid, sebab dekat rumah dia sudah ada syurga. Jadi, benda-benda macam ini, kadang-kadang dia memberi kesan kepada orang yang mendengar walaupun tujuan itu, tujuan politik tetapi akan menimbulkan kesan-kesan yang kurang baik apabila didengar oleh orang yang tidak faham. Orang fikir juga, ini salah ini, konsep 'rumahku syurgaku'. Mana ada syurga dekat rumah. Yang cakap pula Tok Guru. Samalah juga masalah-masalah gejala yang sedang diperkatakan, puja syaitan dan sebagainya sebab Tok Guru kata, boleh berkawan dengan syaitan. Jadi, budak-budak muda pun dengar, apa salah dia berkawan dengan syaitan?

Jadi, sumbangan-sumbangan daripada parti pembangkang ini juga, kadang-kadang boleh mengelirukan orang ramai, orang muda. Jadi, kita juga haraplah daripada pihak pembangkang supaya sama-sama, sebab ini tanggungjawab sama-sama. Bukan tanggungjawab kerajaan sahaja, tetapi tanggungjawab semua rakyat, semua kerajaan negeri untuk kita membasmikan kes-kes gejala sosial kerana tadi pun kita dengar mula-mula tadi bincang, isteri tidak mahu layan suami.

Yang Berhormat Puan Jamilah ada membangkitkan, bila suami 10 malam tidak ada bersama isteri, jadi kadang-kadang menyebabkan suami pun sudah dirasuki oleh syaitan. Jadi, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang dibangkitkan tadi, memang kita tidak nafikan, merupakan perkara-perkara yang boleh memberikan sumbangan kepada perkara-perkara gejala sosial, tetapi kita juga tidak mampu hanya sekadar dengan undang-undang. Kalau kita lihat dadah, kita kenakan hukuman gantung sampai mati pun kita lihat dadah masih lagi berleluasa. Pendeknya, undang-undang sahaja tidak mencukupi. Seperti kita gubal juga undang-undang hari ini, tidak mencukupi.

Apa yang kita hendak ialah kerjasama daripada semua pihak, kesedaran daripada semua masyarakat yang bermula daripada rumah. Ya, kalau ikut pembangkang ini, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, memanglah mereka ini diibaratkan seperti orang lelaki yang bernafsu tinggi tetapi tenaga tidak ada. Saya hendak buka satu ceritalah sebagai penutup ini. Penutup ini Yang Berhormat, pembangkang ini, memang bernafsu tinggi, tetapi bila dia mendapat kuasa, dia tidak boleh buat apa yang dia hendak buat. Enakmen Jenayah Syariah (2) negeri Kelantan, saya ada dekat sini, satu copy, malas saya hendak ulang dah. Kita boleh ulas mana pertanyaan-pertanyaan yang dibuat, tetapi dia kata Kerajaan Persekutuan tolak, misal kata.

Jadi sebab itu kita harap semua pihak akan memberikan kerjasama. Ini kisah penutup ini yang orang PAS kita harap supaya mereka sentiasa tidak memainkan isu-isu tertentu yang boleh menimbulkan gejala yang tidak diingini di dalam masyarakat kita. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Noh Omar atas penggulungan sebentar tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2001

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.44 ptg.

– **Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah" dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kanak-kanak 2001 telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 15 Februari 2001. Apabila akta itu berkuat kuasa kelak, antara akta yang akan termansuh ialah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973. Dengan termansuhnya Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 ini, maka beberapa kesalahan yang terkandung dalamnya akan turut terhapus.

Untuk memastikan kesalahan-kesalahan ini tidak terhapus begitu sahaja, pindaan telah dibuat kepada Kanun Keseksaan seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2001.

Selain itu, kesalahan sumbang mahram juga semakin berleluasa di kalangan masyarakat, Kanun Keseksaan telah dipinda bagi mewujudkan kesalahan sumbang mahram tersebut.

Berikutan dengan pindaan kepada Kanun Keseksaan itu, Jadual Pertama kepada Kanun Tatacara Jenayah perlu juga dipinda dengan sewajarnya bagi mewujudkan tatacara berkaitan dengan kesalahan-kesalahan itu.

Jadual Pertama Kanun Keseksaan Tatacara Jenayah memperuntukkan klasifikasi kesalahan-kesalahan dalam Kanun Keseksaan dan undang-undang lain iaitu sama ada kesalahan-kesalahan itu lazimnya boleh ditangkap tanpa waran atau sebaliknya, kes waran atau kes saman, kes yang boleh melibatkan jamin atau sebaliknya dan kes yang boleh dikompaun atau sebaliknya.

Pindaan yang dicadangkan dalam Fasal 20 rang undang-undang ini akan memperuntukkan tatacara yang sewajarnya berkaitan dengan kesalahan-kesalahan ini. Tatacara yang dicadangkan itu menggambarkan betapa kerajaan memandang berat kesalahan-kesalahan yang melibatkan penganiayaan seksual dan sumbang mahram.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, Rang Undang-undang Kesihatan Mental 2001 telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 6 Ogos 2001. Pindaan-pindaan yang berbangkit daripada Rang Undang-undang Kesihatan Mental 2001 perlu juga dibuat dalam Kanun Tatacara Jenayah bagi menyelaraskan peruntukan-peruntukannya dengan peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang Kesihatan Mental.

Pindaan yang dicadangkan dalam Fasal-fasal 2, 9, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19 dan 21 rang undang-undang ini akan mencapai matlamat itu.

Fasal 2 bertujuan untuk menggantikan gelaran jawatan "Medical Superintendent" dengan "Medical Director" selaras dengan pewujudan jawatan Pengarah Perubatan oleh Fasal 5 dan 6 Rang Undang-undang Kesihatan Mental 2001 dan memperuntukkan bahawa dalam Kanun Tatacara Jenayah, istilah "Medical Director" merangkumi "Deputy Medical Director". Kedudukan ini serupa dengan situasi

yang sedia ada iaitu takrif "Medical Superintendent" merangkumi "Assistant Medical Superintendent".

Fasal 9, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17 dan 18 bertujuan untuk menggantikan istilah-istilah yang berkaitan dalam Kanun Tatacara Jenayah bagi menyelaraskan dengan Rang Undang-undang Kesihatan Mental iaitu menggantikan istilah "mental hospital" dengan istilah "psychiatric hospital", menggantikan istilah "Medical Superintendent" dengan istilah "Medical Director", mengemaskinikan tatacara lain berbangkit daripada Rang Undang-undang Kesihatan Mental 2001.

Fasal 19 bertujuan memansuhkan pengubahsuaian Bab 33, Kanun Tatacara Jenayah dalam pemakaiannya kepada Sabah dan Sarawak. Pengubahsuaian itu terkandung dalam Jadual Ketiga Kanun Tatacara Jenayah. Jadual Ketiga itu juga akan dimansuhkan selaras dengan pemansuhan Ordinan Orang Gila (Sabah) 1951 dan Ordinan Kesihatan Mental (Sarawak) 1961 apabila Rang Undang-undang Kesihatan Mental 2001 berkuat kuasa kelak.

Pemansuhan Jadual Ketiga ini dicadangkan dalam Fasal 21 rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, siasatan awal dan perbicaraan dengan juri dan "pengapit" telah dimansuhkan apabila Kanun Tatacara Jenayah dipinda oleh Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 1995 dahulu. Bagi mengemaskinikan Kanun Tatacara Jenayah, peruntukan-peruntukan yang masih ada dalam Kanun Tatacara Jenayah yang berkaitan dengannya dan tidak diperlukan sekarang, perlu dimansuhkan.

Pindaan yang dicadangkan dalam Fasal-fasal 4, 5, 6, 7, 8 dan 10 rang undang-undang akan mengemaskinikan Kanun Tatacara Jenayah selaras dengan pemansuhan siasatan awal dan perbicaraan dengan juri dan pengapit. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bermata suatu akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Dijemput Yang Berhormat Datuk William Lau.

**4.50 ptg.**

**Datuk William Lau Kung Hui:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk membahaskan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua saya ada sedikit point yang saya ingin bangkitkan di sini. Tadi, semasa perbahasan dengan rang undang-undang meminda Kanun Keseksaan, Yang Berhormat Menteri sebut adalah dikategorikan dalam CPC di mana orang berkenaan tidak boleh dijatuhkan dengan hukuman sebatan.

Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana saya tahu adalah satu kategori tentang orang berusia 50 tahun ke atas. Now, soalan saya, memandangkan kebanyakan jenayah dilakukan oleh orang-orang berusia lebih 50 tahun, pada masa ini orang berusia 50 tahun tidak sama dengan orang 50 tahun dahulu. Sekarang orang berusia 50 tahun masih kuat dan hebat, macam sayalah [Ketawa] Belum 51 tahun. Kalau kebanyakan peruntukan dalam akta-akta dicadangkan itu seperti Kanun Keseksaan, Seksyen 376, 372A dan B, saya bimbang jikalau CPC tidak dipinda, provision ini adalah *rendered ineffective*.

Oleh itu, saya cadangkan CPC, peruntukan ini harus dipinda. Itulah Tuan Yang di-Pertua, komen-komen saya. Saya berharap pihak kementerian akan mengambil perhatian. Saya memohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Dato' Noh menggulung bagi pihak Menteri.

**4.52 ptg.**

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk William. Oleh kerana Seksyen 289 belum

lagi kita pinda, maka mereka yang berumur lebih 50 tahun masih terlepas daripada hukuman sebat. Ini mungkin juga kalau kita lihat tadi, Kanun Keseksaan, *mandatory imprisonment* di mana 6 tahun. Jadi, kalau umur dia 50 tahun atau lebih 50 tahun, kalau dia kena penjara mesti 6 tahun, kalau dia misalannya 52 tahun, dia keluar penjara sudah 58 tahun. Jadi, mungkin faktor-faktor kesihatan dan mungkin juga akan diberi bimbingan-bimbingan kaunseling di dalam penjara, maka sebab itu hukuman rotan ini tidak dikenakan.

Walau bagaimanapun, pandangan daripada Yang Berhormat dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain juga semasa di Dewan Rakyat ada membangkitkan perkara yang sama, kita akan mengambil perhatian dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nanti dalam Jawatankuasa.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Tuan Pengerusi:** Dijemput Datuk Ghazi.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya tadi cuba hendak mencelah sebelum Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen habis tetapi dia lebih cepat daripada saya lagi. Itu sahaja. Sebab saya nampak Yang Berhormat Datuk William Lau cakap terakhir sekali hari ini sebelum Yang Berhormat Dato' Noh gulung dan dia sebenarnya ucapan terakhir dalam Dewan yang mulia ini dan sahabat saya, Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman pun hari ini apabila dia bincang tadi adalah ucapan terakhir di dalam Dewan yang mulia ini

Oleh kerana itu saya rasa terpanggil mewakili rakan-rakan lain dalam Dewan yang mulia ini, walaupun kita sudah ada majlis khas secara tidak rasmi tetapi saya ingin catat dalam rekod Dewan ini bahawa kita amat menghargai kehadiran mereka ini yang hebat-hebat dan kita telah sama-sama menimba ilmu tentang *contribution*, dengan izin, mereka dan *certainly will miss you*, dengan izin. Kita harap Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan, yang dua ini saya sebut, termasuk yang lain juga, maaflah, saya khusus ini sebab mereka ambil bahagian yang terakhir. Jadi, ada *special bonus* sedikit. Termasuk juga yang lain-lain yang saya tidak payah sebut nama, kita semua menghargai dan saya rasa kita akan teruskan dengan persahabatan kita melalui platform yang lain. Itu sahajalah Tuan Pengerusi dan saya tidak ada apa-apa komen lain dari segi rang undang-undang.

**Tuan Pengerusi:** Oleh itu, tidak payah Yang Berhormat Menteri menjawab. Kita teruskan.

**Fasal 1 hingga 21** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

*[Mesyuarat bersidang semula]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T, kita telah pun dapat menjalankan tugas kita dan segala rang undang-undang yang telah dibentangkan kepada kita telah kita bahas dan telah digulung oleh Yang Berhormat Menteri.

Dan pada hari ini juga merupakan hari yang terakhir kita bersidang bagi sesi ini dan juga hari yang terakhir Dewan ini seperti mana yang telah disebutkan oleh Datuk Ghazi tadi, antaranya ialah Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman dan juga Datuk William Lau

dan untuk itu kita semua juga akan meninggalkan Dewan ini buat sementara sehingga datang sesi yang baru. Saya ada serangkap pantun, enam kerat berbunyi begini:

*Dato' Aziz orangnya cendekiawan;  
Berucap berbahas dalam Dewan;  
Ketiadaannya rasa kehilangan;  
Kepada semua selamat pulang saya ucapkan;  
Jalur Gemilang kita kibarkan;  
Hari Kebangsaan kita raikan. [Tepuk]*

Dengan ini, saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan ini kepada satu tarikh dan masa yang akan ditetapkan.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.00 petang.***